



# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN NEGARA**

*SENATE*

**PARLIMEN KEEMPAT**

*Fourth Parliament*

**PENGGAL KEDUA**

*Second Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 2837]

**USUL:**

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat**  
[Ruangan 2847]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Perluasan)**  
[Ruangan 2848]

**Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan (Pindaan) [Ruangan 2854]**

**Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) [Ruangan 2883]**

**Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan) (No. 2) [Ruangan 2908]**

**Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka)**  
(Pindaan) [Ruangan 2920]

**Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan) (No. 3) [Ruangan 2922]**

**Rang Undang-undang Kemajuan Petroliaam (Pindaan) [Ruangan 2929]**

# PARLIMEN YANG KEEMPAT—DEWAN NEGARA

## *Penyata Rasmi Parlimen*

### PENGGAL YANG KEDUA

#### AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Perak).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Dilantik).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI S. O. K. UBAlDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK ABDUL AZIZ BIN TAPA, D.K.S.J., A.M.N., P.J.K. (Melaka).
- „ JENERAL TAN SRI ABDUL HAMID BIN BIDIN (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negeri Sembilan).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN V. V. ABOO, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N. (Johor).
- „ TUAN AHMAD AZIZUDDIN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN (Dilantik).
- „ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- „ DATUK SERI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).

- Yang Berhormat TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ DATUK LEE LOY SENG, D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- „ TAN SRI LIM CHING WAH, P.S.M., S.P.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- „ TUAN M. MAHALINGAM (Dilantik).
- „ DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.B. (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., S.M.P., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., S.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSEIN, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMMAD, P.G.D.K. (Sabah).
- „ TUAN SYED OMAR BIN SYED HUSSAIN, S.M.P., A.M.N. (Perlis).
- „ TUAN TING MING HIA (Sarawak).
- „ PUAN HAJJAH CIK TOM SAUDAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ TUAN S. M. VELLAYAPPA, S.D.K., A.M.N., J.P. (Kedah).
- „ DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad

## DEWAN NEGARA

Khamis, 13hb Januari, 1977

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

### DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

### JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

#### PEKERJAAN PEMEGANG IJAZAH UNIVERSITI INDIA

**1. Datuk V. Ponnusamy Pillai** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) samada terdapat satu rekod bagi pemegang-pemegang ijazah dari universiti-universiti India dalam berbagai-bagai bidang pengajian dan jika ya, berapa di antara mereka yang telah mendapat pekerjaan; dan
- (b) semasa Rancangan Malaysia Ketiga banyak pemegang-pemegang ijazah dalam berbagai bidang diperlukan untuk melaksanakan projek-projek pembangunan dan jika ya, samada Kerajaan bercadang mengambil pemegang-pemegang ijazah dari Universiti India yang terdiri dari warga-negara Malaysia.

**Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan tidak ada menyimpan rekod pemegang-pemegang ijazah dari universiti-universiti India ataupun lain-lain universiti, kecuali bagi mereka yang telah menerima biasiswa dan dermasiswa yang dikeluarkan oleh Kerajaan. Kesemua pemegang biasiswa Kerajaan Persekutuan yang telah mendapat kelulusan ijazah dari India telah dilantik ke dalam Perkhidmatan Awam.
- (b) Kerajaan memang memerlukan tenaga kerja dalam berbagai bidang pengajian

bagi melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga dan telah mempunyai rancangan biasiswa bagi pengeluarannya. Kerajaan akan mengambil berkhidmat pemegang-pemegang biasiswa dan dermasiswa itu apabila mereka mendapat ijazah atau lain-lain kelulusan yang sesuai yang diiktiraf oleh Kerajaan dan apabila mereka diperlukan untuk berkhidmat dengan sektor awam. Jika didapati perlu menambah tenaga terlatih itu, Kerajaan akan mengiklan pengambilannya dari kalangan warga-negara Malaysia yang memegang ijazah dan lain-lain kelulusan yang diiktiraf yang diperlukan, dengan tidak mengira dari negeri mana pun kelulusan itu diperolehi untuk ditemuduga oleh Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan.

**Dr Lim Keng Yaik:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Menteri yang berkenaan sedar di seluruh Semenanjung Malaysia ada lebih 20,000 pemegang-pemegang ijazah dari universiti-universiti India, Taiwan, Nanyang, Mesir dan Indonesia dan Kerajaan ada satu dasar pada tahun 1972 untuk mengakui (recognise) nilai ijazah (value of the degree) dari pemegang-pemegang ijazah dari universiti-universiti itu. Tetapi masalaahnya selalu pejabat-pejabat atau jabatan-jabatan Kerajaan untuk mengambil kerja (employ) pemegang-pemegang ijazah tidak memberi peluang kepada pemegang-pemegang ijazah dari universiti-universiti yang tidak diiktiraf. Oleh sebab itu, nilai ijazah itu tidak dikenal sebab pemegang-pemegang ijazah itu tidak boleh diambil bekerja di Jabatan-jabatan Kerajaan. Kalau Menteri yang berkenaan sedar bagaimanakah caranya boleh membaiki keadaan yang saya katakan itu.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar dan Kerajaan juga sedar bahawa ada beberapa orang dalam

negeri ini yang memegang ijazah yang belum diiktirafkan oleh Kerajaan dan apabila ada jawatan kosong yang diiklankan dalam suratkhobar sebenarnya biasanya dalam iklan itu mengatakan bahawa ijazah dari universiti yang diakui baru boleh dapat kelayakan memegang jawatan atau membuat permohonan jawatan itu. Jika sekiranya ada juga pemuda-pemudi pemegang ijazah yang belum diiktirafkan mereka boleh juga mengemukakan permohonan mereka kepada pihak jawatankuasa yang berkenaan supaya ijazah mereka boleh dikaji dan jikalau ijazah itu boleh diiktiraf mereka boleh diberi peluang berkhidmat.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum ada sebuah jawatankuasa khas yang mengkaji ijazah-ijazah dari mana-mana universiti.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya ijazah-ijazah dalam lapangan apakah daripada India yang diiktiraf oleh Kerajaan, misalnya, ijazah veterinary diiktiraf oleh Kerajaan.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, bukan semua ijazah-ijazah yang dikeluarkan oleh universiti-universiti di India diiktirafkan, cuma dalam bidang perubatan haiwan (veterinary). Ada beberapa buah universiti dari India di mana ijazah-ijazah itu diiktiraf di dalam bidang-bidang yang tertentu.

## PENGEDAR SAMSU HARAM

**2. Tuan M. Mahalingam** minta Menteri Undang-undang menyatakan semenjak Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1975 dikuatkuasakan, berapa banyakkah kes-kes pengedar Samsu Haram di bawa ke Mahkamah dan diambil tindakan sewajarnya dan juga apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi menghapuskan Samsu Gelap.

**Timbalan Menteri Undang-undang (Tuan Rais Yatim):** Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat itu telah dijawab oleh saya pada 17hb Disember, 1976 ketika saya menjawab soalan Yang Berhormat Datuk V. Ponnusamy Pillai dan juga pada 5hb Januari, 1977 ketika saya menjawab pertanyaan-pertanyaan Yang Berhormat Tuan

S.M. Vellayappa. Oleh yang demikian, saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa lagi kepada jawapan-jawapan saya itu.

## KEMALANGAN JALANRAYA

**3. Datuk Dr Wee Khoon Hock** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan oleh sebab kemalangan di jalanraya adalah bertambah buruk samada Kerajaan akan mengkaji masaalah ini dengan lebih dalam dan dengan sedaya-upayanya untuk memperbaiki kejadian itu.

**Tuan Rais Yatim:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat itu bagi pihak Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam.

Kementerian ini memang sedar tentang masaalah kemalangan jalanraya yang sentiasa berlaku di dalam negeri ini dan usaha-usaha adalah diambil dari semasa ke semasa untuk memperbaiki keadaan ini.

Kementerian ini telah berkali-kali memberitahu samada di dalam Dewan yang mulia ini ataupun di luar Dewan tentang langkah-langkah yang sentiasa diambil oleh Kementerian untuk mengurangkan kejadian-kejadian kemalangan jalanraya ini.

Kempen-kempen keselamatan jalanraya telah dilancarkan tiap-tiap tahun oleh Majlis Keselamatan Jalanraya dan akan terus diperhebatkan dengan tujuan memberikan kesedaran kepada orang ramai tentang tanggungjawab mereka apabila menggunakan jalanraya. Kempen-kempen ini diperluaskan dari setahun ke setahun dengan menambah daya-usaha pengajaran terhadap pengguna-pengguna jalanraya dengan mengeluarkan bahan-bahan kempen yang lebih dan juga membuat seranta melalui talivesyen, radio, akhbar dan mas media yang lain. Kempen-kempen yang dilancarkan ini adalah besar ertinya oleh kerana faktor utama berlakunya kemalangan jalanraya adalah berpunca dari kesalahan-kesalahan pengguna-pengguna jalanraya sendiri.

Langkah-langkah yang lain juga diambil untuk mengurangkan bahaya kemalangan jalanraya seperti penguatkuasaan undang-undang pemakaian topi keledar kepada semua penunggang-penunggang motosikal di seluruh negara. Kementerian ini juga sedang mengkaji kemungkinan mewajibkan

pemakaian talipinggang keledar kepada pemandu-pemandu kereta dan juga mengkaji penggunaan cermin-cermin kenderaan yang bewarna gelap.

Kementerian ini juga berusaha untuk memperbaiki jalanraya-jalanraya yang merbahaya di seluruh negara. Dari segi tindakan kuatkuasa, pihak Polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan adalah sentiasa berkerjasama rapat terhadap kegiatan-kegiatan penguatkuasaan. Selain daripada berusaha untuk mengambil lebih ramai lagi kakitangan, tindakan juga diambil untuk menambah alat-alat penguatkuasaan seperti kereta ronda, alat penimbang berat lori yang lebih besar, radar perangkap lari deras dan sebagainya.

Kesemua langkah-langkah positif yang sedang dan akan diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan kadar kemalangan jalanraya adalah menjadi sia-sia sahaja jika sekiranya pengguna-pengguna jalanraya sendiri tidak mempunyai kesedaran dan bekerjasama menggunakan jalanraya dengan cermat.

**Datuk Dr Wee Khoon Hock:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri sendiri sedar bahawa banyak pemandu motosikal menggunakan sejenis topi keledar dengan menambah di kiri kanan topi itu sampai menutup sepenuhnya telinga itu? Ini telah mengganggu pendengaran pemandu itu hingga tidak menyedari bunyi horn kereta dari belakang atau kanannya. Ini hingga akan mengakibatkan lebih banyak lagi kemalangan jalanraya. Ada setengah pengguna pula melubangi topinya untuk pendengaran tetapi itupun gagal sebab bunyi-bunyi bising angin kerana kecepatan motosikal itu. Jikalau ya, apa langkah yang akan diambil oleh Menteri yang berkenaan?

**Tuan Rais Yatim:** Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah selaras dengan tindakan-tindakan yang sedang dikaji dan dijalankan oleh Kementerian berkenaan. Kerajaan adalah sedar iaitu ada berbagai-bagai alat yang digunakan dalam pemanduan kereta atau dipakai oleh tuannya kereta atau motosikal yang berkenaan yang mungkin mendatangkan bahaya kepada keselamatan jalanraya. Jadi, aspek yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu adalah

dalam perhatian Kementerian ini dan tindakan atau langkah-langkah boleh diambil di bawah Ordinan Lalulintas yang berkenaan.

**Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan daripada Timbalan Menteri tadi menyatakan bahawa jalan-jalanraya akan dibaiki bagi mengatasi masalah kemalangan jalanraya. Bolehkah saya mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa dengan bertambahnya jalan-jalan di luar bandar dan juga dengan bertambahnya kenderaan-kenderaan di seluruh tanahair, jalan-jalanraya yang menjadi jalan besar pada hari ini yang telah menjadi pembunuh yang nombor satu kepada manusia, adakah Kementerian sedar bahawa jalan-jalan besar ini sudah menjadi terlalu kecil bagi menerima pengangkutan-pengangkutan daripada jalan-jalan luar bandar yang begitu banyak yang sudah tidak seimbang lagi dengan besarnya jalan dan dengan banyaknya jalan-jalan di luar bandar?

**Tuan Rais Yatim:** Tuan Yang di-Pertua, kesesakan sesuatu jalan atau hala yang berkenaan dalam aspek membicarakan tentang kecelakaan jalanraya atau accident yang berlaku di jalanraya mungkin merupakan salah satu dari sebab-sebab yang penting. Tetapi suka juga saya menerangkan menurut maklumat yang disampaikan oleh Kementerian ini bahawa sebahagian besar dari kemalangan-kemalangan jalanraya ini adalah berlaku disebabkan oleh kesalahan pemandu kenderaan sendiri, bukan disebabkan lorong-lorong yang kecil seperti yang terdapat di Kota Melaka umpamanya. Kalau diambil statistics dan data dari tahun 1974 umpamanya sebanyak 65.9% daripada jumlah kemalangan yang berlaku adalah disebabkan oleh kesalahan pemandu kenderaan sendiri. Ini bermakna kurangnya mereka ini diberi panduan atau kurangnya penerimaan mereka untuk "civic minded" atau menggunakan budi-bicara dalam menjalankan kenderaan masing-masing. Dan seterusnya untuk makluman Yang Berhormat, suka saya menjelaskan bahawa 0.79% kesalahan atau kemalangan jalanraya adalah bersabit dengan adanya terdapat binatang-binatang seperti lembu, kambing dan sebagainya berkeliaran di jalanraya. 1.8% terdiri dari kesilapan atau rosaknya lampu isyarat.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya sedarkah atau tidak iaitu Kerajaan sendiri atau Kementerian sendiri ada membuat banyak kesalahan menyebabkan kemalangan ini terjadi? Yang Berhormat Timbalan Menteri tahu iaitu jalan daripada Seremban ke Kuala Lumpur umpamanya, jalan itu sekarang dibina, baru hendak dibina dan setengahnya pun sedang dibina. Tuan Yang di-Pertua, papan tanda yang mengatakan "Road under repair". "Jalan sedang diperbaiki", "Jalan kecil" supaya menyelamatkan nyawa manusia jarang diperbuat macam mana didapati di Eropah, di Amerika dan lain-lain tempat. Ini adalah salah besar. Jikalau berlaku satu-satu kemalangan, Tuan Yang di-Pertua, orang awam boleh tuntutan Kerajaan di atas kematian seseorang itu. Bolehkah atau tidak pada hari yang akan datang Kerajaan meletakkan papan tanda (sign board) yang betul-betul supaya jangan kemalangan-kemalangan berlaku oleh kerana kelalaian Kerajaan?

**Tuan Rais Yatim:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu nampaknya hendak kata putus samada Kerajaan salah atau tidak salah. Dalam satu pengertian saya kadang-kadang berasa bahawa Kerajaan pada saat ini berada dalam dock. Tetapi sebenarnya di samping berseloroh keadaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu ada terdapat kebenarannya di setengah-setengah tempat iaitu di mana kontrekter-kontrekter yang menjalankan pembetulan jalan atau binaan jalan lupa ataupun cuai untuk meletakkan papan-papan tanda yang berkenaan. Jadi satu perkara yang perlu dijelaskan saya kira ialah bukan soal Kerajaan lupa atau cuai meletakkan papan tanda itu kerana tugas itu terletak kepada pihak yang mengambil kontrek untuk membina jalan tersebut. Jadi, kalau diambil jalan lebuhraya yang sedang dibina dari Seremban ke Kuala Lumpur nyatalah iaitu Syarikat Apollo, salah satu daripada syarikat-syarikat yang mengendalikan binaan ini, bertanggungjawab meletakkan papan-papan tanda ini dan ada tempat-tempat agaknya yang tidak diletakkan papan tanda yang menyebabkan timbul sangsi Ahli Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun, saya percaya Kementerian akan mengarahkan buat masa-masa akan datang supaya papan tanda seperti ini dapat dipaparkan untuk menjadi syarat kepada pemandu-pemandu dan motorist amnya.

**Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub:** Saya suka mengemukakan soalan ini iaitu sebagaimana jawapan Timbalan Menteri tadi, ini jalan yang diberi kontrek. Saya hendak tanyakan masaalah jalanraya Pantai Timor yang menghadapi Musim Tengkujuh sekarang ini yang langsung di bawah JKR. Jadi, saya hendak tahu bagaimana sikap Kementerian Kerja Raya tentang keadaan lobang-lobang yang terdapat disepanjang jalanraya, terutama di negeri Trengganu dan sebahagian di negeri Pahang dan Kelantan yang kena banjir menyebabkan banyak kerosakan dan menyebabkan banyak pemandu mendapat kemalangan akibat terjatuh dalam lobang. Adakah kita dapat salahkan pemandu sahaja kerana tidak memandu dengan cermat atau juga Jabatan Kerja Raya dapat kita salahkan sama?

**Tuan Rais Yatim:** Tuan Yang di-Pertua, jika mengikut perinsip biasa kalau ada lobang kita mesti sumbat. (*Ketawa*) .Dan kalau terdapat lobang-lobang di jalan-jalan tertentu di mana-mana negeri saya kira salah satu daripada langkah ialah bagi pihak-pihak berkuasa memberitahu pihak yang berkenaan supaya mengambil langkah dan tindakan. Jadi bagi memudahkan saya untuk memberitahu dan menyampaikan kepada Kementerian berkenaan bolehlah Yang Berhormat itu menyampaikan maklumat tertentu di mana kawasan-kawasan yang terlibat supaya tindakan-tindakan dapat diambil oleh Kementerian tersebut.

#### PELABUHAN BEBAS PULAU PINANG

**4. Tuan T. S. Gabriel** minta Menteri Kewangan menyatakan samada apa-apa rancangan dibuat untuk memulihkan taraf Pelabuhan Bebas kepada Pulau Pinang memandangkan ahtiviti-aktiviti perdagangannya yang telah kian merosot dan kehilangan imej sebagai sebuah Negeri yang penting di Malaysia.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menerangkan di sini iaitu soal pemuliharaan taraf pelabuhan bebas untuk Pulau Pinang tidak timbul lagi pada masa ini. Sebagaimana Yang Berhormat sedar Kerajaan telahpun mengutarakan rancangan untuk menubuhkan suatu kawasan kastam yang menyeluruh iaitu termasuk Sabah dan Sarawak supaya satu pasaran persamaan

dalam negara kita dapat diadakan. Langkah ini tentulah akan membantu perkembangan perusahaan-perusahaan tempatan.

Sebagaimana yang telah diterangkan dalam ucapan menggulung Belanjawan dalam Dewan Rakyat baru-baru ini, beberapa rancangan yang sesuai telah dan akan disediakan untuk memberi faedah terus kepada penduduk-penduduk di Pulau Pinang.

**Tuan T. S. Gabriel:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, apakah kerugian boleh berlaku jika taraf Pelabuhan Bebas tidak dipindahkan kepada negara seluruhnya.

**Tuan Richard Ho Ung Hun:** Tuan Yang di-Pertua, saya kurang faham akan soalan tambahan itu. Izinkan saya mengulangi jawapan saya iaitu soal pemulihan taraf Pelabuhan Bebas itu tidak timbul lagi, atau dalam bahasa Inggeris "irreversible".

**Dr Lim Keng Yaik:** Soalan tambahan, sebelum Kementerian Kewangan menarik balik taraf Pelabuhan Bebas dari Pulau Pinang, adakah Kementerian berbincang dengan Kerajaan Pulau Pinang dan memberitahu Kerajaan itu yang Kementerian menarik balik taraf Pelabuhan Bebas itu? Jikalau ada, aktiviti-aktiviti perdagangan akan merosot oleh sebab taraf Pelabuhan Bebas itu akan ditarik balik oleh Kementerian Kewangan dan jika tahu kemerosotan itu mengapa Kerajaan Persekutuan menarik balik taraf pelabuhan bebas itu?

**Tuan Richard Ho Ung Hun:** Tuan Yang di-Pertua, penarikan balik taraf Pelabuhan Bebas itu bukan telah dibuat secara dalam satu hari atau overnight. Sebenarnya, penarikan balik itu oleh Kerajaan Pusat adalah dijalankan dengan berperingkat-peringkat sejak tahun 1964 lagi dan pada masa sekarang juga masih dalam perjalanan di atas barang-barang dagangan yang baki itu. Kalau saya tidak salah faham akan soalan tambahan sahabat saya itu, soalan tambahan itu ditujukan kepada satu dakwaan yang kadangkala terdengar juga bahawa dengan penarikan balik taraf Pelabuhan Bebas itu, akibatnya kemerosotan perniagaan di Pulau Pinang. Yang saya boleh menyatakan di sini, Tuan Yang di-Pertua, ialah penarikan yang beransur-ansur, yang berperingkat-peringkat

itu sejak tahun 1964 adalah dalam pengetahuan penuh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Dan cara peringkat-peringkat itu ialah dibuat supaya pedagang-pedagang Pulau Pinang itu dapat mengubah-suaikan diri untuk menghadapi keadaan baru yang timbul itu. Saya harap jawapan itu memuaskan Yang Berhormat Senator itu.

**Datuk Syed Hassan Aidid:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita sedia maklum dengan kerana free port status tiada lagi, maka peniaga-peniaga di Pulau Pinang merosot bukan lagi merosot bahkan banyak kedai-kedai telah tutup. Dan kita telah dengar daripada Timbalan Menteri ada beberapa rancangan hendak dijalankan supaya memulihkan balik perniagaan ini. Dapatkah saya dengar apakah rancangan-rancangan yang tepat.

**Tuan Richard Ho Ung Hun:** Tuan Yang di-Pertua, barangkali ada salah faham atas apa yang telah saya nyatakan tadi. Yang saya nyatakan tadi tidak akan adakan pemulihan taraf Pelabuhan Bebas untuk Pulau Pinang. Apa yang mungkin dibuat ialah mengadakan satu kawasan yang kecil iaitu dinamakan free trade area di mana boleh dijalankan perniagaan-perniagaan bebas daripada cukai.

Itu adalah satu rancangan yang sedang dikaji pada masa ini. Sebelum saya duduk kembali, saya ingin juga menyatakan pandangan Perbendaharaan di sini iaitu sepanjang pengetahuan Kementerian Kewangan sebenarnya tidak ada bukti-bukti yang boleh menyakinkan bahawa penarikan balik taraf Pelabuhan Bebas beransur-ansur untuk negeri Pulau Pinang telah menjadikan sebab tunggal yang telah mengakibatkan kemerosotan keseluruhan yang didakwa itu meskipun komentar-komentar dan sungutan-sungutan yang kurang baik (adverse comment) terdengar juga kadang-kala.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja yang saya ingin menyatakan dan rancangan Free Trade Area itu sedang dikaji pada masa ini.

**Datuk Syed Hassan Aidid:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya lagi berkenaan dengan Free Trade Area, perkara ini sudah lama sangat dibangkitkan semenjak

tidak kurang daripada setahun. Bolehkah saya mendapat tahu selewat-lewatnya bilakah akan dilaksanakan.

**Tuan Richard Ho Ung Hun:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya soalan tambahan itu terkeluar sedikit daripada soalan pokok. Akan tetapi, saya boleh menjaminkan iaitu kita akan susuli dengan banyak lagi kajian dan rundingan dengan pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan saya yakin dengan kerjasama kedua-kedua pihak itu matlamat objektif itu akan dicapai dengan secepat yang mungkin.

## PERDAGANGAN DI PULAU PINANG

**5. Tuan T. S. Gabriel** minta Menteri Kewangan menyatakan samada Kementerian berkenaan ada apa-apa rancangan hendak mengadakan suatu lapuran mengenai akibat dan kesan aktiviti-aktiviti perdagangan yang tidak memuaskan yang berjalan di Pulau Pinang selepas taraf Pelabuhan Bebas dibatalkan.

**Tuan Richard Ho Ung Hun:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini tidak ada apa-apa rancangan untuk mengkaji aktiviti-aktiviti perdagangan di Pulau Pinang selepas cukai-cukai impot dikenakan atas barang-barang di Pulau Pinang.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaannya Awam (Puan Rafidah Aziz):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Perkara 1 hingga 7 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini telah selesai dipertimbangkan dan diluluskan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Perkara 1 hingga 7 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini telah selesai dipertimbangkan dan diluluskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekali lagi saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian akan cuba membahaskan hujah-hujah mereka seberapa ringkas yang boleh dan mengemukakan isi-isi sahaja.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERKAPALAN SAUDAGAR (PINDAAN DAN PERLUASAN)

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (12hb Januari, 1977).

3.04 ptg.

**Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian ini yang telah berjaya mengadakan Undang-undang Perkapalan. Walaupun kita semua tahu bahawa sejarah perkapalan ini adalah satu jenis pengangkutan yang paling tua sekali di dunia dan kebanyakan kita barangkali sedar bahawa apa yang kita dengar daripada nenek-moyang kita ialah sejarah Bahtera Nabi Noah (alaihissalam). Walaupun kita agak terlewat di dalam menyediakan Undang-undang ini, tetapi saya rasa Kerajaan telah menyediakan satu tapak yang kukuh bagi mengadakan peraturan-peraturan mengenai pengangkutan perkapalan di persisiran pantai negara kita ini.

Saya bersetuju sekali mengenai pendapat yang dikemukakan oleh saudara saya Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin mengenai cara Undang-undang

ini dikemukakan kepada Dewan. Sesungguhnya adalah satu perkara yang penting mengenai undang-undang ini kerana keseluruhannya telah dikemukakan dalam bahasa Inggeris yang mana saya faham adalah dengan kehendak dan perjalanan pegawai-pegawai yang boleh dikatakan pegawai-pegawai yang bureaucrat yang mungkin hanya memikirkan dari segi bagaimana Undang-undang ini untuk diimplimentasikan atau untuk dilaksanakan,

Di dalam menyediakan Undang-undang yang penting ini tidak ada terselit di dalam fikiran-fikiran untuk menunjukkan keperibadian Melayu ataupun keperibadian Bahasa Melayu yang mana kita telah menentukan di dalam Perlembagaan kita sendiri sebagai satu Bahasa Rasmi dan satu bahasa yang berdaulat. Hal ini saya harap akan mendapat perhatian yang berat daripada Kementerian-kementerian yang berkaitan agar setiap undang-undang yang hendak dikemukakan di dalam Dewan yang mulia ini hendaklah mempunyai asas-asas Bahasa Kebangsaan yang kukuh dan mempunyai sikap yang dedikasi kerana perkembangan bahasa ini tidaklah dapat diletakkan tugasnya semata-mata kepada Dewan Bahasa dan Pustaka sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, semalam kita telah banyak mendengar Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap mengenai insuran, pengangkutan dan sebagainya. Pada hemat saya sendiri apa yang dapat disebut atau faedah yang akan didapati oleh bumiputra mengenai undang-undang ini terutamanya sekali ialah mengenai perjawatan (employment). Selain daripada itu, satu faedah atau munafaat yang segera saya tidak ternampak sebarang apa yang dapat dinikmati oleh bumiputra yang dikatakan sebanyak 30%. Walau bagaimanapun, dengan keadaan kita sekarang kita mestilah menerima undang-undang ini dan saya hanya meminta satu sahaja iaitu di dalam Fasal 19 mengenai nama tiap-tiap kapal yang hendak didaftarkan di negeri ini, kalau boleh Kementerian hendaklah memikirkan satu cara iaitu janganlah kapal-kapal yang didaftar di Malaysia ini hanya berkibar bendera Malaysia sahaja, tetapi bentuk namanya juga hendaklah mempunyai unsur-unsur Malaysia (Malaysian identity). Ini bukan sahaja oleh sebab kita tidak mendapat faedah-faedah yang lain, tetapi bolehlah juga kalau kapal-kapal kita yang singgah di pelabuhan dan perhentian-perhentian di Gugusan-gugusan Pulau-pulau

Melayu dapat dikenali dengan kapal-kapal dari Malaysia. Selalu kita mengadakan berbagai-bagai helah untuk membuat satu-satu usaha bagi menyatu-padukan atau bagi meninggikan taraf Bahasa Melayu.

Saya fikir ada satu perkara yang patut sekali ditarik perhatian Dewan ini, semasa kita mengadakan taklimat di Bangunan MARA baru-baru ini saya dapati ada satu gambar seekor burung yang sedang terbang, di bawah gambar burung itu ditulis dengan perkataan, "If they can do it". Ini saya ingat satu falsafah yang baik. Tiap-tiap satu usaha mengenai Bahasa Malaysia dan juga mengenai perkapalan ini kalau kita fikir kita boleh buat, barulah kita dapat melakukan. Saya harap hal ini akan dapat dipertimbangkan oleh pihak Kementerian yang berkenaan.

*3.10 ptg.*

**Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif):** Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Kementerian Perhubungan mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan-pandangan dan teguran-teguran yang membina kepada Kementerian ini.

Saya percaya pandangan-pandangan dan teguran-teguran yang dilahirkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tentulah datangnya daripada hasrat yang jujur dan ingin melihat sebarang pembangunan dan kemajuan di negara kita ini dapat dinikmati oleh rakyat negara kita ini. Bagi pihak Kementerian ini pula, sukalah saya menyatakan oleh kerana hasrat dan tujuan itulah juga maka pindaan undang-undang ini dibuat.

Dalam masa mengkaji pindaan Undang-undang ini, Kementerian ini seberapa daya-upaya menumpukan perhatiannya ke arah sejauh mana kepentingan negara dan rakyat dapat dipelihara, dikawal dan diberikan peluang-peluang yang adil.

Sebagaimana telah saya sebutkan dalam ucapan saya pada masa mengemukakan Akta pindaan ini iaitu adalah menjadi tujuan utama pindaan ini supaya kita dapat mengawal aktiviti perkapalan pantai negara kita yang selama ini, aktiviti seperti itu bebas dijalankan oleh mana-mana syarikat luar negeri tanpa sebarang syarat dengan hasrat hendak menggalakkan

penyertaan yang aktif rakyat negara kita sendiri dalam aktiviti perkapalan disamping Kerajaan dapat melindungi pelaburan-pelaburan tempatan selaras dengan perinsip Dasar Ekonomi Baru.

Berhubung dengan pandangan-pandangan dan teguran-teguran yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam masa membincangkan Akta pindaan ini, suka saya mengambil peluang menjelaskan seberapa boleh.

Kepada Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin, saya mengucapkan terima kasih di atas teguran beliau mengenai terdapatnya perenggan-perenggan yang bercanggah sebagaimana yang disebutkan dalam Bahagian IIA dan IIB Seksyen 18 dan 17. Demikian juga mengenai pandangan beliau supaya Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 itu dikaji semula.

Suka saya menyatakan bahawa Kementerian ini akan mengkaji masalah itu. Kerajaan akan menimbang dan mengkaji dasar perkapalan negara. Polisi Kerajaan jelas dicerminkan dalam Akta pindaan ini.

Dalam bidang latihan, memanglah menjadi tujuan Kerajaan untuk melatih pemudapemuda kita dalam bidang perkapalan dan pelayaran baik di luar mahupun di dalam negeri. Sebuah Sekolah Pelaut telahpun didirikan di Melaka yang dikendalikan oleh MISC dengan kerjasama Kerajaan sebagai salah satu usaha ke arah perkembangan itu.

Mengenai pertanyaan Yang Berhormat itu berhubung dengan Seksyen 65B (2), suka saya menyatakan semangat pindaan ini disamping memperluaskan kuatkuasa keseluruhan Malaysia adalah berdasarkan kepada konsep perpaduan negara. Wakil daripada Malaysia Timur tidaklah ditentukan di dalam peruntukan Akta pindaan ini, tetapi suka saya memberikan jaminan bahawa di bawah peruntukan Seksyen 65B (2) (e) itu di antaranya wakil daripada Malaysia Timur akan dilantik.

Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik telah menyentuh mengenai saham. Menurut beliau saham besarnya mestilah dipegang oleh rakyat Malaysia. Suka saya menyatakan di sini bahawa di bawah beberapa peruntukan dalam Akta pindaan ini adalah jelas bahawa saham terbesar adalah dikehendaki dipegang oleh rakyat Malaysia.

Berhubung dengan Seksyen 11(1) (c) iaitu dikehendaki sekurang-kurangnya 3/5 daripada semua pengarah-pengarah terdiri daripada rakyat Malaysia dalam mana Ahli Yang Berhormat itu berkehendakkan semua ataupun 100%. Suka saya jelaskan iaitu peruntukan itu adalah sebagai syarat-syarat minima di mana terdapat syarikat yang berbentuk joint venture di antara pelabur asing dengan pelabur tempatan. Tetapi jika ada pelabur tempatan yang sanggup dan mempunyai kemampuan menjalankan perniagaan perkapalan pantai, maka bentuk syarikat itu adalah 100% Malaysia. Walau bagaimanapun, suka saya menyatakan Yang Berhormat Menteri berkenaan adalah diberi kuasa mengubah peratus saham dan sebagainya di antara warganegara dan orang-orang atau syarikat-syarikat asing bila-bila diperlukan.

Berhubung dengan perlantikan Ahli-ahli Lembaga Pelesen, suka saya memberikan pengakuan bahawa Kementerian ini akan mengambil perhatian.

Menyentuh mengenai MISC sebagaimana yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik dan Datuk Haji Ahmad Arshad rasa saya tentulah tidak adil jika saya tidak menjelaskan sedikit-sebanyak. Sebenarnya saham terbesar dalam MISC ialah dimiliki oleh Kerajaan iaitu kira-kira 61.4%. 20.6% dimiliki oleh timber, rubber, tin, pineapple industries dan lain-lain private holders. Hanya sebanyak 18% sahaja saham itu dimiliki oleh sponsors yakni apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu modal dari Hong Kong. Saya percaya sebagai badan-badan berkanun yang lain juga adalah menjadi tujuan bahawa saham-saham itu akan dijual kepada rakyat.

Tidaklah benar bahawa MISC dikuasai oleh seorang dua daripada luar. Demikian juga tidak benar Kerajaan mengikut telunjuk orang asing. Jaminan yang diberikan kepada MISC bukanlah bererti jaminan itu diberikan kepada individu.

Berhubung dengan pertanyaan Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad samada boleh atau tidak Kementerian ini menimbang bagi orang perseorangan atau secara bersyarikat mengendalikan perkapalan international. Dalam hal ini, suka saya menyatakan bahawa Kementerian ini tidak ada apa-apa halangan malah menggalakkannya. Tetapi syarikat-syarikat yang

memajak atau menyewa kapal-kapal asing dari segi undang-undang bukanlah pemilik kapal. Samada kapal-kapal itu hendak didaftarkan di bawah bendera Malaysia atau tidak, terpulanglah kepada pihak pemilik bukan kepada syarikat yang menjalankan.

Kepada Yang Berhormat Datuk Nik Hassan, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih di atas pujian beliau kepada peruntukkan Akta pindaan ini demikian juga pandangan-pandangan yang membina yang telah diucapkan oleh beliau.

Perindustrian perkapalan memanglah satu-satunya perindustrian yang memerlukan modal yang besar, kebolehan dan kemampuan yang luas. Bagaimanapun peluang-peluang ini masih terbuka dengan luas bagi rakyat negara ini di masa depan. Maka atas semangat itulah Akta pindaan ini dikemukakan.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya suka menjelaskan kepada Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik dasar sekurang-kurangnya 30% penyertaan bumiputra sebagaimana yang dibangkitkan oleh beliau akan diambil perhatian berat oleh Kementerian ini dalam sebarang pelaksanaan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 4* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Jadual* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PELABUHAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.20 ptg.

**Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Lembaga Pelabuhan, 1963 dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tujuan Akta (Pindaan) ini ialah pertama, bagi memberi kuasa kepada Lembaga-lembaga Pelabuhan mengeluarkan lesen kepada syarikat ataupun orang-orang perseorangan bagi menjalankan aktiviti-aktiviti yang diperlukan oleh Lembaga dengan syarat-syarat yang difikirkan sesuai oleh Lembaga tersebut.

Tujuan kedua pindaan tersebut ialah bagi membenarkan Lembaga-lembaga Pelabuhan dengan persetujuan Yang Berhormat untuk membuat derma kepada badan-badan kebajikan.

Selain daripada tujuan-tujuan tersebut di atas pindaan ini juga bertujuan menghadkan tanggungan (liability) Lembaga-lembaga Pelabuhan berkenaan dengan perkara-perkara gantirugi di pelabuhan.

Undang-undang yang ada ketika ini tidak menentukan dengan tegasnya tanggungan gantirugi (liability) Lembaga-lembaga Pelabuhan berkaitan dengan operasi punggah-memunggah dan kehilangan ataupun kerosakan barang-barang di Lembaga-lembaga Pelabuhan. Ada kalanya Lembaga-lembaga Pelabuhan tidak terkait dengan kehilangan ataupun kerosakan barang-barang. Mungkin perkara ini telah berlaku semasa barang-barang tersebut adalah di dalam perjalanan perkapalan. Ada kalanya barang-barang rosak semasa operasi punggah-memunggah.

Oleh itu, tujuan undang-undang ini ialah bagi menentukan dengan tegas lagi punca-punca kehilangan ataupun kerosakan barang-barang dan tanggungan gantirugi sepatutnya dikenakan kepada punca-punca tersebut.

Pindaan Akta ini juga bertujuan melepaskan Lembaga-lembaga Pelabuhan daripada tanggungan gantirugi yang disebabkan oleh perkara-perkara semula jadi yang tidak dapat dielakkan.

Segala urusan-urusan gantirugi mengikut pindaan Akta ini akan dikemukakan kepada Mahkamah Tinggi untuk timbangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-cadangkan.

**Puan Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

3.24 ptg.

**Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong kuat Bil ini untuk diluluskan dan memberi pendapat saya. Saya minta kepada Kerajaan supaya Lembaga Pelabuhan ini khasnya Lembaga Pelabuhan Kelang jangan diberi kuasa melebihi dari kuasa Menteri Perhubungan. Saya beri satu contoh, ada seorang pekerja namanya Tuan Haji Harun, ex-serviceman. Beliau telah bekerja sebagai Storekeeper di Pelabuhan Kelang itu. Beliau ini seorang yang takutkan Tuhan, tidak mahu bengkok dan menipu, walhal kalau beliau menipu beliau boleh jual barang-barang dari setornya atau barang-barang jagaannya. Beliau seorang yang rajin dan taat. Apabila beliau pergi ke Mekah, peninggalannya banyak barang-barang yang telah hilang dan beliau telah beritahu kepada Pengarahnya. Apa yang beliau dapat? Amaran keras. Saya sudah bawa perkara ini kepada Menteri tetapi malangnya Menteri asik sakit sahaja. Saya berjumpa dengan pegawai yang menjaga hal ini tetapi tidak berjaya, sebab kuasa Lembaga Pengarah Pelabuhan itu lebih besar daripada kuasa Menteri Perhubungan. Saya sendiri baca surat-surat sokongan yang diberi oleh union P.A.S.U. supaya Haji Harun dinaikkan pangkatnya tetapi hingga hari ini beliau tidak dapat, dan jawatan itu masih kosong lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya bawa satu perkara lagi. Saya menyampaikan kemuskilan orang-orang yang pergi Haji. Saya selalu pergi menghantar orang pergi Haji dan menunggu orang-orang balik dari Haji. Apa yang berlaku orang-orang yang pergi menghantar ini macam orang buangan (nobody cares for them) kerana ke sana tidak boleh, ke sini tidak boleh. Sepatutnya orang-orang yang hendak pergi Haji itu ditempatkan di satu tempat yang baik. Saudara-maranya yang menghantar atau menunggu diadakan satu tempat yang baik berhampiran dari situ, ini pun tidak boleh dibuat oleh Lembaga

Pelabuhan. They think for themselves only; they do not know that the public pay their wages through income tax. Saya merayu supaya peraturan-peraturan akan dibuat oleh penguasa-penguasa pelabuhan bagi orang-orang yang pergi Haji dan saudara-mara yang pergi menghantarnya.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Datuk Nik Hassan pada masa membahaskan Belanjawan dahulu betul berlaku, sebab bukan pekerja-pekerja pelabuhan sahaja ada dalam pelabuhan itu, bermacam-macam orang; ada yang mengambil barang-barangnya dari kapal, yang menghantar barang-barang ke kapal dan sebagainya. Itu sebabnya Ahli Yang Berhormat itu minta kawalan ketat diadakan di pelabuhan supaya barang-barang jangan hilang dan jangan ada rasuah. Oleh sebab tidak teraturnya di pelabuhan kita, kapal-kapal luar yang datang ke Port Kelang lebih suka pergi ke Pelabuhan Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Lembaga Pelabuhan pula, eloklah beri tugas-tugas yang boleh memajukan pelabuhan itu, bukan semata-mata datang menghadiri mesyuarat-mesyuarat sahaja dan memberi pandangan-pandangan semasa bermesyuarat itu. Lembaga ini mestilah dipilih dari orang-orang yang ada masa lapang yang boleh datang mengintip kerja-kerja pelabuhan itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya hairan, mengapakah the Bar Council did not agree with this Bill? Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya bacakan dalam bahasa Inggeris, kerana Bar Council tidak bersetuju dengan Bil ini. Can I read this press cutting in English? This is from the *Straits Times* of 23rd December, 1976—page 9. It says: (*Dengan izin*).

*“Bar Council to A.G.: Think again on Ports Bill*

The Bar Council has appealed to the Communications and Law Ministers to re-consider the Port Authorities (Amendment) Bill passed by the Dewan Rakyat and Dewan Negara recently”—belum lagi di sini.

In a statement yesterday, its secretary, Mr. P. Cumaraswamy said the Bill sought to exonerate the Port Klang Authority from

liability for loss of cargo, other than transshipment cargo, while these were in its custody.

'By virtue of this amendment no person can sue the Port Klang Authority for loss of his property for any reason whatsoever while they are in the Authority's custody,' he said.

'From now on, the Authority's servants or agents could deal with the public's goods with impunity and the unfortunate member of the public has no longer any redress in court'.

'Pilfering and theft which have been rampant in the port, will now even be encouraged as a result of this legislation.'

He said that as society became more complex, the citizen was further exposed to the acts of governmental and semi-governmental departments.

'There should always be a watchdog over these departments where the citizen can take his grievances against the actions of these departments. Our courts should always remain as that watchdog.'

'To deny the citizen of the right to take his grievances to the court is a denial of a valuable and fundamental right.'

'Legislation of this nature would be construed as a means to condone and protect bureaucratic misfeasance and non-misfeasance.'

'In recent years, the "inefficiencies" of the port were exposed in the High Court and several judgements were given against that Authority for loss of cargo.'

He said the Bill should be reconsidered, particularly in the light of the large number of pending cases against the port authority which were postponed to await a decision on an appeal before the Privy Council.

'In any event, in no circumstances should the amendment be made to affect the pending actions, otherwise this would be construed as a breach of faith on the part of the authority,' he added.

Bar Council Sendiri tidak bersetuju. Saya hendak bertanya kepada Kementerian yang berkenaan mengapa Bar Council tidak bersetuju. Inilah sahaja pandangan saya kepada Bil ini, saya menyokong dengan sepenuhnya.

3.30 ptg.

**Tuan M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberi sokongan atas Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Lembaga Pelabuhan, 1963. Pindaan yang dituntut di dalam Rang Undang-undang ini menjangkit hak warganegara berkenaan tuntutan bertentangan dengan Lembaga iaitu Tanggungan Berhad Lembaga kepada \$1,000 sebungkus atau yunit di mana ada kerosakan kepada barang-barang. Rang Undang-undang ini tidak menyediakan ganti-rugi jika berlaku kehilangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris sebab ini teknikal.

(*Dengan izin*): Tuan Yang di-Pertua, there are two limbs to Section 19D (2), as proposed in the amendment. One is that the port authority seeks that they are not liable for damages or in any other respect for any loss caused to any person by reason of short delivery of any goods deposited with or placed in the custody or control of the authority or any failure by the authority to deliver the goods or account for the same. Here, including for loss and damage or destruction, the port authority says they are not liable. That is fair enough.

Now, sub-section (b), that is, the second limb says, "For damage to, or destruction of, such goods in a sum of more than one thousand ringgit per package or unit...."

This particular section only deals with damage or destruction—the wording here is "damage or destruction"—it does not include "loss". Even if they pay \$1,000 if they want to pay—supposing you import a Mercedes Benz car from Germany, when it comes if there is damage or some destruction, you are entitled to claim at least \$1,000. But if the car is totally lost, then you have no remedy at all. Was it the draftsman's mistake or was it deliberately left out? I think only the Minister or the Deputy Minister could answer this particular *lacuna* that is seen from this particular amendment that is being brought about.

Tuan Yang di-Pertua, the owners of the ship are also not liable under the Carriage of Goods by Sea Ordinance, 1950. The consignee is left with no redress but to bear this loss silently. In my view, this would

affect not only the volume of business in the ports but also the insurance premiums for loss and damage of goods would go up.

Kerajaan telah membelanjakan beribu-ribu ringgit dalam kemajuan pelabuhan-pelabuhan dan lebih banyak wang akan dibelanjakan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Pengeluar-pengeluar barang-barang dari negeri-negeri luar tidak akan menggunakan kemudahan-kemudahan pelabuhan kita untuk mengirim barang-barang ke sini tetapi akan pergi ke tempat lain. Ini akan menjadi kerugian dalam perdagangan sebab kebanyakan pengeluar-pengeluar akan memilih pelabuhan-pelabuhan negeri yang dekat dan mengekspotkan balik barang-barang dari situ melalui keretapi dan jalanraya.

Importers of goods through our ports will also have a difficult time for either they may not get an insurer undertaking to insure their goods or even if they get, the premium would be high. This would result in an increase in the price of the goods passing through our ports.

I would like to voice my fear that the amendments brought about may affect the efficiency of the ports. The fear of action in court would naturally make all employees work with care and vigour. Limiting the claims to \$1,000 for damage of goods, if any, and no claim for loss would produce only inefficiency and loss of revenue. I would urge the Minister to look for alternative means to pay compensation in case if there was any negligence on the part of the port authorities. This may at least assure importers that they may get some form of compensation if there is any default on the part of the port authorities either through loss or damage.

Lastly, I would like to comment on the proposed Section 191. Section 191 reads:

“Notwithstanding the provisions of this Part, the authority shall, on application made to it by the owner of any vessel, enter into a contract with such owner whereby the authority shall accept liability for any loss caused by reason of short delivery . . . .”.

Under this provision, a contract can only be entered between the authority and the owners of vessels and no others. Under the rules adopted at the International Conference on Maritime Law held at Brussels in 1922 known as the Hague Rules which have

been incorporated under the Carriage of Goods by Sea Ordinance, 1950, the definition “carriage of goods” covers only the period of time when the goods are loaded on to the time when they are discharged from the ship. The meaning is if the goods are once taken from the ship and laid in the port, that is all ship’s responsibility, no more at all after this. This means the ships are not liable once the goods have been discharged in the port, i.e. unloaded.

I am of the view that no owners of vessel will enter into a contract with the port authority in view of their legal position. Even if they enter into a contract, can such a contract be enforceable? Because the law says they are not liable can the contract be enforceable? There are a large number of cases in the courts where such contracts have been held as illegal. If the words “owner of vessel” in Section 191 are deleted or added to immediately after with the words “or any other person”, then this would at least give the authority the power to enter into a contract with consignees in relation to liability.

Inilah sahaja pandangan-pandangan saya dan saya harap Yang Berhormat Menteri akan melihatkannya.

3.37 ptg.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap sedikit sahaja sebagaimana yang dinasihatkan oleh Tuan Yang di-Pertua tadi. Saya bersetuju, iaitu saya cuma ambil isi dan kulitnya saya buang.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetuju di atas Rang Undang-undang ini kerana saya fikirkan pelabuhan adalah penting untuk pembangunan sesuatu negara. Jikalau tidak ada pelabuhan yang tertentu tentulah segala hasil dalam negeri itu tidak dapat dikeluarkan, dengan sebab itu pada masa dahulu Singapura menjadi satu pelabuhan yang besar sekali, bukan sahaja untuk Singapura tetapi adalah untuk Malaysia keseluruhannya. Pada hari ini kita ada dua pelabuhan yang besar, iaitu di Port Kelang dan di Pulau Pinang. Dengan sebab itu supaya orang-orang menghantar barang-barang ini ke pelabuhan-pelabuhan kita segala fasilitinya mestilah dikawal. Pada hari ini jikalau kita pergi ke Port Kelang ataupun ke pelabuhan Pulau Pinang, bukan tidak

ada fasiliti—ada, tetapi fasiliti ini tidak mencukupi untuk hasil-hasil negara dikeluarkan atau diekspot atau diimpot ke dalam negara ini. Barangkali Yang Berhormat Timbalan Menteri ada pergi melawat ke Eropah, sekurang-kurangnya ke Singapura. Saya ada melawat ke satu pelabuhan di Eropah, namanya Hamburg. Pelabuhan itu ada fasiliti yang cukup sekali. Saya juga tengok pelabuhan di Amsterdam di mana fasilitinya cukup bagus. Dengan sebab itu, saya harap pegawai-pegawai pelabuhan kita pergi menengok supaya kita dapat meniru perkara yang baik-baik. Jangan kita fikir apa yang kita ada. Kita selalu fikirkan iaitu segala-gala yang ada di Malaysia ini cukup bagus, kita terpaksa meniru apa yang orang buat yang memberi kebaikan untuk negara.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya suka menyatakan kita selalu memuji diri kita sendiri yang kita semuanya baik. Memanglah ini baik tetapi biarlah orang-orang mengatakan kita baik. Saya fikir oleh kerana saya menjadi warganegara ini dan saya boleh bercakap di sini, lebih baik saya bercakap untuk kebaikan negara saya sendiri. Dengan sebab itu, saya berharap sangat supaya pelabuhan ini diperbaiki lagi. Facilitiesnya ditambah lagi supaya senang exporters dan importers kita membawa masuk barang dan mengeluarkan hasil barang-barang kita.

Tuan Yang di-Pertua, pelabuhan-pelabuhan kita ini memang ada lembaganya. Saya tidak ambil hal berkenaan dengan lembaga-lembaga atau ahli-ahli lembaga yang terdiri daripada pegawai-pegawai Kerajaan. Memanglah Kementerian ini menghantar satu, Kementerian itu menghantar satu, tetapi yang saya ambil tahu iaitu ahli lembaga daripada orang ramai ini mestilah dipilih daripada orang yang betul-betul bertanggungjawab, jangan oleh kerana orang itu memberi derma \$100,000, \$200,000 orang ini jadi ahli lembaga. Kalau begini jadinya, siapa boleh beri derma lebih, dialah jadi ahli lembaga dan siapa yang memberi wang yang lebih, dia boleh mendapat pangkat besar. Perkara ini saya harap dapat kita tengok sama-sama.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok berkenaan dengan Huraian Fasal 2 Lembaga untuk mengeluarkan lesen kepada perseorangan dan sebagainya. Di sini saya harap kepada Lembaga Pelesen menengokkan

supaya ada bukan sahaja keturunan Melayu, China atau India sahaja dapat bekerja di situ, dapat diberi lesen di situ, tetapi mestilah ditengah berkenaan dengan dasar-dasar Kerajaan yang baru ini terutama sekali berkenaan dengan meninggikan taraf hidup bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana di pelabuhan banyak kerja-kerja, ada yang mengecat kapal, ada yang mengangkut barang ke dalam kapal, ada yang memberi watchmen ke kapal-kapal, ada yang mengangkut barang-barang, misalnya dari Kuala Lumpur ke pelabuhan dan buruh-buruh di pelabuhan, Kerajaan mestilah menengokkan ada perseimbangan mengikut penduduk-penduduk di Malaysia ini. Perkara ini adalah penting sekali, janganlah dimonopoli oleh satu-satu bangsa. Ini yang saya minta oleh kerana dasar kita adalah untuk meninggikan taraf hidup bukan sahaja satu-satu bangsa, tetapi meninggikan taraf hidup kepada semua bangsa di tanahair kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai tanggungjawab Port Authority kita. Tiap-tiap satu authority ada tanggungjawabnya. Dalam Seksyen 19F ada menyatakan force majeure, (a) hingga (m). Di sini ada dikatakan;

- (b) an act of God;
- (c) an act of war or of public enemies;
- (d) seizure under any legal process.

Ini adalah tanggungjawab untuk menangkap sahaja, act of God, kerana barangkali Tuhan turunkan hujan dari langit, habis karam pelabuhan atau ombak memukul pelabuhan, habis warehouses. Ini act of God sahaja ataupun perbuatan-perbuatan yang tidak kita ketahui. Tetapi apa tanggungjawab lembaga (authority) ini? Tentu ada tanggungjawabnya. Kalau kita hendak mengelak tanggungjawab ini tidak boleh. Kita tidak boleh mengelak daripada tanggungjawab kita, sebagai satu badan kadang-kadang kita sakit, kadang-kadang kita pening kepala. Dengan ini terpaksa satu badan menghadapi perkara-perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan ini adalah Kerajaan yang dipilih oleh orang ramai dan orang ramai juga mesti bersuara di atas perkara ini. Misalnya exporter atau importer. Kadang-kadang bahan-bahan atau barang-barangnya sampai tujuh hari di pelabuhan tak dapat dikeluarkan. Tujuh hari dia

terpaksa membayar untuk menyimpan barang-barang ini di dalam gudang. Ini bukan kesalahannya, kadang-kadang salah pegawai-pegawai kita, baikpun pegawai kastam ataupun lain-lainnya. Adakah tanggungjawab authority badan ini untuk membayar gantirugi kepada exporter atau importer tadi. Kalau kita hendak tepuk mestilah tepuk dua tangan sekali, jangan kita tepuk satu tangan sahaja. Saya harap badan yang seperti ini bertanggungjawab kepada pegawai-pegawai bukan sahaja pegawai-pegawai di dalam kawasan itu, samada Kastam, watchmennya, penjaga dalam yang melarikan barang-barang keluar dengan tidak diketahui, ini mesti bertanggungjawab betul-betul. Kalau melepaskan tanggungjawab sahaja mengatakan: saya tidak hendak ganti. Ini mana boleh, sebab kita bertanggungjawab. Seperti saya ada anak, saya tidak hendak bertanggungjawab, saya hendak kahwin sahaja; tidak hendak bertanggungjawab dengan anak saya, lepaskan begitu sahaja mana boleh. Itu tidak lojik. Jadi, kita terpaksa ada tanggungjawab kita dan juga tanggungjawab orang ramai (public) kepada authority ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa dahulu di Port Swettenham ada orang Belanda namanya Van Turan. Ia kaya-raya, tinggal di Port Swettenham. Ia monopoli berkenaan dengan satu-satu perkara seperti buruh dan pekerja-pekerjanya. Pada masa yang akan datang, saya minta kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan perkara monopoli seperti ini janganlah diberi kepada seorang sahaja. Kita tidak hendak gula dimonopoli oleh satu orang, tepong dimonopoli oleh satu orang, beras dimonopoli oleh satu orang, besi dimonopoli oleh satu orang, kapal dimonopoli oleh satu orang, buat kapal dimonopoli oleh satu orang. Ini yang kita tidak mahu. Ini barangkali Kerajaan akan pecah-pecahkan. Orang ramai sekarang sudah terpelajar, sudah tahu, sudah berfikir, sudah nampak perkara ini terang-terang. Saya harap kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri tengokkan betul-betul di atas perkara ini supaya pelabuhan kita boleh betul-betul berjalan dengan baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, buruh-buruh di dalam pelabuhan ini kita mesti perhatikan supaya mendapat gaji yang berpatutan, bukanlah dibiarkan kontrekter mengambil buruh-buruh sehingga mereka ditekan betul-betul, dihisap darahnya seperti terpaksa

mengangkat barang-barang yang berat-berat untuk majikan, tetapi mereka cuma mendapat \$5-\$6 sehari, sedangkan kerjanya setengah mati. Kalau di sesebuah pelabuhan itu ada berlaku mogok tentulah menyebabkan kerugian bukan kepada kontrekter itu tetapi kerugian kepada seluruh negara kita. Negara akan kaku, negara tak dapat mengeluarkan hasil ataupun hasil negara tak dapat dikeluarkan. Kita telah mengalami perkara ini beberapa kali pada masa yang lalu.

Itulah sahaja ucapan saya, Tuan Yang di-Pertua. Saya harap terutama sekali pemilihan Jawatankuasa Lembaga ini jangan sekali-kali dibuat macam dahulu, tetapi hendaklah dilantik wakil daripada Chinese Chamber of Commerce, Indian Chamber of Commerce, Malay Chamber of Commerce ataupun Malaysian Chamber of Commerce supaya dapat mereka mengawasi perjalanan pelabuhan ini dengan sempurna.

3.52 ptg.

**Datuk Mohd. Tahir bin Abdul Majid:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam mempersoalkan Rang Undang-undang di hadapan kita pada petang ini atas asas membuat sesuatu Rang Undang-undang ialah untuk memelihara kepentingan orang awam, untuk menjaga kebebasan orang awam, memelihara dan melihatkan kesejahteraan bagi keseluruhan orang awam.

Sebahagian daripada Rang Undang-undang ini memang baik dan jitu, tetapi oleh kerana disebabkan perkara PART IIIA,19C itu sudah membawa satu keceleaan di dalam Rang Undang-undang ini. Sebagaimana yang telah disampaikan oleh rakan saya tadi adalah memandangkan jika Rang Undang-undang ini bagi memelihara harta-benda orang awam bagi kepentingan negara keseluruhannya yang akan dimasukkan dan dikeluarkan daripada negara ini tidak dipertanggungjawabkan kepada Lembaga ini. Bahkan di dalam kawasan Lembaga ini adalah kawasan larangan (protected area) tidak ada lain orang yang boleh berkuasa di dalam kawasan ini selain daripada Lembaga ini dan pekerja-pekerjanya. Jika pihak Lembaga ini dan pekerja-pekerjanya tidak bertanggungjawab atas apa juga yang berlaku di dalam kawasan itu, dimanakah letaknya kepercayaan orang awam dan orang yang hendak mengeluarkan dan masukkan barang bagi kepentingan negara ini. Apa

akan jadi? Dengan peruntukan PART IIIA, 19C yang ada ini apa yang kita kaji berlaku hari ini seolah-olah kita akui perkara ini. Kita mengakui perkara keji yang berlaku di dalam kawasan itu memang betul diperbuat. Saya rasa kita di dalam Dewan ini bertanggungjawab untuk meluluskan Rang Undang-undang ini. Jika perkara yang tak betul itu kita kata betul, saya rasa ini masalah besar. Saya percaya ini satu perkara yang akan menjadi keburukan kepada negara kita.

Sekira ini berlaku keseluruhan orang yang hendak mengeluarkan bahan-bahan yang ada di dalam negara kita ini tidak berani pergi ke pelabuhan yang kita telah belanjakan beratus-ratus juta ringgit untuk memperbaiki dan memperluaskannya. Orang akan lari dari pelabuhan kita, apa barang yang akan masuk? Tiap-tiap seorang pedagang samada pengimpot atau pengeksport, berkehendakkan barang-barangnya itu selamat, terjamin dan terpelihara ditangan orang yang diserahkan, orang yang betul-betul atau badan yang betul-betul bertanggungjawab. Kalau Rang Undang-undang seumpama ini, saya tak tahulah bagaimana pendapat legal draftsman yang mana sebahagian daripada yang asalnya bagus, tetapi dibelakangnya cuai, dan adakah telah diteliti oleh orang yang bertanggungjawab untuk mengemukakan Rang Undang-undang ini kepada Menteri yang bertanggungjawab. Saya tak pasti. Oleh kerana muslihat-muslihat yang kita telah dengar di dalam Dewan ini sendiri, bahkan kita tahu perkara itu berlaku di tiap-tiap pelabuhan, mengapa pula di waktu ini kita membuat undang-undang yang menunjukkan kita mengakui perkara itu memang sah daripada segi undang-undang Kerajaan negara kita. Inilah perkara yang saya khawatirkan sangat kerana kalau Undang-undang ini tidak diperbetulkan sekarang, saya berharap sangat kepada Menteri yang bertanggungjawab supaya bawalah pindaan ini di masa yang akan datang, kerana sebagaimana sahabat saya telah menyampaikan tadi kalau harga barang itu \$100,000 kita cuma dapat \$1,000 sahaja sebagai gantirugi, siapakah yang hendak menghantar barang kepada kita dan jika hilang terus, tidak ada dakwa-dakwi sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, kalau umpamanya saya meletakkan kereta di rumah Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Tuan Yang di-Pertua

tidak bertanggungjawab, Tuan Yang di-Pertua boleh jual motokar saya dengan senang sahaja. Itu satu perbuatan yang tidak bertanggungjawab. Dalam Rang Undang-undang ini ada menyatakan demikian. Itulah sebabnya saya katakan tadi tidak ada tanggungjawab yang tertentu kepada pihak yang berkuasa di dalam kawasan pelabuhan itu. Saya minta untuk memperkuatkan lagi dapatlah kiranya diperhatikan dan diteliti kembali. Sebahagian daripada Rang Undang-undang ini cukup baik, tetapi oleh kerana PART IIIA, 19C dan selanjutnya sudah mencatatkan perkara ini tidak sebegitu baik.

3.59 ptg.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun memberikan sokongan yang kuat atas Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Kementerian yang berkenaan. Saya tidak berhajat hendak membuat hujah-hujah yang begitu lanjut, saya cuma hendak menarik perhatian dalam beberapa perkara, mudah-mudahan akan memberi manfaat bila Rang Undang-undang ini dilaksanakan atau sekurang-kurangnya memberi satu kesedaran kepada Kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini bila kita laksanakan kelak akan dapat menghilangkan keraguan, ketakutan dan kesangsian ahli-ahli peniaga samada dalam negeri atau luar negeri yang hendak memunggah atau hendak mengeluarkan barangnya di pelabuhan-pelabuhan kita. Dahulu pernah saya buat soalan kepada Menteri yang berkenaan, beliau menjawab semua Lembaga Pelabuhan itu mempunyai keuntungan, tetapi keuntungan yang saya nampak tidak begitu setimpal dengan hasil-hasil yang patut diperolehi. Tuan Yang di-Pertua, penyakitnya yang ada dalam pelabuhan-pelabuhan kita itu, pertamanya sekali penyakit yang ditakuti oleh ahli-ahli perniagaan bila hendak menghantar barang ke Malaysia barangnya rosak. Yang kedua, kehilangan barang. Yang ketiga, kelambatan barang itu—iaitu punggah-memunggah. Yang keempat, gejala ugutan. Perkara ini, saya telah diberitahu oleh ahli perniagaan yang professional dalam negeri kita mengatakan bahawa kejadian ini kalau tidak dibetulkan oleh Kerajaan satu masa yang akan datang bahawa pandangan luar negeri berhubung dengan pelabuhan kita kurang molek. Jadi dengan sebab itu Kementerian ini sedar, saya

ucapkan tahniah kerana sedar dan membawa Rang Undang-undang ini untuk diperbaiki dan dapat menghilangkan kesangsian dan keraguan sebagaimana yang saya cakapkan tadi. Mujurnya, negeri kita ini ada mempunyai bahan-bahan mentah yang banyak yang dikehendaki oleh seluruh dunia dan ada pula kita pelabuhan walaupun tidak begitu licin dan tak baik pentadbirannya. Kalau kiranya kita tak ada bahan-bahan mentah, pelabuhan-pelabuhan yang kita buat ini akan terus menerima kerugian.

Apa yang saya hendak sentuh, Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan punca kehilangan barang. Saya telah diberitahu oleh ahli-ahli perniagaan kita punca kehilangan barang ini bukanlah ditanggungjawab oleh Lembaga, setengah-setengahnya, tetapi kecuaiian Lembaga ini. Puncanya yang pertama disebabkan oleh pegawai-pegawai yang menadbirkan di situ. Yang kedua, diusahakan oleh pemborong-pemborong. Saya telah diberitahu bahawa kalau menghantarkan barang itu 10 bungkusan dan dia tahu barang ini pasarannya sangat baik di Malaysia tetapi tidak sampai kepada tangan tuanpunya itu 10 bungkus tinggal 9, yang satu sudah hilang. Kemudian bila tuanpunya barang ini membuat satu tuntutan dia kata, kami tak berani, kalau dibuat dakwaan kepada Lembaga ini barang-barang kami pada masa akan datang akan dimusnahkan, akan banyak lagi kehilangan. Jadi keraguan ini kita tak tahu puncanya, siapa yang hendak bertanggungjawab barang-barang ini hilang. Kadang-kadang barang-barang yang mahal seperti jam dan fountain pen, orang tak berani melalui kapal, dia melalui kapal terbang, sebab kalau melalui kapal terus barang ini hilang. Keadaan macam ini berlaku di pelabuhan kita yang disungutkan oleh ahli-ahli perniagaan kita dalam tanahair kita.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan Lembaga ini akan mengeluarkan lesen. Saya harap juga lesen-lesen yang hendak dikeluarkan oleh Lembaga ini jangan terlampau lambat. Diproses lesen itu dengan seberapa segera yang boleh supaya dapat orang yang berkenaan ini menjalankan perusahaan itu dan dapat membantu Lembaga Pelabuhan itu. Yang keduanya, kalau boleh syarikat-syarikat yang memajukan permohonan lesen ini diberikan perhatian dan keutamaan kepada bumiputra ataupun ada syarikat-syarikat

yang bersekutu dengan bumiputra. Sebab dengan keadaan yang macam ini tidaklah sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi bahawa di pelabuhan ini dimonopoli oleh satu-satu kaum sahaja. Ini adalah satu peluang yang baik mengikut Dasar Ekonomi Baru kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya hendak sentuh berhubung dengan Fasal 3 membolehkan Lembaga ini membuat sumbangan-sumbangan kewangan kepada tujuan-tujuan awam atau amalan. Ini satu perkara yang amat baik yang diperuntukkan diberi kepada Lembaga itu. Pengetahuan saya cetek dalam masaalah ini, amalan atau sumbangan-sumbangan yang saya maksudkan ini mungkin juga di kawasan-kawasan pelabuhan yang ada dalam tanahair kita ini, pelabuhan itu boleh mendirikan kompleks atau arked untuk diberi peluang kepada orang-orang yang hendak berniaga di tempat itu seperti di Pelabuhan Pulau Pinang. Bangunan-bangunan yang seumpama ini juga patut diperhatikan bahawa ahli-ahli perniagaan ini diberi peluang kepada bumiputra dalam kawasan pelabuhan itu.

Akhirnya, saya hendak menyatakan bahawa dalam negeri saya ada sebuah pelabuhan iaitu Pasir Gudang yang telah kita bena, tetapi kemajuannya pada saat ini, saya fikir sangat kurang dan gudang-gudang yang ada di kawasan Pasir Gudang ini didirikan oleh Lembaga, tetapi hanya tak kurang daripada, kalau tak saya salah, Yang Berhormat Menteri boleh betulkan, kira-kira hampir 20 buah gudang yang ada di situ hanya 2 sahaja yang laku, yang lain orang tak mahu membuat tawaran. Jadi, puncanya menurut apa yang diberitahu kepada saya bahawa harga beaun gudang itu terlampau mahal. Jadi, keadaan ini saya harap kalau Pasir Gudang ini hendak dijadikan pelabuhan yang mendapat hasil perkara seperti ini patut kita berikan perhatian oleh Kementerian yang berkenaan.

4.06 ptg.

**Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak membangkang Bil ini kerana Bil ini telahpun diluluskan oleh Dewan Rakyat. Kalau kita bangkang di sini bermakna kita kena hantar balik kepada Dewan Rakyat yang mana sejarah belum kita buat lagi. Kita belum tempa satu sejarah yang kita hantarkan balik Bil kepada Dewan Rakyat dan Dewan

Rakyat terpaksa tunggu tiga bulan untuk menghantar balik kepada Dewan ini. Jadi, Menteri Undang-undang bersetujulah dengan saya barangkali kita memberi jalan kepada Menteri yang berkenaan supaya meluluskan Bil ini di sini dan kiranya didapati pada masa-masa hadapan perkara-perkara berbangkit yang boleh menimbulkan kerosakan kepada pelabuhan-pelabuhan kebangsaan kita ini, maka Bil ini akan dipinda oleh Menteri Undang-undang kita. Janganlah hendaknya kita Dewan Negara menempa satu sejarah yang buruk bagi parliamentary practice di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, Port Kelang telah menjadi satu cerita yang panjang di dalam akhbar apabila kita berbincang masa kita meluluskan Budget kita. Saya diugut, satu taligrem dihantar dengan menyatakan kalau saya tidak datang berdailog di Stadium Kota Raja, Kelang kesemua pekerja akan mogok, dan saya telah terima satu surat daripada Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia, setia-usahanya tulis kepada saya dengan cara yang tidak langsung juga mengugut. MTUC mengugut saya supaya pergi ke Port Kelang berdailog dengan pekerja-pekerja di sana. Yang menyain surat ini ialah Setiausaha MTUC, barangkali dengan kehendak ketuanya, Presidennya iaitu Dr P. P. Narayanan yang juga menjadi ahli Lembaga Port Kelang yang jarang sekali pergi hadir mesyuarat Lembaga Port Kelang dan jarang mengambil tahu hal Port Kelang.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan rakan saya Raja Datuk Nong Chik apabila kita hendak lantik ahli Lembaga carilah orang yang ada interest, orang yang ada kemahuan bekerja. Kalau sudah tiga kali, empat kali tidak hadir mesyuarat pecat sahaja dia, berhentikan sahaja, walau dia doktor walau tidak doktor. Berhentikan daripada ahli Lembaga itu kerana tidak hadir mesyuarat, kerana tidak memberi khidmat yang baik kepada Lembaga kita. Cari orang yang boleh memberi khidmat yang baik. Walaupun dia menjadi Presiden bagi MTUC atau apa juga pertubuhan tetapi tidak memberi khidmat yang jujur kepada negara, kita tidak mahu negara kita menghadapi masalah ini.

Kita tidak mahu negara kita diperintah oleh Trade Unions, kerana kita mempunyai sebuah negara yang diperintah oleh rakyat, rakyat itu sejumlah besarnya bukan Trade Unions, sejumlah besar daripada rakyat

negara ini ialah daripada rakyat di seuruh negara, daripada pekerja, daripada nelayan, daripada pengusaha, daripada peniaga seluruh negara yang mengundi Kerajaan, yang membentuk Kerajaan, Kerajaan yang berparlimen, Parliamentary Democracy, yang berhak untuk menyuarakan sesuatu. Kalau Parlimen kita diugut, kalau Senate diugut supaya jangan bercakap, supaya jangan mendedahkan sesuatu yang buruk yang berlaku dalam negara ini, maka ini sudah menjadi satu keadaan yang mendukacitakan kita. Kita mahu Kerajaan kita ialah sebuah Kerajaan yang baik, sebuah Kerajaan yang berdemokrasi yang memberi hak suara kepada semua orang. Ahli-ahli Senate mempunyai suara yang tertentu menegur, boleh menegur, walaupun Kerajaan, walaupun Badan-badan Berkanun, walaupun Trade Unions, walaupun siapa dan diberi perlindungan yang cukup supaya dapat menegur dengan cara bersih. Kita mempunyai peraturan-peraturan Parlimen, apabila kita menegur, kita menegur dengan cara yang berperaturan, bukan menegur dengan cara yang bukan-bukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah menarik perhatian kepada Kerajaan, kepada Menteri Perhubungan, kepada Menteri Buruh supaya memberi satu pelajaran kepada ahli-ahli Trade Union sini—educate them. Kita tidak mahu dengar ketua Trade Unions mengeluarkan perkataan yang kesat kepada Menteri sebagaimana kita baca dalam akhbar, seorang daripada pegawai Kesatuan Sekerja—CUEPACS yang mengeluarkan kenyataan dalam akhbar dengan cara yang keras, cara yang kasar terhadap Timbalan Perdana Menteri, Dr Mahathir semata-mata kerana hendak menekan Kerajaan supaya memberi gaji yang lebih. Perundingan sedang dijalankan, peroses sedang dibuat, kenapa mesti mengeluarkan perkataan-perkataan yang keras, terpaksa mengugut, memberi kata-kata yang kesat kepada pemimpin negara kita, kepada Dr Mahathir sebagai Pemangku Perdana Menteri. Kita mesti beri faham kepada rakyat umum bahawa Kerajaan tidak mahu diugut dengan muncung pistol dalam sesuatu perkiraan, dalam sesuatu perundingan. Kita bukan sebuah Kerajaan yang lemah, kita mempunyai sebuah Kerajaan yang kukuh dan kuat, Barisan Nasional disokong oleh semua

rakyat. Ini sebuah Kerajaan yang tegap, stabil dan boleh menghadapi apa jua ancaman. Ini saya suka menjelaskan di sini supaya mereka ini mengenali siapa itu Kerajaan dan siapa itu Trade Unions.

Tuan Yang di-Pertua, cukuplah saya berkata kepada Trade Unions dan saya akan menunggu . . . . .

**Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan, kalau saya diberi jalan. Daripada apa yang disebutkan oleh sahabat saya tadi nampaknya ugutan yang disebutkan tadi adalah satu perbuatan yang serious terhadap Dewan ini. Saya suka bertanya samada daripada kandungan surat itu ataupun daripada taligram yang diterima oleh sahabat saya Datuk Nik Hassan, adakah itu mencemar nama baik Dewan ini, dan jikalau begitu, saya rasa patut sesuatu tindakan daripada Dewan ini diambil supaya mereka yang di luar mengerti bahawa bila kita membuat sesuatu teguran di sini, kita membuat sesuatu teguran dengan ikhlas, bukannya dengan secara main-main sahaja. Kerana rasa saya kalau surat yang diterima oleh sahabat saya tadi betul-betul mencemarkan nama baik Dewan kita ini, rasa saya patut sesuatu tindakan diambil.

**Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Saya berterima kasih kepada rakan saya Yang Berhormat Tuan Kamarul Ariffin kerana memberi satu pandangan yang baik kepada Dewan ini dan saya serahkan kepada Yang di-Pertua Senate kita untuk mempertimbangkan, adakah perkara ini layak dijadikan satu perkara yang akan diambil tindakan oleh Dewan Negara kita supaya Parlimen kita ini dapat dikenali oleh rakyat secara yang benar-benar, secara betul, tahu apa kuasa Parlimen, apa Parlimen boleh buat, apa tindakan yang boleh diambil, setakat mana kuasa-kuasa Parlimen. Itu saya serahkan kepada Yang di-Pertua, kita untuk mempertimbangkan sesuatu, sebab ugutan kepada Parlimen ini ialah ugutan kepada ketua negara kita, kalau dapat saya fahamkan.

Tuan Yang di-Pertua, apabila timbul masalah Port Kelang, ini, dua pegawai penting telah meletakkan jawatan. Saya mahu Menteri kita memberi satu penjelasan yang tegas di Dewan ini, sebab saya baca

surat khabar menyatakan Pengerusi meletakkan jawatan dan tidak sanggup menyambung jawatannya kerana kesihatan dan kerana berbagai-bagai perkara lagi.

Yang kedua, Ketua Pengarahnya meletakkan jawatan kerana kemahuannya sendiri, dia letak jawatan kerana kemahuannya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, setelah dia meletakkan jawatan, Ketua Pengarah ini memanggil satu persidangan akhbar dan akhbar *Utusan Malaysia* telah mengeluarkan satu berita yang besar pada hari Selasa, 28hb Disember, 1976 dalam mana Ketua Pengarah telah mendedahkan; Ketua Pengarah ini telah bekerja selama 12 tahun, umurnya 47 tahun dengan mempunyai pengalaman selama 12 tahun di Port Kelang, telah mendedahkan kepada negara kita ini iaitu Port Kelang ini ialah satu pelabuhan yang mempunyai satu syndicate yang besar.

Saya suka membacakannya, kalau diizinkan, apa yang dikatakan di sini bahawa:

Beliau telah menjelaskan memang ada sindikit-sindikit yang berterusan yang mengetahui semua maklumat-maklumat mengenai masa ketibaan, nilai dan di mana tempat barang-barang yang tiba disimpan. Menurutnya pihak Lembaga akan memperketatkan lagi langkah-langkah keselamatan di pelabuhan itu bagi menegah kegiatan mencuri barang-barang itu termasuk dengan mengambil lebih ramai pengawal-pengawal keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang didedahkan di sini ialah barang-barang yang dikatakan hilang. Menurutnya, tuntutan dalam tahun 1972 sebanyak 2.38 juta yang dituntut sebagai barang yang hilang.

Dalam tahun 1973 sebanyak 2.76 juta barang yang hilang yang dituntut oleh tuanpunya barang.

Dalam tahun 1974, 3.23 juta dan dalam tahun 1975 2.71 juta tuntutan-tuntutan daripada barang-barang yang hilang di Port Kelang.

Ini kenyataan yang didedahkan oleh bekas Ketua Pengarah (Director-General) Port Kelang setelah dia meletakkan jawatan dengan kesukaan hatinya sendiri, bukan dipecat; kesukaan hatinya sendiri dan saya dapati daripada berita ini juga dikatakan

bekas Ketua Pengarah ini telah ditawarkan jawatan oleh Menteri Perhubungan, Tan Sri V. Manickavasagam, supaya beliau menerima jawatan baru yang dipanggil Penasihat kepada Pelabuhan Kelang, diberi satu jawatan baru yang dinamakan jawatan sebagai Penasihat kepada Pelabuhan Kelang dengan mempunyai gaji yang tertentu dan mempunyai kuatkuasa Penasihat yang tertentu. Tetapi mengikut katanya bekas Ketua Pengarah ini menolak jawatan itu. Tawaran itu ditolak oleh Ketua Pengarah ini. Jadi kita mahulah satu penjelasan daripada Timbalan Menteri kerana Menteri tidak ada di sini. Saya ingat Menteri datang supaya dia menghadapi masalah ini sendiri.

Saya dapat tahu pagi tadi dia pergi ke Port Kelang, berjumpa dengan pegawai-pegawai dan sebagainya di sana dan saya fikir perlu beliau datang ke sini bukan ke Port Kelang, sebab masalah yang ada ialah di Dewan Negara, bukan di Port Kelang. Di Port Kelang itu cuma bertemu sahaja. Di Dewan Negara ini kita hendak menyelesaikan masalah-masalah yang timbul mengenai Port Kelang yang ada kaitan dengan Pelabuhan Kelang, yang perlu dijawab oleh Menteri sendiri supaya Ahli-ahli Dewan dan rakyat mengetahui apa yang sebenar berlaku mengenai Port Kelang ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang patut kita teliti ialah kuasa. Setahu saya kuasa Port Authority ini ialah kuasa membuat polisi dan Ketua Pengarah mempunyai kuasa executive, kuasa tadbir. Kuasa tadbir dan kuasa polisi dan kedua-dua kuasa ini ada menimbulkan berbagai-bagai perkara. Apabila berbangkit masalah Port Kelang, kata Ahli Lembaga, mereka tidak tahu, kerana ini kuasa executive. Perkara pentadbiran. Datuk Crawford ada di sebelah saya. Dia Timbalan Pengerusi, Port Kelang. Apabila saya bertanya kepadanya, beliau mengatakan bahawa mereka tidak mempunyai kuasa tadbir. Mereka tidak mempunyai kuasa executive.

**Datuk J. E. S. Crawford:** On a point of order, if he allows me. (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, I think my friend is slightly mistaken. What I told him was that the Chairman and the Deputy Chairman were policy makers only. The executive powers lay with the Ketua Pengarah. That is all, Sir.

**Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** (*Dengan izin*) That is true my dear Datuk Crawford, because I have said just now that they do not have the executive powers. The executive powers are with the Director-General, not the Port Authority. Maybe you are confused with my Malay, but that is what I meant in my speech.

**Datuk J. E. S. Crawford:** Could be.

**Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Jadi, Pengerusi dan Timbalan Pengerusi tidak mempunyai kuasa executive, yang mempunyai kuasa executive ialah Ketua Pengarah dan apa yang berlaku dalam Port Kelang adalah ditanggung oleh Ketua Pengarah. Jadi saya rasa sudah sampailah masanya supaya kita mengkaji balik kuasa-kuasa mentadbir pelabuhan ini. Undang-undang yang menyentuh mengenai kuasa, kalau sekiranya kita meluluskan Undang-undang menghadkan tuntutan kerugian ini sahaja dengan tidak mengkaji kepada keseluruhannya Undang-undang itu dari segi kuasa, dari segi pengawalan, dari segi pelaksanaan dan sebagainya, maka kita akan menghadapi masalah lagi di masa hadapan.

Ini perlu dikaji tentang kuasa, adakah baik kuasa executive itu duduk pada Director-General dengan tidak boleh disoal oleh Ahli-ahli Lembaga, oleh Pengerusi Lembaga dan Ketua Pengarah itu mempunyai pertalian secara langsung dengan Menteri. Adakah ini baik? Ataupun lebih baik Ketua Pengarah kita letakkan di bawah Lembaga dan mempunyai tanggungjawab secara langsung kepada Pengerusi Lembaga. Bukan secara langsung di bawah Menteri, sebab Menteri dengan Ketua Pengarah ini jauh sangat gap. Menteri duduk di Kuala Lumpur. Menteri mempunyai kuasa yang luas. Dia mempunyai tanggungjawab yang banyak. Dia tidak dapat hendak pergi check. Adakah Ketua Pengarah menjalankan tugas yang baik? Dia tidak ada masa. Dia mempunyai tugas untuk menemui rakyat bagi melawat kawasan. Nasib baik Tan Sri Manickavasagam boleh melawat Port Kelang, sebab kawasannya itu Port Kelang, tetapi kalau Menteri yang lain kawasan pilihanrayanya, maka sudah tentu susah dia hendak melawat, sebab dia mempunyai kawasan lain. Ini perlu kita kaji dan kalau hendak selamatkan Port Kelang, Menteri yang berkenaan kita tukarkan jangan Menteri yang ada di kawasan Port Kelang. Kita tukarkan, biar Menteri daripada kampung, daripada

kawasan luar daripada Kelang, sebab kalau Senate dia boleh ugut, Menteri pun dia boleh ugut juga. Pekerja-pekerja di Port Kelang beribu-ribu yang menjadi pengundi di Kelang yang akan mengugut Menteri; beri gaji lebih, beri kemudahan, beri kesenangan; kalau tidak, mereka tidak akan undi kepada Yang Berhormat. Ini perkara besar. Ini perkara boleh menyentuh kuasa Menteri dalam menjalankan tugasnya. Jadi perlu kita ambil seorang Menteri yang luar daripada kawasan Kelang, lantik dia jadi Menteri Perhubungan supaya dapat menjalankan tugasnya dengan bersih, baharulah kita selamat. Kalau tidak susah kita. Sebab, nampaknya mereka ini cuba hendak memerintah bukan rakyat yang memerintah sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapat tahu—ini sekali lagi saya terpaksa dedahkan, bahawa bukan sahaja sindikit curi, sindikit rosak barang tetapi ada satu macam sindikit mengambil kontrek dalam Port Kelang. Jadi kontrektor dua tiga orang, dia buat empire dalam Port Kelang itu. Apa juga kerja beri kepadanya, orang luar tidak boleh masuk. Satu kerja dia ambil, harga \$3 juta, \$4 juta—kerja belum siap, beri lagi kerja lain dengan harga \$3 juta, \$4 juta, belum siap. Beri lagi kerja lain \$3 juta, \$4 juta, si kontrektor membina kekayaannya di Port Kelang itu. Ini satu sindikit, sindikit mencari kekayaan dalam Port Kelang yang tidak dapat membenarkan orang lain mencari rezeki di dalam Port Kelang. Ini perlu dikaji. Kita berkehendakkan kepada orang yang betul-betul kuat (tough) sanggup menghadapi masalah ini. Kalau kita ada Datuk Ishak Tadin menghadapi Keretapi Tanah Melayu (Malayan Railway), maka kita mahu satu orang yang boleh menghadapi Port Kelang ini. Orang yang sanggup pergi pada malam hari—check. Kalau Datuk Ishak Tadin boleh naik keretapi kelas 3 duduk bersama-sama dengan penumpang, mengetahui apa yang berlaku dalam keretapi, maka kita mahu seorang Ketua Pengarah yang boleh duduk atas lori hendak masuk di dalam Port Kelang supaya tahu \$2 satu lori masuk kena bayar. Satu lori masuk kena \$2, kalau 100 lori satu hari, berapa ratus ringgit?

Kita mahu orang yang jadi Ketua Pengarah ini berada dalam godown pada satu ketika. Dan tengok bagaimana driver port lift itu angkat barang. Adakah kena bayar juga \$2 kerana angkat barang? Kalau tidak bayar, ke mana barang itu pergi? Dia mahu tahu.

Perkara ini kita berkehendakkan kepada satu orang yang rajin, dedikasi, orang yang mempunyai tanggungjawab yang betul. Saya tidak tahulah Pemangku Ketua Pengarah hari ini jenis yang betul orangnya, atau macam mana sebab saya tidak kenal. Saya tidak tahu siapa yang memangku sekarang. Tetapi kita perlu kepada orang yang seumpama ini bukan ahli Lembaga yang cuma hadir mesyuarat dan melihat keadaan pada siang hari, tetapi pada malam hari juga kita mahu kepada mereka ini masuk.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya suka hendak beri pandangan yang saya rasa sudah sampai masanya barangkali Kerajaan kita menyediakan askar-askar atau melatih askar-askar kita dalam pekerjaan-pekerjaan yang seumpama ini. Pekerjaan membawa keretapi, pekerjaan membawa Port lift truck, pekerjaan membawa lori, pekerjaan mengangkat barang, supaya satu hari kelak negeri kita tidak akan jadi macam mogok pelabuhan di London. Apabila berlaku pemogokan di Pelabuhan London, satu negara itu susah, lumpuh segala perjalanannya. Kita mahu kalau mereka ini sanggup menghadapi dan sanggup menunjukkan cara yang kasar pada Kerajaan maka kita siapkan tentera kita, kita masukkan tentera kita dalam Port Kelang untuk menjalankan tugas dalam masa sebulan, dua bulan atau tiga bulan, barulah mereka kenal siapa itu Kerajaan. Kita mempunyai tentera dan kita mempunyai Rangers dan juga kita mempunyai berbagai-bagai pasukan yang boleh menjalankan kerja dan tugas yang boleh menegakkan sebuah Kerajaan yang baik, dan boleh menjaga keselamatan negara. Ini juga satu tugas untuk keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah hendak bercakap panjang-lebar tetapi saya rasa kita patutlah tahu iaitu sindikit-sindikit ini bukan dalam Port Kelang sahaja, sindikit-sindikit ini ada hubungannya dengan international syndicate. Misalnya, satu barang yang datang daripada England yang sampai ke Port Kelang barangkali ada sindikitnya di London Port dan bila sampai di Port Kelang ada hubungannya pula dengan sindikit di Port Kelang, sebagaimana yang didedahkan oleh bekas Ketua Pengarah Lembaga Pelabuhan Kelang itu. Sekarang kita mahu bertanya adakah Ketua Pengarah, adakah Lembaga Pelabuhan Kelang itu sanggup memecahkan sindikit yang dikatakan itu. Sindikit yang

bekas Ketua Pengarah ini telah ditawarkan jawatan oleh Menteri Perhubungan, Tan Sri V. Manickavasagam, supaya beliau menerima jawatan baru yang dipanggil Penasihat kepada Pelabuhan Kelang, diberi satu jawatan baru yang dinamakan jawatan sebagai Penasihat kepada Pelabuhan Kelang dengan mempunyai gaji yang tertentu dan mempunyai kuatkuasa Penasihat yang tertentu. Tetapi mengikut katanya bekas Ketua Pengarah ini menolak jawatan itu. Tawaran itu ditolak oleh Ketua Pengarah ini. Jadi kita mahulah satu penjelasan daripada Timbalan Menteri kerana Menteri tidak ada di sini. Saya ingat Menteri datang supaya dia menghadapi masalah ini sendiri.

Saya dapat tahu pagi tadi dia pergi ke Port Kelang, berjumpa dengan pegawai-pegawai dan sebagainya di sana dan saya fikir perlu beliau datang ke sini bukan ke Port Kelang, sebab masalah yang ada ialah di Dewan Negara, bukan di Port Kelang. Di Port Kelang itu cuma bertemu sahaja. Di Dewan Negara ini kita hendak menyelesaikan masalah-masalah yang timbul mengenai Port Kelang yang ada kaitan dengan Pelabuhan Kelang, yang perlu dijawab oleh Menteri sendiri supaya Ahli-ahli Dewan dan rakyat mengetahui apa yang sebenar berlaku mengenai Port Kelang ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang patut kita teliti ialah kuasa. Setahu saya kuasa Port Authority ini ialah kuasa membuat polisi dan Ketua Pengarah mempunyai kuasa executive, kuasa tadbir. Kuasa tadbir dan kuasa polisi dan kedua-dua kuasa ini ada menimbulkan berbagai-bagai perkara. Apabila berbangkit masalah Port Kelang, kata Ahli Lembaga, mereka tidak tahu, kerana ini kuasa executive. Perkara pentadbiran. Datuk Crawford ada di sebelah saya. Dia Timbalan Pengerusi, Port Kelang. Apabila saya bertanya kepadanya, beliau mengatakan bahawa mereka tidak mempunyai kuasa tadbir. Mereka tidak mempunyai kuasa executive.

**Datuk J. E. S. Crawford:** On a point of order, if he allows me. (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, I think my friend is slightly mistaken. What I told him was that the Chairman and the Deputy Chairman were policy makers only. The executive powers lay with the Ketua Pengarah. That is all, Sir.

**Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** (*Dengan izin*) That is true my dear Datuk Crawford, because I have said just now that they do not have the executive powers. The executive powers are with the Director-General, not the Port Authority. Maybe you are confused with my Malay, but that is what I meant in my speech.

**Datuk J. E. S. Crawford:** Could be.

**Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Jadi, Pengerusi dan Timbalan Pengerusi tidak mempunyai kuasa executive, yang mempunyai kuasa executive ialah Ketua Pengarah dan apa yang berlaku dalam Port Kelang adalah ditanggung oleh Ketua Pengarah. Jadi saya rasa sudah sampailah masanya supaya kita mengkaji balik kuasa-kuasa mentadbir pelabuhan ini. Undang-undang yang menyentuh mengenai kuasa, kalau sekiranya kita meluluskan Undang-undang menghadkan tuntutan kerugian ini sahaja dengan tidak mengkaji kepada keseluruhannya Undang-undang itu dari segi kuasa, dari segi pengawalan, dari segi pelaksanaan dan sebagainya, maka kita akan menghadapi masalah lagi di masa hadapan.

Ini perlu dikaji tentang kuasa, adakah baik kuasa executive itu duduk pada Director-General dengan tidak boleh disoal oleh Ahli-ahli Lembaga, oleh Pengerusi Lembaga dan Ketua Pengarah itu mempunyai pertalian secara langsung dengan Menteri. Adakah ini baik? Ataupun lebih baik Ketua Pengarah kita letakkan di bawah Lembaga dan mempunyai tanggungjawab secara langsung kepada Pengerusi Lembaga. Bukan secara langsung di bawah Menteri, sebab Menteri dengan Ketua Pengarah ini jauh sangat gap. Menteri duduk di Kuala Lumpur. Menteri mempunyai kuasa yang luas. Dia mempunyai tanggungjawab yang banyak. Dia tidak dapat hendak pergi check. Adakah Ketua Pengarah menjalankan tugas yang baik? Dia tidak ada masa. Dia mempunyai tugas untuk menemui rakyat bagi melawat kawasan. Nasib baik Tan Sri Manickavasagam boleh melawat Port Kelang, sebab kawasannya itu Port Kelang, tetapi kalau Menteri yang lain kawasan pilihanrayanya, maka sudah tentu susah dia hendak melawat, sebab dia mempunyai kawasan lain. Ini perlu kita kaji dan kalau hendak menyelamatkan Port Kelang, Menteri yang berkenaan kita tukarkan jangan Menteri yang ada di kawasan Port Kelang. Kita tukarkan, biar Menteri daripada kampung, daripada

kawasan luar daripada Kelang, sebab kalau Senate dia boleh ugut, Menteri pun dia boleh ugut juga. Pekerja-pekerja di Port Kelang beribu-ribu yang menjadi pengundi di Kelang yang akan mengugut Menteri; beri gaji lebih, beri kemudahan, beri kesenangan; kalau tidak, mereka tidak akan undi kepada Yang Berhormat. Ini perkara besar. Ini perkara boleh menyentuh kuasa Menteri dalam menjalankan tugasnya. Jadi perlu kita ambil seorang Menteri yang luar daripada kawasan Kelang, lantik dia jadi Menteri Perhubungan supaya dapat menjalankan tugasnya dengan bersih, baharulah kita selamat. Kalau tidak susah kita. Sebab, nampaknya mereka ini cuba hendak memerintah bukan rakyat yang memerintah sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapat tahu—ini sekali lagi saya terpaksa dedahkan, bahawa bukan sahaja sindikit curi, sindikit rosak barang tetapi ada satu macam sindikit mengambil kontrek dalam Port Kelang. Jadi kontrektor dua tiga orang, dia buat empire dalam Port Kelang itu. Apa juga kerja beri kepadanya, orang luar tidak boleh masuk. Satu kerja dia ambil, harga \$3 juta, \$4 juta—kerja belum siap, beri lagi kerja lain dengan harga \$3 juta, \$4 juta, belum siap. Beri lagi kerja lain \$3 juta, \$4 juta, si kontrektor membina kekayaannya di Port Kelang itu. Ini satu sindikit, sindikit mencari kekayaan dalam Port Kelang yang tidak dapat membenarkan orang lain mencari rezeki di dalam Port Kelang. Ini perlu dikaji. Kita berkehendakkan kepada orang yang betul-betul kuat (tough) sanggup menghadapi masalah ini. Kalau kita ada Datuk Ishak Tadin menghadapi Keretapi Tanah Melayu (Malayan Railway), maka kita mahu satu orang yang boleh menghadapi Port Kelang ini. Orang yang sanggup pergi pada malam hari—check. Kalau Datuk Ishak Tadin boleh naik keretapi kelas 3 duduk bersama-sama dengan penumpang, mengetahui apa yang berlaku dalam keretapi, maka kita mahu seorang Ketua Pengarah yang boleh duduk atas lori hendak masuk di dalam Port Kelang supaya tahu \$2 satu lori masuk kena bayar. Satu lori masuk kena \$2, kalau 100 lori satu hari, berapa ratus ringgit?

Kita mahu orang yang jadi Ketua Pengarah ini berada dalam godown pada satu ketika. Dan tengok bagaimana driver port lift itu angkat barang. Adakah kena bayar juga \$2 kerana angkat barang? Kalau tidak bayar, ke mana barang itu pergi? Dia mahu tahu.

Perkara ini kita berkehendakkan kepada satu orang yang rajin, dedikasi, orang yang mempunyai tanggungjawab yang betul. Saya tidak tahulah Pemangku Ketua Pengarah hari ini jenis yang betul orangnya, atau macam mana sebab saya tidak kenal. Saya tidak tahu siapa yang memangku sekarang. Tetapi kita perlu kepada orang yang seumpama ini bukan ahli Lembaga yang cuma hadir mesyuarat dan melihat keadaan pada siang hari, tetapi pada malam hari juga kita mahu kepada mereka ini masuk.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya suka hendak beri pandangan yang saya rasa sudah sampai masanya barangkali Kerajaan kita menyediakan askar-askar atau melatih askar-askar kita dalam pekerjaan-pekerjaan yang seumpama ini. Pekerjaan membawa keretapi, pekerjaan membawa Port lift truck, pekerjaan membawa lori, pekerjaan mengangkat barang, supaya satu hari kelak negeri kita tidak akan jadi macam mogok pelabuhan di London. Apabila berlaku pemogokan di Pelabuhan London, satu negara itu susah, lumpuh segala perjalanannya. Kita mahu kalau mereka ini sanggup menghadapi dan sanggup menunjukkan cara yang kasar pada Kerajaan maka kita siapkan tentera kita, kita masukkan tentera kita dalam Port Kelang untuk menjalankan tugas dalam masa sebulan, dua bulan atau tiga bulan, barulah mereka kenal siapa itu Kerajaan. Kita mempunyai tentera dan kita mempunyai Rangers dan juga kita mempunyai berbagai-bagai pasukan yang boleh menjalankan kerja dan tugas yang boleh menegakkan sebuah Kerajaan yang baik, dan boleh menjaga keselamatan negara. Ini juga satu tugas untuk keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah hendak bercakap panjang-lebar tetapi saya rasa kita patutlah tahu iaitu sindikit-sindikit ini bukan dalam Port Kelang sahaja, sindikit-sindikit ini ada hubungannya dengan international syndicate. Misalnya, satu barang yang datang daripada England yang sampai ke Port Kelang barangkali ada sindikitnya di London Port dan bila sampai di Port Kelang ada hubungannya pula dengan sindikit di Port Kelang, sebagaimana yang didedahkan oleh bekas Ketua Pengarah Lembaga Pelabuhan Kelang itu. Sekarang kita mahu bertanya adakah Ketua Pengarah, adakah Lembaga Pelabuhan Kelang itu sanggup memecahkan sindikit yang dikatakan itu. Sindikit yang

telah diberi keterangan oleh bekas Ketua Pengarah itu saya mahu bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, kebetulan Yang Berhormat Menteri baru sampai dan saya ucapkan terima kasih. Kita mahu bertanya adakah Lembaga Pelabuhan Kelang sekarang dengan Ketua Pengarahnya yang baru akan sanggup memecahkan sindikit yang dikatakan oleh bekas Ketua Pengarah itu. Kalau dia tidak sanggup memecahkan sindikit ini bagaimana cara tindakan yang patut dibuat oleh Kerajaan. Ini perlu sebab kita menghadapi keadaan yang besar kerana inilah National Port yang besar bagi kita mengeluarkan barang dan memasukkan barang dan sebagainya. Kita perlu mengawasi serta menjaga kalau boleh kita perlu susun kembali ahli-ahli lembaganya supaya terdiri daripada orang-orang yang benar-benar boleh menjalankan tugas di situ.

4.35 ptg.

**Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif:** Tuan Yang di-Pertua. . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat dtempohkan selama 15 minit.

*Persidangan dtempohkan pada pukul 4.45 petang.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 5.00 petang.*

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

5.00 ptg.

**Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan atas Bil yang telah dikemukakan oleh rakan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berkata bahawa Yang Berhormat Menteri patut hadir di Dewan ini. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, saya adalah dalam keuzuran sedikit masa dahulu. Sungguhpun begitu, pada hari ini saya cuba hendak datang awal tetapi oleh sebab ada mesyuarat yang penting dengan Pemangku Perdana Menteri, saya telah tiba lewat

sedikit. Walau bagaimanapun, saya mengucapkan terima kasih kerana dapat peluang menjawab beberapa soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat pada petang ini.

Yang pertama, Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob telah membangkitkan berkenaan dengan promotions. Perkara ini adalah satu perkara yang ditimbang oleh Establishment Committee Port Authority dan di dalam Establishment Committee pula ada beberapa orang Ahli daripada Lembaga dan mana-mana yang patut ditimbang, Jawatankuasa itu akan timbangkan dengan sewajarnya.

Atas perkara tidak cukup kemudahan bagi orang yang pergi menunaikan fardhu haji itu dari masa ke semasa kita ada memperbaiki keadaan tetapi kita boleh timbangkan perkara itu bagi disesuaikan lagi dengan kehendak mereka itu.

Yang Berhormat Tuan Mahalingam ada berkata di atas undang-undang dan komen dari Bar Council. Memang saya ada menerima surat daripada Bar Council, begitu juga saya dapat surat daripada Association of Insurance Companies. Pagi tadi saya dengan rakan-rakan saya ada membuat satu perjumpaan di Pelabuhan Kelang atas soal ini dan apa yang saya dapat tahu daripada Association of Insurance Companies ini bukan mereka membangkang amendment yang kita kemukakan di dalam Dewan ini tetapi adalah atas procedures. Saya ada beri jaminan kepada Association ini sebelum kita melaksanakan Undang-undang ini kita akan beri peluang kepada pihak-pihak yang berkenaan mengadakan rundingan yang cukup untuk menjalankan prodecures dengan baik. Pindaan Undang-undang ini bukanlah yang kita bawa kepada Port Authority di Pelabuhan Kelang sahaja, tetapi sekarang ini juga dijalankan di Pelabuhan Pulau Pinang dan begitu juga di pelabuhan-pelabuhan yang lain di rantau ini.

Yang Berhormat Tuan Mahalingam ada juga berkata kapal-kapal pergi ke tempat yang lain. Memang saya sedar beberapa bulan dahulu oleh sebab Pelabuhan Kelang ada membuat repair di Container Shipping Terminal, ada juga kapal-kapal pergi ke tempat lain, tetapi sebelum Lembaga menjalankan repairs ini shippers pun ada diberitahu lebih awal atas repairs ini dan Lembaga ada minta kerjasama daripada

pihak perkapalan to reschedule shipping oleh sebab kita ada perkara mustahak hendak jalankan di terminal itu. Walau bagaimanapun, pada pagi tadi saya dapat peluang berjumpa dengan shippers di Pelabuhan Kelang dan saya adalah meminta kepada Lembaga dan Consultative Committee yang kita adakan di Pelabuhan Kelang kerjasama dan perundingan dan menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi jikalau ada di dalam Pelabuhan Kelang.

Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik ada berkata tanggungjawab daripada Ahli-ahli Lembaga. Setahu saya Ahli-ahli dalam lembaga ini adalah terdiri daripada shippers representatives, trade unions, port users dan pegawai-pegawai Kerajaan yang ada berkaitan dengan development dan lain-lain di dalam Pelabuhan Kelang. Setahu saya tanggungjawab mereka adalah berjalan dengan baik dan jikalau kita dapat tahu mana yang mereka tidak jalankan, kalau tidak hendak bercakap dengan cara umum, boleh beritahu kepada saya dan saya boleh siasat perkata ini.

Selain daripada itu, ada disebutkan barang-barang lambat dikeluarkan tetapi saya dapat tahu bukan barang-barang keluar lambat, tetapi consignees dan importers ini simpan barang di sana. Sungguh pun barang sudah sampai, dia tidak bayar cukai dalam beberapa hari, simpan barang di sana, sehinggakan godown kita pun tidak ada tempat lagi. Inipun ada masalah dan saya ada minta kerjasama daripada semua pihak, bukan sahaja daripada Lembaga. Jikalau ada berlaku kelambatan daripada pentadbiran, kita akan perbaiki keadaan itu.

Atas perkara monopoli, bukanlah tujuan kita hendak beri kepada sesiapa sahaja yang hendak buat perniagaan di Pelabuhan Kelang tetapi tujuan kita ialah hendak beri kepada semua pihak yang boleh menjalankan tugas dengan baik.

Yang Berhormat Datuk Mohd. Tahir Majid juga ada berkata barangkali tidak ada siapa yang bertanggungjawab, saya pun sudah jawab atas perkara ini.

Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad ada membangkitkan beberapa perkara yang menjadi penyakit kepada pelabuhan, iaitu barang rosak, kehilangan, lambat—macam-macam ada berlaku. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat maklum, Pelabuhan Kelang adalah satu pelabuhan

yang besar di dalam negara kita dan pelabuhan ini makin bertambah kerja-kerjanya pada tiap-tiap tahun, tonnage pun naik dan pekerja-pekerja bertambah ramai. Di dalam menjalankan tugas ini barangkali ada juga kadang-kadang berlaku sedikit masalah tetapi ini bukanlah boleh dikatakan semua tidak baik di dalam Pelabuhan Kelang. Jikalau ada specific cases sepertimana saya katakan pada awal tadi saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat boleh memberi butir-butirnya dan saya boleh siasat perkara ini. Gudang di Johor, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat maklum, Pelabuhan Johor ini ialah pelabuhan yang baru dan kita hendak gunakan dengan lebih apabila semua kerja-kerja sudah siap kelak.

Yang Berhormat Datuk Nik Hassan memang ada di dalam Press dalam beberapa hari ini. Atas apa yang Datuk Nik Hassan sebutkan di dalam Dewan yang mulia ini pihak pekerja ada membuat suara di dalam beberapa suratkhobar dan sepertimana Yang Berhormat Datuk Nik Hassan katakan tadi barangkali ada dihantar surat kepada beliau. Pada minggu yang lalu saya juga ada berjumpa dengan ketiga-tiga pihak kesatuan di dalam Pelabuhan Kelang dengan Ahli-ahli Lembaga dan saya telah menerangkan kepada pihak kesatuan iaitu di dalam negara kita tiap-tiap Ahli dalam Dewan yang mulia ini dan juga di dalam Lower House ada hak beri suara apa yang Ahli-ahli itu fikir patut bagi memperbaiki keadaan di dalam negara kita dan saya juga ada berkata kepada kesatuan bahawa saya tidak suka melihat, lebih-lebih lagi bagi seorang yang sudah duduk dalam Parlimen ini beberapa tahun, yang Ahli-ahli Yang Berhormat tidak boleh bercakap daripada apa yang mereka fikir patut hendak kata di dalam Dewan.

Mr President, to make it very clear, with your permission, I would like to reply a little in English.

(*Dengan izin*) I would not want to see a day where Members of either House are muzzled from expressing their views in the interests of this nation (*Tepuk*). I think that is one of the prerogatives of the Members of Parliament of either House.

Jadi, inilah yang kita kehendaki, bukan sahaja Port Klang ada disebutkan di sini tetapi di Dewan Rakyat ada juga Menteri-menteri yang kena maki, ada juga "no confidence motion" atas Menteri-menteri.

Inilah sistem berparlimen dan apabila kita amalkan sistem berparlimen, memang Ahli-ahli Yang Berhormat berhak menyuarakan apa yang mereka fikir patut disuarakan di dalam Dewan ini. Saya juga berharap kepada Ahli-ahli Yang Berhormat apabila kita berhak maka kita juga bertanggungjawab dengan apa yang kita sebut dan cakap, jikalau betul beri maklumat kepada Menteri dan boleh disiasat.

Berbalik pula pada Union, memang union pun berhak menjaga nama baik ahli-ahlinya. Perkara ini pun kita tidak boleh tahan, tetapi jikalau mereka hendak melancarkan mogok ataupun mengambil tindakan atas apa yang berbangkit di dalam Dewan ini, Kerajaan tidak membenarkan mereka menjalankan tindakan itu, sebab ahli-ahli di sini adalah berhak menyuarakan, begitu juga ahli-ahli union pun berhak menjawab tetapi tidak boleh mengambil tindakan di mana-mana pun atas perkara ini.

As I said—Mr President, Sir, with your permission—they have a right to defend their members but I don't think they have a right to go on industrial action on a point raised in this House.

Kementerian telahpun menulis surat dan saya sendiri bersama-sama dengan Timbalan Menteri memberitahu kepada union yang Kerajaan tidak membenarkan union menjalankan tindakan ini.

Yang Berhormat Datuk Nik Hassan ada menyebutkan berkenaan dengan syndicate. Saya ada menyiasat perkara ini. Setahu saya Ketua Pengarah Pelabuhan Kelang mengatakan beliau tidak menyebut berkenaan dengan syndicate dan apa yang keluar di dalam suratkhbar itu adalah tidak benar. Saya berharap kita tutupkan perkara ini setakat itu sahaja.

Selain daripada itu, ada juga disebutkan berkenaan dua orang pegawai penting meletakkan jawatan. Apa sebabnya? Ketua Pengarah meletakkan jawatan dengan kehendaknya sendiri dan itu pun saya masih bercuti. Beliau menghantar surat berhenti kerja daripada menjadi Ketua Pengarah Pelabuhan Kelang pada bulan September. Ahli-ahli Yang Berhormat barangkali maklum, Pelabuhan Kelang dahulunya adalah dijalankan daripada Railway Administration dan Encik Mohd. Zain bin Ahmad yang menjadi Ketua Pengarah Pelabuhan Kelang telah menjalankan tugasnya dengan

baik dan menjadikan Pelabuhan Kelang sebuah pelabuhan yang besar di dalam negara kita. Setakat ini pekerja-pekerja yang ada berjumlah kira-kira 7,500 orang lebih. Beliau meletakkan jawatan dengan kehendaknya sendiri, sungguhpun begitu beliau mengatakan disebabkan keadaan kesihatannya itu menyebabkan beliau tidak boleh menjalankan tugasnya di Pelabuhan Kelang. Saya sendiri pun ada memberi tawaran (offer) satu jawatan kepada Encik Zain di dalam Kementerian, jikalau kesihatannya mengizinkan, umpamanya menjadi Advisor ataupun lainnya atas port activity di seluruh negara, sebab Encik Zain adalah seorang yang berpengalaman tinggi dalam port functions.

Berbalik pula kepada Pengerusi Lembaga, Yang Mulia Datuk Seri Raja Azam yang menjadi Pengerusi Lembaga Pelabuhan Kelang adalah dipilih tiap-tiap tahun dan pada 31hb Disember, 1976 giliran (term) sudah tamat dan apa-apa suara yang berbangkit di Dewan ini dan apa yang terjadi di Pelabuhan Kelang tidak ada kena-mengena. Ini adalah coincidence sahaja, tidak ada kena-mengena dan selama enam tahun Raja Azam telahpun menjalankan tugasnya dengan baik. Beberapa bulan dahulu beliau sendiri telah berkata yang beliau telah menjalankan tugas selama enam tahun dan kalau boleh, bolehlah dicari Pengerusi yang lain dan pada masa sekarang Ketua Setiausaha Kementerian ada menjalankan kuasa Pengerusi, sementara kita memilih orang lain menjadi Pengerusi pelabuhan ini.

Selain daripada itu, sepertimana saya katakan tadi, saya ada berjumpa dengan Insurance Association dan ada juga sebuah jawatankuasa yang kita telah tubuhkan bukan sahaja untuk Pelabuhan Kelang tetapi di seluruh pelabuhan dalam negara kita mengadakan perundingan di antara satu dengan lain untuk menyelaraskan perjalanan pelabuhan-pelabuhan di negara kita. Seperti mana saya katakan tadi di dalam beberapa soal kalau Insurance Company ataupun Bar Council ada specific instances, kita akan timbangkan sebelum kita melaksanakan Amendment Bill ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara sahaja lagi iaitu Pelabuhan Kelang bukan hendak lari daripada tanggungjawabnya tetapi apabila kita hendak menghantar ataupun sesiapa mengirim barang ke negara kita, kita mesti tidak lupa bahawa ada beberapa

parti, satu orang yang menghantar (exporter), ada shipping companies, ada consignees, ada pelabuhan, jadi orang ramai yang bertanggungjawab dan Port Authority tidak boleh lari daripada tanggungjawabnya tetapi kita minta juga kerjasama daripada semua pihak menjalankan tugas kita. (*Tepuk*)

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 7* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG KANUN TANAH NEGARA (PINDAAN)

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.20 ptg.

**Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan satu Rang Undang-undang bagi meminda Akta Kanun Tanah Negara, untuk dibaca bagi kali kedua sekarang.

Semua pindaan-pindaan ini bertujuan untuk memperkemas lagi perjalanan, pengurusan dan pengawalan kepada Perbadanan Pengurus (Management Corporation) selepas pecah sempadan (sub-divide) bangunan berbilang tingkat diluluskan.

Kerajaan berpendapat sudah tiba masanya rumah-rumah berbilang tingkat mempunyai surat hakmilik subsidiari yang berdaftar. Dengan adanya surat-suratan hakmilik subsidiari itu, maka tuan-tuan punya rumah berbilang tingkat akan merasa harta mereka terjamin.

Pendaftaran surat-suratan hakmilik subsidiari bertambah perlu kepada tuan-tuan punya rumah pangsa yang terdiri daripada

rakyat yang berpendapatan rendah. Mereka akan rasa berharta. Mereka akan rasa terjamin. Mereka juga akan dapat kemudahan-kemudahan pinjaman sama seperti kemudahan-kemudahan yang didapati oleh tuan-tuan tanah bermilik, dengan menggunakan Surat Hakmilik Subsidiari itu sebagai cagar.

Adalah satu kenyataan bahawa Kerajaan tidak akan dapat memberi semua rakyat sebidang tanah seorang untuk membina rumah persendirian di bandar-bandar di dalam negara ini pada masa-masa hadapan.

Pendaftaran surat hakmilik subsidiari dan penubuhan Perbadanan Pengurus (Management Corporation) adalah satu jalan yang baik untuk memberi rakyat peluang mempunyai harta yang sama kedudukan dan kemudahan-kemudahan pinjamannya, dengan rakyat yang mempunyai tanah.

Peruntukan yang ada di dalam Kanun Tanah Negara pada masa ini sudah membolehkan rumah-rumah pangsa dipecah sempadan (sub-divide) dan dikeluarkan hakmilik, tetapi perkara yang menjadi masalah sekarang ialah mengenai penubuhan Perbadanan Pengurus atau Management Corporation, di bawah Seksyen 357 Kanun Tanah Negara untuk mentadbirkan rumah-rumah pangsa yang telah dijual kepada penghuni-penghuni, lebih-lebih lagi rumah-rumah pangsa yang dipunyai oleh mereka yang berpendapatan rendah.

Dengan tujuan supaya peruntukan-peruntukan dalam Kanun Tanah Negara menjadi kemas dan lengkap dan dibolehkan "the designated officer" berkuasa mengambil apa-apa tindakan yang difikir perlu supaya segala tanggungjawab-tanggungjawab Perbadanan Pengurus atau Management Corporation itu akan terus berjalan maka beberapa pindaan kepada seksyen-seksyen yang tertentu dalam Kanun Tanah Negara dibuatkan.

Seksyen-seksyen yang dikehendaki pindaan-pindaan adalah seperti berikut:

Pindaan-pindaan itu ialah pada Seksyen 355, 356, 362 dan 367, Kanun Tanah Negara. Schedule Ketujuh di dalam Kanun Tanah Negara yang berkaitan dengan pindaan kepada empat seksyen tersebut juga dipinda.

Oleh kerana penjelasan yang telah diberikan dalam Huraian Rang Undang-undang ini adalah begitu jelas, maka saya tidak bercadang hendak menghuraikan lebih panjang lagi mengenai pindaan-pindaan ini dan oleh itu saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Puan Rafidah Aziz):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.26 ptg.

**Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Bil ini dengan sekuat-kuatnya untuk diluluskan dan memberikan pendapat saya. Saya merayu kepada Kerajaan supaya tanah-tanah di dalam Wilayah Persekutuan ini yang sudah dilombong oleh dredge jangan lagi diberi lesen untuk mencari-gali semula. Saya beri satu contoh tanah di Batu 6, Jalan Ipoh, six miles from here, dahulunya Malay Reservation dipunyai oleh seorang Melayu bernama Encik Mohamed Noor. Tanah itu telah diberikan kepada Anglo-Oriental iaitu Lanjut Tin Dredging untuk dilombong bijih. Sudah habis pun dikorek oleh dredge ini dan habis tempohnya pada 10hb Mei, 1976 yang lepas.

Saya dapat tahu ada sebuah syarikat lombong yang akan diberi lesen untuk melombong tanah itu semula yang mana permohonan lesen itu akan disokong kuat oleh wakil rakyat Kepong yang mana orang-orang Melayu di kawasan Kepong membantah keras pengeluaran lesen itu kepada sesiapa juga pun. Orang Melayu meminta tanah itu diberikan semula kepada orang-orang Melayu untuk dibuat kampung Melayu semula, sebab kita maklum orang-orang Melayu ramai di bandar Kuala Lumpur ini.

Kedua, tanah itu sudah dilombong, mengapa hendak dilombong lagi. Syarikat yang akan diberikan lesen itu pula ada tanah lombongnya di sebelah lombong itu. Jadi, semua tanah lombong yang ada di Wilayah Persekutuan ini dan di Selangor akan diberikan kepadanya.

Alasan ketiga, kita patut kurangkan lombong-lombong gravel pump ini pada masa ini sebab banyak merbahayanya dari faedahnya. Baru-baru ini 9 orang telah mati . . . . .

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa apa yang ditimbulkan

oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak ada berkaitan dengan Rang Undang-undang yang kita bincangkan sekarang.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Sila patuhi dengan tujuan Rang Undang-undang ini.

**Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada Kerajaan supaya rumah-rumah pangsa Dewan Bandaraya ini dijual kepada penghuni-penghuninya yang telah tinggal membayar sewa lebih dari lima tahun. Dengan dijual kepada penghuni rumah itu, wang itu akan dapat digunakan untuk mendirikan banyak rumah pangsa di tanah Kerajaan yang masih kosong lagi di Wilayah Persekutuan, seperti di Batu Village, Kepong dan Sungai Besi. Robohkan segala rumah-rumah haram dan dibuatkan rumah pangsa dan dijual kepada mereka yang telah tinggal lima tahun di rumah itu.

Itulah pandangan saya kepada Bil ini dan saya menyokong untuk diluluskan.

5.30 ptg.

**Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang meminda Akta Kanun Tanah Negara dan saya mengucapkan terima kasih kepada Menteri dan pegawai-pegawai yang memberi kerjasama untuk membentangkan Rang Undang-undang ini untuk diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Saya akan patuh dengan perintah Tuan Yang di-Pertua, dan tidak akan memberi teguran yang panjang lebar saya cuba paling ringkas sekali.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang hendak saya perkatakan iaitu kerana tanah merupakan faktor terutama dan penting dalam soal milik harta dan tanah orang Melayu banyak telah jatuh kepada tangan orang lain kecuali tanah khas Melayu, maka saya amat berharap meminta Kerajaan membuat undang-undang agar semua tanah-tanah kepunyaan orang Melayu secara otomatis dijadikan tanah rizab Melayu. Ini sangatlah penting kerana tanah rizab Melayu pun amat sedikit jumlahnya. Lama-kelamaan tanah kepunyaan orang Melayu bukan di bawah tanah rizab Melayu lagi maka lambat-laun orang Melayu tidak mempunyai harta, yang kini pun jumlah harta milik orang Melayu tak sampai 10% walhal jumlah penduduk Melayu 50% daripada

penduduk di seluruh Malaysia ini. Oleh kerana itulah saya berharap supaya Kerajaan mengadakan undang-undang bagi mengekalkan tanah Melayu seluruhnya yang ada hari ini yang dipunyai oleh orang Melayu untuk dijadikan tanah rizab Melayu. Dengan demikian pemilikan harta bagi orang-orang Melayu dapatlah ditingkatkan lagi agar akhirnya dapat saya katakan agar jangan jadi seperti kata pepatah Melayu:

Ayam mati kelaparan di kepok padi;

Itek mati kehausan di kolam air.

5.32 ptg.

**Datuk V. Ponnusamy Pillai:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini dengan sepenuhnya. Juga pada masa yang sama ini saya rasa adalah menjadi tanggungjawab saya untuk membangkitkan soal memberi tanah untuk mereka yang tidak bertanah di kalangan semua kaum, terutama sekali orang-orang keturunan India.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana di ketahui, pihak British semasa penjajahan mereka telah membawa ramai orang-orang dari luar negeri untuk bekerja di ladang-ladang dan juga di badan-badan berkanun seperti majlis-majlis bandaran. Sebilangan besar daripada mereka ini adalah miskin dan mereka telah bekerja seumur hidup dalam ladang-ladang. Oleh kerana kolonialis atau penjajah ini adalah bijak sedikit dan oleh sebab itu mereka telah memperuntukkan sekolah-sekolah, panggung-panggung wayang, kedai-kedai, tanah untuk bertani dan juga kedai-kedai todi. Ini semua disediakan kerana penjajahan ini tidak mahu mereka meninggalkan ladang-ladang di mana mereka bertugas. Ini mungkin akan nampak memuaskan dalam masa penjajah tetapi kini tidak.

Pada masa sekarang dengan urbanisasi yang pesat, taraf kehidupan kita telah meningkat. Setiap orang hendak hidup secara bebas samada ibu-bapa, anak, majikan atau pekerja. Oleh sebab ini mereka yang bersara dari perkhidmatan kesukaran untuk menyesuaikan diri mereka dengan zaman pesat sekarang.

Inilah rakyat yang saya rasa patut diberi bantuan seperti saya telah katakan semenjak dahulu. Mereka ini telah bekerja bertahun-tahun di luar bandar dan kehidupan kebandaran adalah tidak sesuai bagi mereka. Jika mereka ini diberi kemudahan-kemudahan asas seperti tanah, mereka akan dapat

bercucuk tanam dan kehidupan mereka selepas pesaraan akan menjadi bahagia dan aman bagi mereka. Dengan memberikan mereka tanah, nyatalah Kerajaan dan negara akan menghargai jasa dan perkhidmatan mereka.

Saya sedar ramai orang-orang India telah memohon untuk mendapatkan tanah dan mereka ini ingin menyertai rancangan-rancangan tanah Kerajaan. Mereka tidak memohon untuk mendapatkan 50 atau 100 ekar tanah. Mereka ini cuma minta tanah untuk membina sebuah rumah dan sedikit tanah untuk menanam sayur-sayuran dan membela ayam. Selepas menunggu untuk beberapa bulan dan tahun permohonan mereka itu ditolak.

Oleh sebab ini saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan untuk memandangkan perkara ini dengan belas kesihan dan simpati dan berikan tanah kepada mereka yang menghausi tanah.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Adakah panjang lagi, Yang Berhormat?

**Datuk V. Ponnusamy Pillai:** Ada satu minit lagi, Tuan Yang di-Pertua. Ini bukan sahaja akan dapat membantu mereka yang terlibat malahan ekonomi negara kita juga akan beransur baik dalam masa jangka panjang. Ianya juga akan memberi satu "boost" kepada Rancangan Buku Hijau yang dilancarkan oleh Bapa Pembangunan kita, Allahyarham Tun Razak kerana mereka yang berjaya dapatkan tanah akan dapat menanam sayur-sayuran dan membela ayam, kambing, lembu dan juga itik.

Sekali lagi saya memberi sokongan penuh kepada Rang Undang-undang ini.

5.37 ptg.

**Datuk Mansor bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Rang Undang-undang ini kerana sebagai yang telah termaklum sebagaimana disarankan oleh Yang Berhormat Menteri tadi salah satu daripada tujuan dikemukakan Rang Undang-undang ini ialah bagi mempercepatkan usaha-usaha supaya rakyat mempunyai rumah-rumah sendiri, mempercepatkan pengeluaran title termasuk kepada rumah-rumah pangsa dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah pada masa yang akhir-akhir ini pihak Kerajaan kita sedang berusaha menggalakkan pembinaan-pembinaan rumah supaya diberikan kepada rakyat disegenap peringkat masyarakat. Dengan tindakan itu maka tumbuhlah usaha-usaha pembinaan rumah ini di merata-rata ceruk di tanahair kita disertai atau diusahakan sama juga oleh pengusaha-pengusaha daripada orang-orang bumiputra. Tetapi ada satu dua perkara yang perlu saya timbulkan di sini yang ada kaitannya dengan pelancaran usaha-usaha yang tersebut iaitu berhubung dengan proses pertukaran tanah-tanah daripada tanah-tanah dusun ataupun tanah-tanah padi untuk dijadikan tapak perumahan. Telah banyak diperkatakan kerana proses ataupun perjalanan ini mengambil masa yang sangat panjang, tidak berubah-ubah dari semenjak bertahun-tahun yang lalu. Kalau ada satu-satu projek yang kita cadang hendak membuat perumahan paling cepat daripada mula kita mendapat tanah itu samada secara dibeli ataupun tanah kita sendiri, dua tahun baru boleh dimulakan pembinaan rumah-rumah ini. Untuk ditukar syaratnya mengambil masa setahun dan setahun lagi masa akan habis untuk menunggu kelulusan pecahan-pecahan lot (sub-division).

Kedua-dua perkara ini pada pandangan saya boleh disempurnakan dalam masa tidak lebih daripada 6 bulan kalau pegawai-pegawai yang berkenaan menjalankan tugasnya dengan betul. Untuk menukar syarat tidak lebih daripada 3 bulan boleh disempurnakan, begitu juga untuk memecahkan lot kerana sekarang ini untuk pecah lot kita tidak lagi mesti mengharap sematamata kepada Jabatan Ukur Kerajaan kerana telah ada banyak private surveyor yang boleh menjalankan tugas-tugas itu. Kemudian ada lagi beberapa perkara yang menyebabkan kelambatan proses-proses ini dengan sebab cara dan peraturan yang dipakai masih juga diikuti cara dan peraturan lama semenjak berpuluh-puluh tahun dahulu yakni proses-proses itu dijalankan satu demi satu tidak mahu dijalankan secara serentak. Misalnya satu tanah hendak ditukar syarat maka ditunggu sehingga sampai sempurna tukar syarat itu baru boleh diterima permohonan untuk memecah lot, sedangkan ini boleh dijalankan serentak kerana jabatan ada bahagian-bahagian yang boleh membuat tugas dengan cara yang bersaing.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua barangkali saya terpaksa meringkaskannya, saya hendak menyebut sedikit berhubung dengan Malay Reservation Act yang telah disebutkan oleh Senator Hajjah Salmah tadi. Saya bukan hendak suruh rombak Malay Reservation Act ini. Akta ini bagus untuk menjaga (safeguard) harta (property) orang-orang Melayu kita. Tetapi ada satu perkara yang saya minta kalau boleh Yang Berhormat Menteri ataupun pakar-pakar berkenaan dengan tanah di Jabatan Kerajaan ini mengkaji iaitu berhubung dengan usaha pihak Kerajaan kita sendiri yang sekarang ini hendak menggalakkan supaya kaum bumiputra memasuki lapangan perniagaan dan perusahaan dengan sebanyak-banyaknya untuk mencapai matlamat sekurang-kurangnya 30% menjelang tahun 1990 kelak. Saya minta kalau boleh dikaji berkenaan dengan syarikat-syarikat Melayu yang 100% orang Melayu, maknanya kalau 50 orang, 50 orang semuanya Melayu jati, bukan celup-celup lagi maksud saya. Kalau boleh hendaklah dibolehkan memiliki tanah-tanah yang berada dalam Malay Reservation tadi.

Di Trengganu, ada dua jenis Malay Reservation, satu betul-betul Malay Reservation sebagaimana Undang-undang Kanun Tanah Negara dan satu lagi kita panggil tanah Malay Holding. Tanah Malay Holding ini bertitle K.R.M.—Keterangan Register Mukim. Tanah-tanah yang di bawah daripada 10 ekar ini tidak boleh orang bangsa lain memiliki melainkan orang Melayu sahaja. Tetapi mengikut Undang-undang ini oleh kerana syarikat walaupun didaftar 100% Melayu tidak boleh pula memiliki tanah-tanah ini. Inilah salah satu daripada perkara yang telah menghalang kemajuan syarikat-syarikat Melayu kerana syarikat begini tidak dapat hendak memiliki tanah. Bila dia tidak dapat hendak memiliki tanah bagaimana caranya dia hendak mendapatkan wang-wang pinjaman daripada bank dan sebagaimana kerana bank berkehendakkan cagaran-cagaran. Sekarang Bank Bumiputra, Malayan Banking, M.B.S.B. sudah boleh memegang cagaran-cagaran tanah-tanah Malay Holding atau Malay Reservation tetapi syarikat yang 100% Melayu tidak boleh. Ini saya minta kalau ada jalan, saya tidak kata “mesti” kerana ini perkara Undang-undang, saya tidak begitu mahir berkenaan dengan Undang-undang; kalau

ada jalan tolong ikhtiarkan supaya syarikat-syarikat Melayu yang seumpama ini dapat memiliki tanah-tanah yang di bawah title Malay Holding ataupun Malay Reservation.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

5.45 ptg.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, saya sokong Rang Undang-undang ini tetapi saya hendak bercakap sedikit sahaja iaitu berkenaan dengan Perbadanan Pengurus dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, tentulah di bandar Kuala Lumpur misalnya, oleh kerana kesempitan tidak ada bertanah maka di buatlah flet-flet untuk kedudukan orang ramai ataupun pejabat-pejabat. Perkara ini adalah perkara baru oleh kerana negeri kita adalah negeri yang membangun, mempunyai flet-flet yang baru didirikan oleh pihak Kerajaan ataupun swasta. Di sini barulah timbul pindaan kepada Undang-undang tanah. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang budiman berkenaan dengan cukai tanah. Pada masa dahulu tanah 5 ekar mereka kena bayar cukai untuk 5 ekar tetapi sekarang misalnya flet 20 tingkat adakah tiap-tiap satu blok terpaksa membayar cukai tanah sebab dia bukan terdiri di atas tanah itu tetapi di atas bangunan, ataupun satu bangunan itu semua sekali dicukai, kemudian siapa yang mempunyai tanah ataupun flet-flet yang besar, besarlah pukol rata cukai tanahnya. Itu mestilah difikirkan oleh Kementerian yang bertanggungjawab. Kalau tidak begitu dikenakan yang bertanggungjawab. Kalau tidak begitu dikenakan cukainya saya fikir tidak patut, kalau semua cukai-cukai itu serupa sahaja, saya fikir tidak patut sebab ini perkara baru terpaksa difikirkan. Itulah saya minta jawapan daripada Menteri yang bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, apabila mengeluarkan cukai tentulah tidak payah survey lagi, sebab kita telah tahu tiap-tiap blok itu ada berapa kaki persegi. Ada pelan yang dibuat mula-mula itu sudahlah, tidak pakai survey melainkan survey yang mula-mula di sebelah bawah sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Dengan sebab itu apabila tidak memakai survey lagi, pengeluaran gerannya (title) tentulah tidak memakan masa yang panjang sebagaimana yang telah dikatakan oleh

Yang Berhormat saudara saya daripada Trengganu tadi. Apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah benar, memakan masa bertahun-tahun untuk mengeluarkan geran sahaja, diberilah segala alasan-alasan yang kita manusia yang di luar ini tidak boleh memikirkan macam mana boleh jadi begitu lambatnya memberi title ini. Yang Berhormat Menteri telah berkata tadi apa sebab hendak diberi title kepada orang ramai, kerana dengan adanya title ini senanglah mereka menggadaikan kepada bank-bank. Oleh itu saya harap kepada Yang Berhormat Menteri apabila Undang-undang ini berkuatkuasa maka terpaksa dikerah pegawai yang bertanggungjawab dan menengokkan kepada pegawai-pegawai yang tertentu ini apa sebabnya title-title ini tidak dikeluarkan dengan seberapa segera. Kalau tidak, bertahun-tahun perkara ini akan begini jugalah, selama ini begini jugalah terus-menerus berjalan.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga telah menengok sendiri bagaimana flet-flet di Kuala Lumpur ini baikpun yang didirikan oleh Kerajaan ataupun swasta cuba tengok flet yang di Bangsar, bagaimana kotornya lifnya hari-hari tidak berjalan, orangnya terkurung dalam lif.

Inilah yang dirasai oleh orang ramai, oleh sebab, baik Perbadanan ataupun ibu kota yang bertanggungjawab di atas perkara ini ataupun Pengurusnya tidak bertanggungjawab langsung. Kita hendak kota itu, kota itu bersih, kita hendak negeri kita bersih. Dengan sebab itulah jikalau Undang-undang ini hendak dijalankan segalanya ini mesti diawasi betul-betul supaya segala-segala kemas, kalau tidak buat begitu atau kalau satu sahaja yang dijalankan yang lain tidak semua nanti akan macam mesen, kalau satu sekerunya hilang, semua tidak berjalan. Jadi dengan ini saya harapkan diawasi di atas perkara ini dengan sebenar-benarnya.

Jadi, saya harap kepada Timbalan Menteri Kemajuan Tanah ini, mengawal betul-betul pembahagian rumah-rumah yang ada di Kuala Lumpur ini. Flet-flet yang didirikan ini baik yang didirikan oleh Kerajaan atau swasta betul-betul diberi kepada bangsa-bangsa penduduk-penduduk yang ada di dalam kota ini, ataupun tempat yang lain.

Ada satu pihak swasta saya hendak cakapkan iaitu Eng Lian Sdn. Bhd. Enterprises yang ada di Bangsar itu. Ada bumiputra hendak membeli rumah datang berjumpa dengan saya, tolong berjumpa pihak Eng Lian Enterprises kerana permohonannya ditolak. Pihak Eng Lian Enterprises berkata, "Tidak ada Undang-undang untuk diberi kepada bumiputra." Saya kata, "Ini dasar Kerajaan". Dia kata, "Mana ada dasar 30% untuk bumiputra membeli". Orang itu bukan hendak percuma hendak beli, tetapi pihak Eng Lian berkata begitu. Oleh itu, apabila membuat Undang-undang, berkenaan tanah negara, maka Menteri yang ada menjaganya atau siapa yang bertanggungjawab di dalam pekan Kuala Lumpur hendaklah bertanggungjawab mengawasi di atas perkara ini. Ini adalah sensitif sangat. Kalau tidak percaya kepada saya, tolong periksa Eng Lian Enterprises, ini berapa peratus bumiputra yang dapat rumah-rumah ini oleh kerana dia tidak mahu mengikut dasar Kerajaan. Jikalau sekiranya warganegara hendak duduk aman damai di negeri ini, Tuan Yang di-Pertua, mestilah mengikut dasar Kerajaan; Kerajaan yang dipilih oleh rakyat yang ada pada hari ini. Kalau tidak mahu mengikut dasar Kerajaan, tetapi mengikut hati sendiri kerana dia ada duit dan boleh buat apa dia suka. Kerajaan terpaksa berfikir menukar dasar, ini balik semula.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua bersangkutan dengan flet yang berhubung dengan tanah ini apabila satu-satu swasta mendirikan perumahan atau flet itu apa sahaja swasta telah meminta termasuk Eng Lian Enterprises ini wang pendahuluan sebanyak 20% dan bakinya itu dia akan meminjamkan daripada bank. Apabila 20% telah dibayar semua sekali, dia tidak bertanggungjawab langsung untuk mencari mana-mana bank supaya orang ramai ini baik pun dia orang China, orang Melayu, orang India untuk membayar lagi 80% itu. Jadi, Menteri yang bertanggungjawab mestilah mengawasi perkara ini supaya jangan terjadi lagi. Jikalau tiap-tiap swasta yang mendirikan rumah ini, Tuan Yang di-Pertua, apabila dia telah berjanji untuk mengutip 20% daripada pembayaran-pembayaran ini, 80% mestilah dicarikan pinjaman daripada bank atau lain-lainnya menolong orang ramai ini.

Ada aduan-aduan (complaint) bukan daripada orang Melayu sahaja tetapi daripada orang China dan orang India juga.

Saya tidaklah hendak bercakap panjang berkenaan dengan ini, cuma saya harap flet-flet yang didirikan oleh Kerajaan ataupun swasta, terutama sekali dalam Rancangan Lima Tahun Yang Ketiga ini yang Kerajaan memberikan bantuan ataupun pinjaman sebanyak \$800 juta kepada MBSB, maka Kerajaan terpaksa mengawasi wang ini betul-betul dapat ke tangan orang-orang yang berkehendakannya benar-benar.

5.58 ptg.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya hendak umumkan kepada Tuan Yang di-Pertua bahawa saya lepas ini, saya tidak bercakap hal Rang Undang-undang Tanah, saya sokong sahaja untuk menjimatkan masa. Saya memandangkan perkara ini mustahak saya berikan komen dalam masaalah Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Saya adalah memberikan sokongan yang penuh. Saya bercakap atas dua tajuk sahaja, Tuan Yang di-Pertua, iaitu tapak rumah pangsa dan tapak rumah biasa.

Rang Undang-undang ini sangat baik. Ini adalah menyelesaikan satu masaalah sungutan dan kesulitan yang dialami oleh rakyat dalam negeri ini berhubung dengan tanah-tanah kawasan masing-masing yang didirikan banyak rumah dengan tidak ada geran. Dengan adanya Rang Undang-undang ini tanah itu akan diubah syarat daripada tanah pertanian kepada tanah perumahan dan dengan itu masing-masing akan mendapat gerannya. Ini akan menyelesaikan satu masaalah kekusutan yang dialami oleh rakyat dalam negeri ini. Dalam masaalah ini, satu perkara lagi barangkali Kerajaan ini pandai, dia memang hendak cari hasil iaitu melalui pecahan-pecahan ini dia akan menerima hasil. Hasil premiamnya, hasil cukai perumahan dan lain-lain. Ini kebijaksanaan Kerajaan. Satu perkara lagi Kerajaan memerhati manusia ini sudah suka jadi burung merpati duduk di rumah pangsa. Dengan ramainya manusia-manusia yang berminat dengan rumah pangsa tidak ada satu ketentuan yang menjamin hak dia maka Rang Undang-undang ini akan memberikan peruntukannya. Saya puji Undang-undang ini dibawa dalam mengatasi masaalah ini.

Saya kurang arif, Tuan Yang di-Pertua, dalam masaalah ini, maka saya hendak penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan kita ada satu badan iaitu

Badan Pengurusan Rumah Pangsa. Jadi, saya berikan satu contoh sebidang tanah ada dua ekar yang didirikan 16 tingkat. Dalam 16 tingkat ini kita bahagi 100 unit. Dari 100 unit adakah hak milik pecah-belah ini diberikan kepada 100 orang yang menduduki atas rumah itu dan diberi geran kepada mereka. Ini kami kurang arif ataupun diberi geran ini kepada bumi. Ini yang saya hendak tahu iaitu dia ada mempunyai 100 unit itu 100 geran yang rumah pangsa itu hendak diberikan kepada mereka. Kalau ini diberi ini satu penjaminan yang sangat baik dan sangat menyenangkan hati manusia-manusia yang duduk di rumah pangsa. Kalau ini dibuat pada masa yang akan datang Kerajaan kena memberikan nasihat kepada mereka yang mengusahakan rumah pangsa ini supaya dalam unit-unit itu dikhaskan sebuah atau dua buah kerana kebajikan am dan kepentingan am dibuatkan Balai Raya ataupun surat bagi orang-orang Islam hendak sembahyang. Jadi dengan keadaan ini kita bahagikan satu peruntukan kepada mereka, maka tidaklah mereka susah sebab unit yang dijadikan Balai Raya itu banyak faedahnya kepada Kerajaan. Inilah pandangan saya dalam masalah rumah-rumah pangsa ini.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat saudara saya dari Trengganu telah mengatakan kelambatan boleh bahagi tanah dan ini memang betul dan saya harap Kementerian ini akan bekerjasama dengan Kerajaan Negeri supaya dapat menyegerakan bila ada permohonan tanah yang hendak dibelah bahagi daripada kawasan pertanian kepada perumahan dan dapat disegerakan dengan seberapa cepat. Tanah yang telah dibelah bahagi itu dan diubah syarat kepada tanah perumahan, bila dapat tanah perumahan mereka ini diberi syarat untuk mendirikan rumah, jangan disyaratkan dengan pantas sebab kadangkala manusia ini bila dapat satu geran untuk mendirikan rumah, pihak Pejabat Tanah memberi satu syarat: kamu hendaklah mendirikan rumah dalam masa satu tahun, kalau tidak didirikan rumah, Kerajaan boleh tarik balik. Keadaan yang begini saya fikir akan menyusahkan tuan-tuan punya tanah ini yang hendak mendirikan rumah. Mereka hendaklah diberi peluang selama lima tahun atau beberapa tahun, sementara itu mereka dapatlah berikhtiar untuk mendirikan rumah pada tanah yang telah dimiliki itu.

Saya fikir bila sesebuah tanah yang sudah dibelah bahagikan ini dijadikan perumahan, saya cadangkan seluas lima ekar untuk orang Melayu atau Rizab Melayu. Bila sudah dibelah bahagikan kita boleh buat rumah di tempat itu dengan rumah berderet atau sebuah. Katakanlah, 60 lot yang telah diberikan hak milik untuk mendirikan rumah ini saya mengharapkan Kementerian ini memberikan satu pertimbangan bahawa kalau tanah kawasan Melayu ini telah dibelah bahagikan untuk perumahan, maka peluang hendaklah juga diberi kepada orang yang bukan Melayu untuk mendirikan rumah di situ dengan tujuan supaya dapat kita menjadikan satu masyarakat Malaysia yang baru. Ertinya, dalam kelompok ini ada orang Melayu, orang China dan orang India: Sungguhpun di tanah itu banyak rumah orang Melayu, tetapi diberi peluang kepada orang China dan India supaya dapat kita menyesuaikan dasar Kerajaan, sebab pada masa sekarang, Tuan Yang di-Pertua, menurut hemmah saya kalau satu tanah kawasan rizab Melayu dipindah milik untuk perumahan cuma dapat 60 lot, dan 60 lot ini hendaklah diberi kepada orang Melayu. Ini syaratnya yang patut difikirkan dari segi perumahan, bukan di segi pertanian. Di segi perumahan patut diberi juga kepada orang yang bukan Melayu supaya dapat menunjukkan masyarakat baru Malaysia, sebab di bandar-bandar atau di Jabatan-jabatan Kerajaan orang Melayu dan orang bukan Melayu sentiasa bercampur, jadi keadaan yang macam ini sangat tepat pada fikiran saya. Bagi orang yang hendak menjual rumah dan tanah akan dapat pasaran, sebab bukan semua orang Melayu berupaya membeli tapak rumah dengan harga yang mahal. Jadi, kalau kita campurkan dari segi pasarannya dapatlah kita satu harga pasaran yang baik kerana ini tanah perumahan bukan untuk pertanian.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, pandangan saya dalam menyokong Bil ini.

6.05 ptg.

**Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun menyokong Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan). Bil ini ialah berkenaan dengan kedudukan rumah pangsa atau rumah bertingkat. Jadi tentulah penduduk-penduduk rumah ini apabila Bil ini telah diluluskan

berterima kasih kepada Kerajaan kerana bertimbang-rasa dan mengambil berat di atas kedudukan masalah rumah pangsa ini.

Tuan Yang di-Pertua, rumah pangsa ini boleh dikatakan didirikan kebanyakannya di dalam bandar-bandar yang besar di negara kita ini seperti Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Johor dan Ipoh, tetapi negeri-negeri yang kecil seperti negeri saya rumah-rumah pangsa tidak begitu banyak. Kedudukan rumah bertingkat ini adalah terbahagi kepada dua iaitu satu rumah bertingkat yang dijadikan tempat perniagaan dan lagi satu rumah tempat kediaman. Saya rasa setelah Bil ini diluluskan maka keadaan kedudukan penduduk-penduduk di rumah bertingkat ini mendapat jaminan. Walaupun mereka tidak ada bertanah, tetapi telah mendapat jaminan dan surat-surat akuan yang telah diberi boleh digadai ataupun dihakmilikkan untuk memudahkan mereka itu beralih-alih atau bertukar-tukar tangan dari satu pihak ke satu pihak dengan mendapat harga yang lumayan. Jadi, bagi pihak penduduk-penduduk yang ada di dalam bandar-bandar ini tentulah susah untuk mendapat tanah-tanah kerana tanah di dalam bandar ini sangat kekurangan, dengan sebab itulah terdapat banyak rumah bertingkat di dalam bandar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal ini saya suka menyentuh sedikit bukan berkenaan rumah yang bertingkat tetapi ialah rumah bawah yang mana banyak ada di negeri saya, tetapi apa yang mendukacitakan sedikit kerana rumah itu mempunyai geran satu. Saya minta perhatian daripada pihak Kementerian mengenai tanah-tanah yang mempunyai 4-10 buah rumah tetapi gerannya satu dan tidak dapat dipecah-pecahkan, sebab kebanyakan mereka tidak dapat berpakat atau bekerjasama di antara satu sama lain. Ini menjadi satu kesusahan yang besar terutama sekali masalah rumah yang didirikan di atas tanah-tanah ini, apabila sampai satu masa untuk membayar hasil tanah, umpamanya A, B, C dan D, bila hendak membayar cukai tanah tidak diterima oleh Kerajaan, dia mesti berpakat dengan A, B, C dan D baru boleh diterima. Apa yang menjadi masalah ialah A dan B ini duduk di lain tempat seperti di Pulau Pinang dan Singapura, ini menyusahkan orang yang hendak membayar cukai tanah dan terpaksa kena bayar semua sekali iaitu termasuk hak kepunyaan A, B, C dan D baru boleh dibayar.

Saya minta Kementerian yang berkenaan mengkaji dalam soal ini supaya dapat mengatasinya kerana keadaan ini sangat susah keadaannya di sana. Selain daripada itu pemecahan geran tanah yang sebegini juga patut boleh ditentukan supaya keadaan yang saya katakan daripada masa dahulu sehingga hari ini pemecahan geran-geran tanah masih tidak dapat diselesaikan kerana tidak boleh dipecahkan, kadang-kadang geran itu sebagaimana yang terdapat di dalam Kanun Tanah Negara kita, tanah yang kurang daripada satu relong tidak dapat dipecahkan. Kalau A, B, C ini mempunyai tanah tiga relong, maka tidak dapat dipecahkan dengan syarat menukar syarat-syarat tanah pertanian itu kepada tanah perumahan. Kalau hendak ubah syarat ini terpaksa dipakat, tetapi tidak boleh dipakat. Oleh kerana tidak dapat pakatan inilah maka keadaan kedudukan terbiar begitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi masalah yang susah juga manakala tanah-tanah ini telah diambil oleh Kerajaan. Keadaan kedudukan "A", "B", "C" dan "D" sebagaimana yang saya contohkan tadi ada rumah dan lot masing-masing tetapi tidak ada bergeran. Gerannya hanya satu. Manakala Kerajaan ambil terkenal pula lot tanah dan rumah si "A". Apabila terkena Kerajaan akan membayar gantirugi dan dipanggil kesemua keempat-empat mereka itu untuk dibayar gantirugi, bukan kepada "A" tetapi dibayar kepada kesemua iaitu "A", "B", "C" dan "D". Manakala dibayar kepada kesemua tanah itu nilainya \$4,000—dapatlah \$1,000 seorang. Maka terpulanglah mereka itu bertanggungjawab sendiri maka tinggallah "A" dan dia hendak duduk di mana. Ketigatiga orang yang lain itu masing-masing sudah ada lot rumah. Si "B", "C" dan "D" tentu tidak beri tempat sebab rumahnya sudah ada dan wang pun dia terima. Tanah dia tidak beri kepada "A". Oleh itu, si "A" hendak pergi dirikan rumah di mana? Ini satu masalah yang patut pihak Kementerian ini menyelesaikan supaya dalam keadaan yang begitu kalau boleh apabila sudah ada lot masing-masing, tidak bolehkah dibubuh dalam geran itu masing-masing punya lot. Ini memudahkan. Kalau tidak, sekiranya keadaan ini berlaku tentu menjadi lebih rumit lagi kerana keadaan seumpama ini memang berlaku di negeri Perlis.

Pertama sekali tentang masaalah membayar hasil atau cukai tanah; dan keduanya ialah masaalah Kerajaan telah mengambil tanah dengan membayar gantirugi kepada pihak yang tanahnya diambil tetapi rumah tidak diberi—tidak dapat duduk lagi dan tidak dapat hendak menumpang kerana Kerajaan tidak mengambil tahu lagi tempat itu. Kerajaan cuma tahu ambil sahaja. Kemudian kalau rumah si "A" yang kena maka dia tanggunglah dan pakatlah. Kalau pihak itu tidak mahu pakat, maka tidak dapatlah dia lagi tanah itu. Begitulah keadaan yang berlaku di sana. Jadi ada beberapa perkara yang berbangkit dalam masaalah ini, setelah kita tahu bahawa tujuan Bil ini ialah untuk dapat menentukan rumah-rumah pangsa tetapi kedudukan rumah-rumah yang bukan rumah pangsa pun banyak masaalahnya yang timbul, maka dalam soal ini kita berharaplah pihak Kementerian dapat mencari jalan dalam perkara yang saya sebutkan itu supaya dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah sedikit sebanyak yang dapat saya kemukakan berkenaan dengan rumah-rumah pangsa dan begitulah juga diharapkan supaya pihak Kerajaan dapat mengawasi supaya tidak berlaku kemalangan-kemalangan apabila kita mengeluarkan lesen-lesen ataupun kebenaran seperti geran kepada rumah-rumah pangsa ini. Kita berharap jawatankuasa atau badan ini hendaklah mengawasi rancangan-rancangan pembinaan kerana bangunan-bangunan seperti ini selalu mempunyai penghuni yang terdiri daripada berbilang kaum. Itu adalah satu dasar Kerajaan kita yang bertujuan menyatukan keadaan kaum bagi mereka yang dapat menduduki rumah-rumah tersebut tetapi keadaan-keadaan yang berlaku kepada rumah-rumah sebegini patutlah juga Kerajaan awasi seperti berlakunya kebakaran sebagaimana yang pernah berlaku di Jalan Campbell sehingga tidak dapat diselamatkan kerana terlampau tinggi bangunannya. Kerajaan patutlah mengambil perhatian dan mengawasi dalam soal-soal ini.

6.14 ptg.

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sebulat suara menyokong Rang Undang-undang ini.

Seperti yang kita sedia maklum bahawa pembinaan rumah-rumah pangsa pada masa ini terutama sekali di bandar-bandar besar adalah menjadi-jadi. Memanglah sudah sepatutnya saya rasa si pembeli rumah-rumah itu seperti si pembeli rumah biasa yang bukan bertingkat mempunyai suratan hak milik subsidiary untuk membuktikan rumah itu diregisterkan ke atas namanya dan juga supaya mereka dapat menikmati dengan sepenuhnya daripada pelaburan yang dikenakan olehnya dan juga memberi peluang kepada mereka menggunakan suratan hak milik ini sebagai satu cagaran atas apa-apa jua pinjaman yang dikehendaki oleh mereka.

Peruntukan untuk mengeluarkan suratan hakmilik subsidiary ini memang ada dalam Kanun Tanah Negara tetapi apa yang saya ketahui bahawa nampaknya orang ramai dan juga mungkin pihak-pihak pembina-pembina rumah (developers) tidak begitu mengerti ataupun tahu tentang adanya peruntukan seperti itu.

Dalam hal ini pihak Kementerian saya menentukan supaya perjalanan memberi subsidiary title ini kepada rumah-rumah pangsa ataupun rumah-rumah yang bertingkat, pihak Kementerian telah mengadakan mesyuarat pertama untuk menentukan supaya pegawai-pegawai yang akan menjalankan ataupun memproses permohonan-permohonan ini tahu sebenar-benarnya apa yang patut mereka kerjakan kerana dalam proses mengeluarkan suratan hakmilik ini kita bolehlah beri kepada tiga peringkat iaitu permohonan suratan hakmilik adalah dipertanggungjawabkan kepada Pejabat Tanah. Selepas itu menyediakan dan mengeluarkan pelan serta suratan hakmilik oleh Jabatan Ukur dan pendaftaran suratan hakmilik balik kepada Pejabat Tanah.

Di sini kita dapati bahawa adalah amat penting supaya satu penyelarasan mesti diadakan di antara Jabatan Tanah dan Jabatan Ukur. Selain daripada itu perkara hakmilik subsidiary ini adalah boleh dikatakan satu perkara yang agak baharu sedikit, maka sudah tentulah timbul beberapa masaalah atas pengeluaran hakmilik subsidiary ini. Oleh itu pihak Kementerian kalau tidak salah saya pada 12hb Disember yang lalu telah mengadakan satu perjumpaan dengan beberapa pihak iaitu wakil daripada Housing Developers Association dan juga kita telah menjemput pihak Bandaraya, wakil dari Malaysian Bar Council dan juga

daripada Architects Association, Survey, PKNS, Institusi-institusi Kewangan dan beberapa wakil-wakil lain yang kita fikir ada berkaitan dengan pelaksanaan pengeluaran subsidiary title ini, kerana kita mahu bukan sahaja memberi penjelasan kepada mereka bahawa peruntukan seperti ini memang ada dalam Kanun Tanah Negara tetapi juga pihak Kementerian mahu tahu pandangan daripada mereka.

Sukalah saya menyatakan di sini, bahawa hasil perbincangan itu adalah sangat menggalakkan bahkan wakil daripada Persatuan Perumahan telah memberi jaminan kepada saya bahawa mereka akan menghantar beberapa memorandum daripada soalan yang telah saya timbulkan dalam mesyuarat itu di mana saya telah bertanya kepada mereka apakah sebabnya walaupun peruntukan di dalam Kanun Tanah Negara ada untuk mengeluarkan subsidiary title ini dan adanya banyak rumah-rumah pangsa di seluruh negara kita maka terlampau sedikit permohonan-permohonan untuk subsidiary title dalam rumah pangsa ini.

Setakat ini, Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menyatakan bahawa mengikut apa yang saya telah dimaklumkan hanya ada 11 permohonan sahaja untuk mendapatkan subsidiary title di seluruh Malaysia dan 6 daripadanya telah diluluskan dan surat hakmilik subsidiary telahpun dikeluarkan untuk 4 bangunan iaitu di Ipoh dan ini kalau tidak salah ingatan saya dalam tahun 1972 atau 1973. Jadi nampaknya mungkin ada salah faham ataupun kurang pengertian bahawa peruntukan seperti ini ada di dalam Kanun Tanah Negara kita. Saya sendiri yakin bahawa adalah mustahak bagi kepentingan pemilik-pemilik rumah pangsa terutama sekali mereka yang berpendapatan rendah supaya pihak pemaju-pemaju rumah, pemaju-pemaju rumah pangsa memohon surat hakmilik subsidiary ini supaya dengan cara begini dapatlah hasrat Kerajaan untuk menentukan supaya mereka itu dapat juga menikmati keuntungan seperti yang kita harap-harapkan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai rayuan Yang Berhormat Senator Ibrahim bin Haji Yaacob supaya rumah-rumah pangsa ini dijual kepada penghuni-penghuninya. Saya sendiri pun berharap begitu, kerana ini merupakan salah satu daripada tujuan kita untuk mengadakan subsidiary title ini, tetapi soalan samada rumah-rumah ini akan dijual kepada

penghuni-penghuni yang ada sekarang, ini terpulanglah kepada pihak-pihak yang berkenaan samada private developers, PKNS, Bandaraya atau apa juga badan dan lain-lainnya. Tetapi tujuan kita ialah untuk mengadakan subsidiary title ini.

Yang Berhormat Puan Hajjah Salmah binti Sheik Hussein telah meminta supaya Kerajaan mengadakan undang-undang untuk mengekalkan supaya tanah yang diduduki oleh orang-orang Melayu (Malay Reserve) diperkekalkan. Ini nampaknya berlawanan sedikit daripada permohonan yang diminta oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad bin Arshad. Soalan ini mengenai safeguard atas pengkalan tanah-tanah Melayu yang terkandung dalam Article 89 Perlembagaan Persekutuan dan soalan samada menarik balik atau menambah lagi Malay Reservations itu adalah bidangkuasa Kerajaan-kerajaan Negeri, kerana seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bidangkuasa mengenai tanah adalah terletak kepada Kerajaan Negeri.

Yang Berhormat Datuk V. Ponnusamy Pillai telah meminta supaya tanah diberi kepada rakyat yang tidak bertanah terutama sekali mereka yang tinggal di estet yang merupakan selama ini cara penghidupan mereka bergantung kepada pertanian dan juga merayu kepada Yang Berhormat Menteri supaya memberi tanah kepada mereka yang tidak bertanah itu.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Menteri Tanah dan Galian menjaga hal tanah, akan tetapi tiada mempunyai kuasa untuk memberi tanah kepada sesiapa, kerana soalan tanah ini adalah soal Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, saya faham bahawa ada Kerajaan-kerajaan Negeri yang memberi tanah kepada rakyat samada sebagai individu ataupun kepada syarikat-syarikat, perbadanan-perbadanan dan juga seperti yang kita sedia maklum bahawa Kerajaan memang ada memberi tanah kepada rakyat negeri ini menerusi badan-badan seperti FELDA, FELCRA, RISDA dan lain-lain lagi. Saya memang bersimpati perkara yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datuk V. Ponnusamy Pillai tadi dan saya harap pemohon-pemohon ini akan menulis surat menghantar permohonan mereka kepada pihak-pihak yang berkenaan, umpamanya Kerajaan Negeri Perak, kerana saya tahu Kerajaan Negeri Perak memang ada juga memberi tanah kepada rakyat negeri itu.

Yang Berhormat Datuk Mansor bin Mohamad telah menimbulkan masalah penukaran syarat yang mengambil masa begitu panjang mengikut pendapat beliau. Jikalau sebenarnya pegawai-pegawai ini menjalankan kerja, soalan penukaran syarat ini tidak mengambil masa lebih daripada tiga bulan. Dan juga kelambatan pemecahan lot mengikut kata beliau juga, kalau pegawai itu betul-betul bertugas, mereka akan dapat menyiapkan dalam masa 6 bulan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah penukaran syarat ini bukanlah merupakan satu perkara yang begitu senang, kerana sebelum kita menukarkan satu-satu syarat daripada pertanian kepada perumahan ataupun kepada industri, maka kita mesti mempunyai satu pandangan yang jauh, iaitu samada keputusan kita hendak menukarkan syarat itu daripada pertanian kepada industri umpamanya, adakah tidak bercanggah dengan pelan induk Kerajaan Negeri itu ataupun kuasa Negeri itu. Dan selain daripada itu juga seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum penukaran syarat ini terpaksa diluluskan oleh Exco Negeri itu dan biasanya Exco ini sibuk dengan kerja-kerja lain yang lebih penting dan oleh itu merupakan satu faktor yang melambatkan penukaran ini.

Begitu juga soalan kelambatan di Pejabat-pejabat Tanah adalah bergantung kepada beberapa faktor. Satu daripadanya ialah kekurangan kakitangan dan kekurangan kakitangan yang terlatih kalau dibandingkan dengan beban kerja yang dihadapi oleh mereka. Ini merupakan satu faktor yang agak besar yang menyebabkan kelambatan di Pejabat-pejabat Tanah. Walau bagaimanapun mengenai cadangan mempercepatkan penubuhan penukaran syarat supaya dapat dibuat bersama dengan sub-division seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Datuk Mansor, saya rasa perkara ini adalah di dalam perhatian dan kita akan mengkaji perkara ini, dan jika perlu dan wajar, jalan akan dicari untuk meminda undang-undang untuk mengatasi masalah yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Mansor bin Mohamad juga telah menimbulkan pertanyaan samada syarikat yang mempunyai 100% syarikat Melayu dapat memiliki tanah Malay holding. Saya rasa jikalau Memorandum atau Article of Association membolehkan syarikat itu memiliki tanah seperti ini, saya rasa ianya

tidak menjadi salah. Tetapi hanya ada satu sahaja kemungkinan bahawa syarikat ini akan menjual sharenya kepada orang yang bukan Melayu dan satu masa nanti shares orang yang bukan Melayu akan menjadi lebih, jadi tidaklah syarikat ini akan menjadi 100% bumiputra. Ini mungkin menjadi satu masalah. Walau bagaimanapun, kalau Article of Association syarikat itu membolehkan, maka perkara ini bolehlah dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara-perkara yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik samada tiap-tiap tingkat membayar cukai tanah. Cukai tanah dibayar on the basis of land rent, jadi bermakna tanah di atas mana bangunan itu didirikan sahaja yang diminta dibayar cukai dan bukan tiap-tiap tingkat. Tanah itu merupakan common property kepada semua penghuni-penghuni (co-proprietors) bangunan-bangunan bertingkat itu, jadi mereka kena share proportionately, kalau 20 orang, 1/20th of the payment.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan. Saya hendak bertanya samada Kerajaan memikirkan iaitu risaknya, kalau misalnya ada berlaku kebakaran, orang yang duduk di atas itu lebih merbahaya lagi daripada orang yang duduk di bawah. Jadi tentulah pembayaran cukai yang dikenakan ke atas orang yang duduk di atas itu lebih murah lagi. Samada boleh dibuat begitu atau tidak?

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, bahawa basis kita meminta cukai tanah itu kepada tanah itu sendiri, tak ada relationshipnya dengan siapa yang duduk di atas dan siapa yang duduk di bawah.

Mengenai soalan meminta title dikeluarkan dengan segera, sebenarnya saya sendiri ada juga menimbulkan soalan ini kepada pegawai-pegawai dan kita ada anticipate bahawa ini mungkin menjadi satu masalah kerana banyak title yang hendak dikeluarkan. Walau bagaimanapun, pihak Jabatan-jabatan yang berkenaan mengambil perhatian atas perkara ini dan kita cuba sedaya-upaya akan mempercepatkan pengeluaran hakmilik title ini kepada tuannya-tuannya.

Selain daripada itu, Yang Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik telah meminta supaya dapat menentukan segala-gala machinery management corporation ini

berjalan dengan betul, umpamanya, kita jaga dengan baik dan kebersihan pun dijalankan. Tuan Yang di-Pertua, inilah merupakan salah satu daripada perkara yang penting sebabnya Undang-undang ini hendak diubahkan kerana hendak menentukan kalau kita lihat dalam Rang Undang-undang ini. Jikalau sekiranya pihak Kerajaan Negeri berpuas hati bahawa perbadanan pengurusan (management corporation) itu tidak berjalan dengan baik maka pihak Kerajaan boleh menggezetkan seorang designated officer untuk, pertamanya sebagai principal adviser kepada management corporation itu kerana kadangkala ini merupakan satu precautionary measure oleh kerana perkara begini mungkin berlaku. Kalau perkara ini berlaku, Undang-undang kita sudah sedia untuk melantikkan seorang designated officer menjadi penasihat utama kepada management corporation ini. Selepas itu didapati pula jikalau sekiranya selepas designated officer ini menjadi principle adviser didapati tidak juga effective perjalanan management corporation itu, maka kita berpulang kepada Seksyen 362, the Schedules ini supaya designated officer itu dilantik oleh Kerajaan Negeri sebagai the principle agent of the management corporation. Kalau kita lihat penjelasan dalam Rang Undang-undang ini bermakna segala keputusan yang dibuat oleh management corporation itu tidak dapat dilaksanakan melainkan dengan persetujuan designated officer tetapi untuk menjagakan supaya designated officer itu tidak menyalahgunakan kuasa absolute, iaitu veto maka di sini ada diperuntukkan kalau kita lihat dalam Rang Undang-undang ini:

“Provided that the designated officer shall not refuse to concur with or ratify the act or decision without first referring the matter to the State Authority and shall then decide as directed by the State Authority.”

Jadi, bermakna designated officer itu tidak dapat menyalahgunakan power yang ada kepada dia kerana dia mesti mendapat kelulusan daripada Kerajaan Negeri.

Yang Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik juga meminta supaya kita menentukan bahawa pembahagian rumah-rumah ini betul-betul mencerminkan keadaan semua kaum di dalam negara kita ini. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini adalah di luar bidang kuasa Kementerian ini. Walau bagaimanapun, sukalah saya menyatakan

bahawa setakat yang saya tahu ada Kerajaan-kerajaan Negeri yang menentukan supaya tatkala sesuatu pengusaha perumahan (housing developers) ini memohon penukaran surat kegunaan (usage) tanah itu mereka menetapkan bahawa sebelum appropriate authority meluluskan permohonan ini sekurang-kurangnya 30% daripada perumahan yang dibuat itu dikhaskan untuk bumiputra. Saya dapat tahu, umpamanya, Kerajaan Negeri Perak ada menentukan perkara seperti ini dan pemaju-pemaju perumahan ini mestilah menunjukkan bukti-bukti yang mereka telah berusaha dengan sedaya-upaya untuk menentukan bahawa mereka akan mendapatkan sekurang-kurangnya 30% orang-orang bumiputra membeli rumah-rumah itu dengan menerusi Dewan Perniagaan Melayu, SEDC Kerajaan-kerajaan Negeri dan lain-lain lagi. Walau bagaimanapun, ini adalah kadang-kadang tersekat kepada satu masa yang tertentu, umpamanya, 6 bulan.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad Arshad telah bertanya samada gerangan itu diberi kepada co-proprietors rumah-rumah bertingkat itu. Katanya, kalau ada 100 yunit, adakah 100 yunit itu akan mendapat gerannya ataupun hanya tuannya tanah sahaja. Jawabnya, tiap-tiap yunit itu akan mendapat satu geran, bermakna kalau ada 100 maka 100 yang mendapat. Itulah subsidiary title yang kita maksudkan.

Beliau juga meminta supaya diadakan yunit untuk kepentingan umum seperti balairaya ataupun surau. Saya rasa cadangan ini adalah sangat baik dan ini terpulanglah kepada pemaju-pemaju perumahan kerana perkara ini adalah sangat penting. Kadangkang orang-orang yang tinggal di dalam rumah yang bertingkat-tingkat itu terpaksa bersembahyang di surau, pindah dari rumah kawan sebelah ke sebelah. Kalau diadakan peruntukan ataupun facility seperti ini adalah sangat baik.

Beliau juga telah meminta supaya orang-orang di kawasan Melayu diberi peluang kepada bukan Melayu supaya menunjukkan keadaan masyarakat. Saya rasa ini merupakan satu perkara yang di bawah bidang kuasa negeri kerana mengikut peraturan sekarang mestilah ada approval daripada State Authority sebelum satu-satu tanah Malay Reservation boleh dijual kepada bukan

Melayu. Kalau mengikut Undang-undang Negeri Sarawak adalah melanggar peraturan Kanun Tanah Negeri, tanah-tanah yang dipunyai oleh bumiputra dijual kepada bukan bumiputra.

Yang Berhormat Senator Ismail bin Sheikh Ibrahim telah menimbulkan soal tanah yang tidak dapat dibahagi oleh kerana tidak ada kata sepakat daripada tuan-tuan tanah itu. Saya rasa perkara yang dikemukakan itu tidaklah begitu specific, maka saya rasa susahlah hendak memberikan satu jawapan yang specific. Walau bagaimanapun, kalau ada hal begitu, pihak Kementerian akan berhubung dengan pihak Kerajaan Negeri untuk menyiasat perkara ini.

Selain daripada itu, perkara yang ditimbulkan oleh beliau ada kemungkinan yang tuan-tuan tanah itu mendirikan rumah-rumah seperti itu tanpa kelulusan dari pihak Kerajaan Negeri. Kesulitan-kesulitan ini memanglah benar, mengenai kekurangan, tidak adanya persefahaman di antara co-proprietors itu. Saya rasa patutlah ada satu analisa yang lebih rapi untuk mengatasi segala kesulitan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sahaja yang saya dapat jelaskan mengenai perkara-perkara yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, mana yang tidak saya jawab saya akan ambil perhatian.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 8* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Jadual Pertama* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Jadual Kedua* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Pendahuluan* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG PENGAMBILAN TANAH (PINDAAN) (No. 2)

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.44 ptg.

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu Rang Undang-undang bagi meminda Akta Pengambilan Balik Tanah No. 34/1960 dibaca kali kedua sekarang.

Dalam usaha menjayakan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga itu Kerajaan memerlukan beberapa kawasan tanah yang difikirkan sesuai untuk projek-projek pembangunan. Tanah-tanah itu terletak di desa-desa dan di bandar-bandar.

Ada di antara tanah-tanah yang diperlukan itu adalah tanah kepunyaan (alienated land).

Projek-projek pembangunan Kerajaan itu perlu segera dilancarkan dan menepati masa yang ditetapkan. Jika tidak objektif-objektif sosial, ekonomi dan politik negara akan terjejas.

Mengikut pengalaman Kerajaan-kerajaan Negeri yang menjalankan kerja-kerja pengambilan balik tanah, ada kerja-kerja pengambilan balik yang terganggu kerana Seksyen 19, Akta 34/1960. Seksyen itu hanya membenarkan Pengarah-pengarah Tanah dan Galian Negeri mengeluarkan Sijil Segera untuk tanah-tanah desa, ataupun tanah-tanah kepunyaan yang tidak diduduki seperti definasi Seksyen 19 (2) Akta berkenaan sahaja. Pengarah-pengarah Tanah dan Galian Negeri tidak dibenarkan mengeluarkan Sijil Segera untuk tanah-tanah yang lain daripada ini. Dengan itu adalah didapati bahawa pihak Kerajaan tidak boleh mengambil tanah bandar yang mengandungi bangunan, ini mungkin menghalang projek kemajuan Kerajaan bagi kawasan-kawasan bandar dan bandar-bandar kecil.

Inilah satu-satunya mata rantai pentadbiran, yang melambatkan proses pengambilan balik tanah. Inilah juga yang membawa akibat yang menjejaskan pelaksanaan rancangan pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini bertujuan membatalkan untaian perkataan "any country land or unoccupied land", daripada Seksyen 19, Akta 34/1960 itu. Pembatalan untaian kata itu akan memberi kuasa kepada Pengarah Tanah dan Galian Negeri-negeri mengeluarkan Sijil Segera untuk semua jenis tanah bermilik.

Sijil Segera adalah Borang I—di dalam Akta 34/1960, diluluskan oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan ditandatangani oleh beliau sendiri. Pengeluaran Sijil Segera oleh Pengarah Tanah akan membolehkan Jabatan yang mengambil balik tanah, memasuki tanah berkenaan dan membuat kerja-kerja yang perlu di atas tanah.

Kerja-kerja yang perlu itu hanya boleh dibuat pada bahagian-bahagian yang lapang di atas tanah berkenaan itu sahaja. Kerja-kerja perlu itu tidak boleh melibatkan bangunan-bangunan kekal atau separuh kekal atau apa-apa struktur bangunan atas tanah itu.

Jika ada bangunan-bangunan di atas tanah berkenaan, Pemungut Hasil Tanah hendaklah mengeluarkan Borang J. Bangunan itu hanya boleh dirobuhkan selepas 60 hari Borang J dikeluarkan. Tempoh dua bulan ini diberi untuk tuan-tuan tanah menyediakan kerja-kerja yang perlu pada pihak mereka.

Sijil Segera hanya dikeluarkan selepas dua minggu daripada tarikh Borang-borang E dan F diberi kepada tuan-tuan tanah dan mereka yang berkepentingan dengan tanah yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menegaskan sekali lagi bahawa dengan pengambilan balik tanah dengan Sijil Segera adalah diharapkan kerja-kerja pengambilan balik tanah dapat dijalankan dengan lebih cepat lagi dan dengan itu adalah diharapkan kerja-kerja pembangunan yang berkaitan akan dapat dimulakan dan disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Puan Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

6.48 ptg.

**Datuk Dr. Wee Khoo Hock:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh sedikit pandangan saya berkenaan dasar atau

semangat pengambilan tanah yang ada berkaitan dengan apa yang dikatakan di dalam Huraian Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan menyokong Akta ini bagi meminda Akta Pengambilan Tanah, 1960, saya ingin menarik perhatian Kementerian dengan perkara punca kesulitan rakyat menghadapi pengambilan tanah untuk projek-projek kemajuan daerah dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, di atas pengambilan tanah Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri haruslah menyiasat dengan lebih teliti dari segi masalah kemanusiaan, ugama, adat resam dan sebagainya sebelum menentukan pengambilan tanah itu. Laporan pegawai-pegawai yang terlibat haruslah dikaji dan disiasat dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menegur pegawai-pegawai yang berkenaan tidak bekerja dengan sungguh-sungguh, mungkin pejabat berkenaan menghadapi kekurangan kakitangan supaya siasatan lebih mendalam yang perlu yang mengambil masa lebih panjang tidak dapat dilakukan.

Saya cuma hendak menarik perhatian dan merayu kepada Kerajaan mengkaji dengan mendalam dan teliti sebelum menentukan pengambilan tanah yang terlibat khususnya terhadap tuan punya yang tidak mempunyai tanah yang lain, walaupun recommendation untuk pengambilan telahpun disampaikan daripada pegawai yang berkenaan.

Satu perkara lagi saya fikir perlu dan patut saya kemukakan di sini iaitu terhadap pengambilan tanah yang mempunyai rumah kediaman sedangkan tuan punya tanah itu tidak ada tanah yang lain sementara atas tanah kosong sekeliling rumah tuan tanah adalah berkebun sayur-sayuran, pokok buah-buahan dan menanam sedikit-sebanyak pokok sirih untuk kehidupan keluarganya. Tanah-tanah seperti ini khususnya tanah warisan patutlah dielakkan dari pengambilan itu. Jika amat perlu tanah itu hendak diambil milik untuk projek yang penting dan tidak ada tempat lain yang dekat dan sesuai maka Kerajaan sepatutnya menggantikan tanah pengambilan milik dengan tanah yang sesuai untuk tempat kediaman dan kehidupan mereka. Kepada mereka pampasan tidak akan menolong mereka mendapat tempat kediaman sama tempat tanamannya.

Di Kelantan umpamanya, banyak rakyat keturunan China atau Thai duduk dalam kampung masing-masing dan telah beberapa jenerasi mereka hanya mampu bercakap dalam bahasa Malaysia dan sedikit Hokien dan Thai sahaja. Cara hidup mereka tidak banyak beza dengan cara kampung-kampung bumiputra. Jika tanah mereka itu diambil milik oleh Kerajaan atas nasihat Pegawai Daerah untuk projek yang dikehendaki di daerah itu dengan bayaran wang gantirugi yang dianggap berpatutan oleh pihak berkuasa, kemanakah mereka itu akan dipindahkan dan cukupkah pampasan itu untuk membeli tanah malahan jika mereka dapati kebenaran memindah milik tanah itu daripada EXCO Negeri, tambahan pula kebiasaan mereka hidup berkampung halaman. Kebanyakan penduduk kampung itu tidak pernah meninggalkan kampungnya. Ini adalah satu masalah yang telah timbul dan banyak lagi kes-kes seperti ini akan kita hadapi jika Kerajaan tidak mengambil berat pada masa hadapan.

Saya merayu kepada Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri mengawasi dengan berat sebelum memperlakukan kes-kes seperti ini dengan penuh memahami dan bertimbang rasa. Saya yakin Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah seorang yang budiman dan mempunyai penuh sopan-santun dan berpengalaman serta memahami dalam segala masalah rakyat Kelantan berbilang kaum dan juga Timbalannya, akan dapat memberi pertimbangan yang serius atas masalah ini.

6.53 ptg.

**Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh atas Rang Undang-undang pengambilan tanah ini, umpamanya pengambilan tanah rakyat, pihak Kerajaan hendaklah menyejajarkan pembayaran gantirugi apabila telah ditaksirkan harganya untuk dibayar oleh pihak Kerajaan supaya tidak akan menyusahkan pihak yang empunyai tanah untuk membeli tanah lain ataupun wang itu dapat digunakan untuk dijadikan modal perniagaan dan sebagainya. Sekiranya tidak dibayar dengan segera, harga tanah semakin naik dan wang yang diterimanya semakin turun nilainya. Ini akan merugikan rakyat yang empunya tanah.

Seperkara lagi saya minta pihak yang berkenaan mengambil berat atas taksiran tanah yang diambil oleh Kerajaan kepada tiap-tiap yang empunya tanah atas taksiran itu mengikut harga pasaran. Kalau harga pasaran misalnya \$20,000 maka Kerajaan telah membuat taksiran tanah yang lebih rendah misalnya, ini amat merugikan kepada tuan tanah kerana hendak membeli tanah lain adalah mahal. Jadi tak dapat dia hendak mengembalikan tanah yang telah diambil milik itu. Saya minta perkara ini diambil padangan berat oleh pihak yang berkenaan.

Selain dari itu pembayaran premium tanah apabila seseorang itu telah berjaya memohon tanah Kerajaan dan Kerajaan telah memberi tanah itu dengan harga yang ditentukan, saya berharap jika sekiranya sipemohon belum ada mempunyai wang, bolehlah diberi kebenaran untuk mengerjakan tanah itu dahulu ataupun premium itu dibayar selepas dia mendapat hasil ataupun dengan pembayaran secara beransur-ansur. Kalau pihak Kerajaan boleh memberi kemudahan kepada perumahan untuk membayar ansur, mengapakah pihak Kerajaan tidak dapat menimbangkan premium tanah untuk dibayar ansur. Ini juga saya minta pihak yang berkenaan mengambil perhatian berat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memberi sedikit pandangan berkenaan dengan kelambatan segala permohonan tanah dari setiap rakyat yang menunggu, yang susah yang tidak ada mempunyai tanah, menunggu jawapan dari pihak yang berkenaan. Tanah yang dipohon kadangkala dua tiga ekar oleh kerana kelambatan itu sampai 4-5 tahun, maka rakyat atau orang kampung terpaksa menanam secara haram. Jadi setelah penat mereka menanam secara haram, menanam kelapa, getah atau padi apabila sudah nampak kebun itu hendak mendapat hasil, pihak Kerajaan memberi amaran suruh berhenti dan keluar dari tanah itu, tetapi tidak lama lepas itu tiba-tiba orang lain yang mendapat tanah itu kononnya mereka memohon secara undang-undang. Mereka yang mendapat tanah itu kadangkala kaum keluarga, sahabat handai yang karib dengan Wakil Rakyat dalam kawasan itu ataupun yang berkaitan dengan kakitangan pejabat tanah. Ini satu penganiayaan juga. Jadi apalah salahnya jika pihak yang berkenaan menyiasat perkara itu dengan sehalus-halusnya, kalau betul peneroka haram itu tidak mempunyai tanah dan tidak mempunyai apa-apa pun memang betul dia

berkehendakkan tanah, patutlah difikirkan dan ditimbang supaya diberi sahaja tanah itu kepadanya. Sekianlah sahaja ucapan saya.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka mengingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa ada satu Rang Undang-undang lagi bernama Akta Pengambilan Tanah (Pindaan) (No. 3) di mana patutlah dikeluarkan buah fikiran semacam itu juga.

6.59 ptg.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini, sungguhpun begitu saya mengesyorkan kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan apabila melaksanakan pengambilan tanah, oleh kerana kita hendak membangun dengan cepat di dalam Rancangan Malaysia Ketiga, jadi oleh kerana itu kita terpaksa juga mengambil tanah secara cepat daripada rakyat, tetapi apabila kita hendak mengambil tanah itu, kita patut fikirkan betul-betul dengan sedalam-dalamnya supaya jangan kita menganiaya rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kalau misalnya diambil tanah, suruh orang itu isikan borang, dan katakan tanah awak akan diambil oleh Kerajaan oleh pegawai yang bertanggungjawab sambil memberikan satu borang yang lain untuk diisikan nama, berapa anak, ada tanahkah atau tidak, miskinlah atau tidak, berapa gaji—ini semua mesti diisi. Kita mesti berfikir iaitu orang ini nanti ke mana akan pergi. Dengan pembayaran ganti rugi oleh Kerajaan, bolehkah mereka dapat tanah ataupun membeli rumah menggantikan hartanya itu. Kalau tidak, Kerajaan menganiayakan manusia yang begini. Jadi saya harap mereka mestilah mengisi borang-borang yang saya katakan tadi, supaya dapat Kerajaan menggantikan di tempat yang lain, tak serupa pun tak apa, tetapi asalkan ada tempat yang lain.

Yang kedua, Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad mengatakan bahawa dalam kawasan Melayu bila hendak diambil tanah itu, memang tak boleh. Tetapi, mengikut Perlembagaan apabila diambil kawasan Rezab Melayu 5 ekar untuk pembangunan misalnya, mestilah digantikan 5 ekar di tempat lain. Ini mestilah dibuat oleh Kerajaan. Kalau misalnya diambil di dalam

Kuala Lumpur ini 5 ekar, Kerajaan mestilah menggantikan 5 ekar di tempat yang lain di dalam kawasan Kuala Lumpur juga.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa memang Kerajaan hendak mengambil tanah rakyat secara lekas, saya memang sokong, tetapi apabila rakyat memohon kepada Kerajaan sebagaimana Kerajaan mengambil hak rakyat, begitu juga Pegawai-pegawai Kerajaan hendaklah menjalankan tugas dengan secepat mungkin dengan tidak ada alasan-alasan yang tidak dapat difikirkan oleh rakyat. Tadi dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri 6 bulan, 10 bulan, setahun, tiga tahun—ini susah, tetapi jika sekiranya semua pejabat-pejabat yang bertanggungjawab duduk berkumpul, satu masa, perkara ini tentu tidak memakan masa yang panjang. Tetapi oleh kerana red-tape ini berjela sampai ke pusat, maka kerja-kerja yang dijalankan oleh Kerajaan terhadap rakyat memakan masa yang panjang. Ini perkara yang sebenar-benarnya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya juga mencadangkan supaya apabila pemilik tanah yang hendak diambil oleh Kerajaan ini mestilah diperiksa dengan sebenar-benarnya oleh pegawai-pegawai yang bertanggungjawab. Sebab di waktu saya menjadi Wakil Rakyat dahulu apabila Kerajaan hendak memberi tanah, di dalam pelannya memanglah boleh dipotong dengan tak diperiksa tempat itu yang sebenarnya. Akhirnya rakyat dapat tanah di dalam kolam. Ini perkara yang tidak boleh dinafikan. Ini juga mesti dijalankan dengan sebaik-baiknya.

Saya tidak hendak bercakap banyak berkenaan dengan perkara ini, kerana ada bermacam-macam jenis tanah, ada yang dikatakan Malay Reservation, kalau di Negeri Sembilan dikatakan customary land yang tidak boleh dipecah-belahkan, melainkan puak-puak itu sahaja yang boleh mengambil tanah ini, dan pada masa yang akan datang kita akan menjalankan tugas-tugas kita untuk mengambil tanah ini balik untuk pembangunan Kerajaan. Maka perkara ini patutlah kita fikirkan semuanya.

7.06 mlm.

**Datuk Abdul Aziz bin Tapa:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Akta Pengambilan Tanah (Pindaan) (No.2) Tahun 1976. Saya rasa sudah sampailah masanya Akta ini dilaksanakan kerana ada satu

pepatah China mengatakan: "Rumah boleh tumbuh, tetapi tanah tak boleh tumbuh". Jadi oleh sebab tanah tak boleh tumbuh dan dengan desakan-desakan pembangunan, maka terpaksa diambil tanah-tanah untuk pembangunan bagi rakyat ramai. Saya menyokong Rang Undang-undang ini. Di setengah-setengah negeri, umpamanya negeri Melaka sampai menimbus laut, tanah tak cukup. Walau pun tanah itu ada, tetapi ianya terlalu susah hendak diambil oleh Kerajaan, kerana terikat, ada sentimental value dan sebagainya—terlalu susah, sehingga menggunakan wang berjuta-juta ringgit pun tak dapat dijalankan pembangunan. Dengan adanya undang-undang ini, saya fikir dapatlah diambil tanah-tanah itu untuk kegunaan masyarakat yang lebih berfaedah kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangsi sedikit dalam Rang Undang-undang ini kerana tak ada disebutkan tentang tanah-tanah amanah. Saya tak tahu dimana hendak dibubuh tanah-tanah amanah ini bila diambil. Di negeri Melaka ada bermacam-macam jenis tanah: satu tanah geran Belanda, dipanggil geran Bulan Matahari, beberapa tahun pun, orang itu punya. Kemudian ada tanah geran besar, yang dikatakan geran besar ini 999 tahun. Ada lease 99, 66 dan 33 tahun dan Malay Reservation. Yang dikatakan geran Belanda ini, geran itu dibuat daripada tembaga. Inipun satu masalah juga. Tanah-tanah amanah begitu juga. Umpamanya ada sekeping tanah di Kubu. Tanah ini amanah kepada satu orang Padang Bola Kubu, bila hendak dimajukan, hendak ambil tak boleh. Stadium Melaka itu hendak dibesarkan, dipindahkan, tetapi tak boleh digunakan tanah itu. Dan barangkali dengan adanya undang-undang ini ia boleh diselaraskan sebagaimana yang dikehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga hendak memberitahu bila Kerajaan hendak mengambil tanah-tanah yang sebegini yang ada orang tinggal maka hendaklah difikirkan sebagaimana yang disuarakan oleh Yang Berhormat Datuk Dr. Wee Khoon Hock bahawa bayaran pampasan itu jangan diberi wang sahaja, kalau dia perlukan tanah, berikan tanah supaya dia dapat hidup. Kalau dia perlukan wang, berikan wang; jangan sesudah kita menilai tanahnya sekian harganya, silalah ambil wangnya. Kemudian dimanakah dia pergi, wallah-hu-allam. Ini patut ditimbang juga.

Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang di atas tanah itu ada rumah-rumah yang bersejarah, rumah-rumah yang penting, bangunan-bangunan yang penting, tempat-tempat yang penting. Saya fikir ini terpaksa pihak Kerajaan yang hendak mengambil itu kena berunding dengan Muzium Negara, apakah tempat itu mesti disimpan atau bagaimana, kerana tempat-tempat yang semacam itu, saya fikir ada nilainya kepada keturunan kita yang akan datang. Jangan kita robohkan macam mana Tuan Farquhar pergi merobohkan Kota Melaka dan juga seperti zaman dahulu, saya sudah lupa namanya di Singapura, ada satu batu bersurat di Singapura yang ditulis di zaman Temasek dahulu dipecahkan. Jadi kita kehilangan sumber-sumber sejarah yang macam ini. Saya fikir tempat-tempat yang bersejarah ini banyak di Trengganu dan di Kelantan pun ada. Perkara-perkara yang macam ini hendaklah dipertimbangkan dengan sebaik-baiknya supaya jangan sumber-sumber sejarah kita ini rosak begitu sahaja.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dan sesungguhnya saya menyokong Bil ini dengan sepenuh hati.

*7.12 mlm.*

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyuarakan buah fikiran mengenai Rang Undang-undang ini.

Yang Berhormat Datuk Dr Wee Khoon Hock telah menyuarakan kesulitan rakyat dalam usaha Kerajaan mengambil balik tanah dan beliau juga meminta supaya dalam pengambilan ini Kerajaan patutlah berhati-hati dan berteliti supaya tanah-tanah itu tidak akan memberi satu keadaan yang sangat-sangat merumitkan kepada pihak tuanpunya tanah. Juga beliau meminta supaya kalau dapat dielakkan tanah orang yang hanya sekeping sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa memanglah perkara seperti ini diambil perhatian oleh pihak-pihak yang mengambil balik tanah dan juga penyiasatan yang rapi dibuat sebelum mereka membuat satu-satu keputusan untuk rekomenkan supaya sekeping tanah itu terpaksa diambil. Walau bagaimanapun, ada kalanya perkara-perkara

seperti ini tidak dapat dielakkan, umpamanya kalau sudah sekeping tanah itu dikehendaki untuk road alignment maka terpaksa tanah itu diambil.

Yang Berhormat Senator Hajjah Fatimah telah meminta supaya pembayaran ganti-rugi diberi dengan segera kepada mereka yang tanahnya telah diambil oleh pihak Kerajaan supaya ianya jangan memberi kerugian yang lebih besar kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menyatakan ini memanglah menjadi kehendak pihak Kementerian ini dan sukalah saya memberi jaminan di sini bahawa pihak Kementerian akan menghubungi pihak Kerajaan-kerajaan Negeri supaya dengan se-daya-upayanya pihak-pihak yang berkenaan membayarkan ganti-rugi ini dengan sertamerta. Kadangkala oleh kerana Administrative Procedure pembayaran ini adalah lambat dan ada kalanya pula jabatan-jabatan yang menghendaki tanah itu tidak ada mempunyai wang yang sedia, ini kadangkala boleh melambatkan pembayaran kepada tuanpunya tanah. Pada kebiasaannya selepas hearing didengar ataupun selepas award diberi maka pembayaran itu akan dilaksanakan oleh pegawai-pegawai yang berkenaan.

Mengenai taksiran beliau berharap supaya dapat mengikut harga pasaran dan meminta supaya pandangan berat akan diambil atas perkara ini. Tuan Yang di-Pertua, satu Rang Undang-undang yang akan kita kemukakan selepas ini adalah menuju ke arah ini supaya pembayaran ganti-rugi ataupun valuation tanah itu mengikut harga pasaran, current market value. Mengenai pembayaran premium tanah, beliau meminta kalau dapat berhutang dahulu, kalau tidak, dibayar dengan beransur-ansur. Sebenarnya, peruntukan di dalam Kanun Tanah Negara, kalau tidak salah ingatan saya Seksyen 14(j) ada mengatakan:

“The collection, remission, rebate, payment by instalment or deferment of payment on any item in land revenue.”

Jadi Kerajaan Negeri boleh membuat peraturan-peraturan untuk memenuhi syarat seperti yang dikehendaki oleh Yang Berhormat Senator Hajjah Fatimah. Ini tidaklah menjadi masalah besar.

Mengenai kelambatan mendapat jawapan oleh pihak-pihak yang meminta tanah dan juga tanah yang telah diteroka oleh orang-orang yang boleh dikatakan secara haram telah menunggu terlampau lambat untuk mendapat tanah itu, perkara seperti ini, memang ada berlaku. Maka terpulanglah kepada pihak Kerajaan Negeri masing-masing mengikut dasar Kerajaan Negeri samada pihak Kerajaan Negeri mahu memberi tanah dengan peneroka-peneroka seperti ini, terpulanglah kepada bidangkuasa Kerajaan tersebut.

Mengenai tuduhan beliau bahawa ada orang-orang yang lain yang ada mempunyai hubungan dengan orang yang mempunyai pengaruh dapat tanah, padahal orang yang meneroka lebih awal tidak dapat. Kalau ada Ahli Yang Berhormat itu tahu kepada specific case mengenai perkara yang seperti ini, saya rasa eloklah pihak Kementerian dapat diberitahu supaya kita dapat menghubungi pihak Kerajaan Negeri, jikalau sekiranya ada soalan ketidakadilan berlaku. Maka insya Allah, saya akan mengemukakan perkara seperti ini kepada pihak yang berkenaan.

Yang Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik telah mencadangkan supaya tuan-tuan punya tanah memberi details mengenai tuan tanah yang kena ambil itu. Saya rasa pihak Kementerian bolehlah standardisekan borang-borang seperti ini yang mengandungi masalah kesukahan ataupun hardship yang mungkin dialami oleh orang-orang yang tanah mereka kena ambil dan saya rasa standardise form seperti ini mungkin boleh digunakan di mana-mana negeri juga. Saya rasa itu merupakan satu cadangan yang baik, Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat itu juga telah meminta supaya tuan tanah yang kena ambil itu diganti balik dengan tanah. Peruntukan ini memang ada di dalam Akta Pengambilan Balik Tanah, dalam seksyen 15 Akta ini ada mengatakan bahawa:

(*Dengan izin*) “In the course of making any enquiry and award under Sections 12 and 14 the Collector may in his discretion, in respect of any scheduled land, instead of assessing or awarding monetary compensation enter into any arrangement with a

person having an interests in such land in such a way as may be equitable, having regard to the interest of the parties concerned.”

Ini bermakna selain daripada membayar ganti-rugi dengan wang, maka ganti-rugi boleh juga diberi dengan tanah tetapi bukanlah bermakna wang diberi juga dan tanah diberi juga.

Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Aziz Tapa juga telah menimbulkan perkara yang baharu saya jawab tadi dan selain dari itu beliau telah meminta supaya dalam usaha Kerajaan mengambil balik tanah kita mahulah mengambil perhatian supaya bangunan yang bertawarikh yang mempunyai sumber-sumber history janganlah diambil. Saya rasa perkara macam ini mestilah dirujuk kepada pihak yang berkenaan kerana setakat yang saya tahu ada bangunan-bangunan yang historical digezet dan tidak boleh dirobah, kecuali ada kebenaran daripada pihak Kerajaan,

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sahaja serba sedikit yang saya dapat jelaskan. Sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 4* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG KANUN TANAH NEGARA (HAKMILIK PULAU PINANG DAN MELAKA) (PINDAAN)

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.25 *mlm.*

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu Rang Undang-undang bagi meminda Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963 dibaca kali yang kedua sekarang.

Pada masa ini mengikut seksyen 88 (1) Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963 tempoh yang mesti tamat sebelum hakmilik terhadap sesuatu pegangan yang belum diperiksa dengan sepatutnya menurut peruntukan-peruntukan Bab I, Bahagian 7 Akta itu menjadi tidak boleh disangkal dalam erti Kanun Tanah Negara. Akta 56 tahun 1965 ialah 12 tahun berikutan selepas hari yang ditetapkan. Hari yang ditetapkan itu bermula dari 1hb Januari, 1966. Oleh yang demikian tempoh itu akan tamat pada 31hb Disember, 1977 yang akan datang.

Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Seksyen 88 (1) itu supaya Pihak Berkuasa Negeri berkuasa melanjutkan tempoh yang akan luput itu mengikut keadaan dan budibicara masing-masing negeri Pulau Pinang dan Melaka. Lanjutan ini adalah bertujuan untuk membolehkan kerja-kerja penyiasatan ke atas Geran-geran Tanah di dalam buku Daftar Sementara iaitu interim register di dalam negeri Pulau Pinang dan Melaka. Tempoh lanjutan ini akan bermula pada 1hb Januari, 1978.

Dalam negeri Pulau Pinang ada lebih kurang 120,000 suratan hakmilik yang berdaftar dalam Daftar Sementara manakala negeri Melaka pula mempunyai Daftar Sementara yang mengandungi lebih kurang 25,000 suratan hakmilik. Mengikut Akta Hakmilik tersebut yang berjalan kuat kuasanya pada 1hb Januari, 1966 suratan hakmilik dalam Daftar Sementara itu akan jadi tidak boleh disangkal, apabila habis tempoh 12 tahun daripada tarikh 1hb Januari, 1966. Ini bermakna, Tuan Yang di-Pertua, suratan hakmilik itu akan jadi hakmilik tidak boleh disangkal pada 31hb Disember, 1977. Suratan hakmilik itu semuanya akan diganti dengan suratan hakmilik di bawah Kanun Tanah Negara.

Pengarah Hakmilik Geran-geran Tanah di Pulau Pinang mempunyai tugas untuk memeriksa dan menentukan sesuatu suratan hakmilik itu teratur dan bersih. Pengarah Hakmilik Geran-geran Tanah Pulau Pinang juga menentukan tuntutan-tuntutan hakmilik di bawah Seksyen 53 Akta yang tersebut. Suratan Hakmilik gantian di bawah Kanun Tanah Negara Akta 56/1965 juga hendaklah disediakan dan dikeluarkan selepas peperiksaan yang rapi dibuat di bawah Seksyen 84 Akta Hakmilik itu dan disahkan sebagai Hakmilik yang tidak boleh disangkal. Mengikut lapuran yang diterima oleh Kementerian ini sehingga 1hb Januari, 1976 negeri Pulau Pinang cuma dengan menyelesaikan sebanyak 2.5% daripada lebih kurang 120,000 Suratan Hakmilik yang berdaftar dalam Daftar Sementara yang perlu diperiksa manakala Melaka telah dapat menyelesaikan 75% daripada lebih kurang 25,000 Suratan Hakmilik. Proses pemeriksaan dijalankan di negeri Pulau Pinang adalah mengikut Seksyen 84 Akta yang tersebut, proses pemeriksaan memakan masa yang lanjut kerana prosesnya berkehendakkan notis selama 6 bulan untuk apa-apa bantahan dikemukakan ke atas Suratan-suratan Hakmilik yang diperiksa itu. Kementerian ini berpendapat bahawa kerja-kerja untuk memeriksa adalah rumit dan memakan masa yang panjang untuk menyelesaikannya.

Pegawai-pegawai yang bertugas dan pegawai-pegawai kerani yang melaksanakan kerjanya ini di Pulau Pinang adalah terhad, hasil pengeluaran juga terhad. Pengasingan kerja untuk Pulau Pinang dan Melaka bermula pada Januari, 1973. Negeri Pulau Pinang seterusnya mengadakan seorang Pengarah Hakmilik Geran Tanah yang mempunyai tugas yang khas untuk Pulau Pinang sahaja.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Negeri Pulau Pinang meneliti Suratan Hakmilik mengikut peruntukan di bawah Seksyen 84 Akta Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka itu, inilah di antara sebab-sebab mengapa kerja sulit dijalankan. Kerja-kerja lebih mudah dijalankan di negeri Melaka kerana negeri Melaka cuma menjalankan peraksanaan melalui buku daftar pindah milik sahaja. Ini pada kebiasaannya memakan masa yang singkat. Adalah diharapkan dengan (Pindaan) ini ianya akan dapat

membenarkan Pendaftar Hakmilik Tanah melaksanakan kerja-kerja beliau dengan teratur dan memuaskan hati rakyat yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Puan Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 dan 2* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### RANG UNDANG-UNDANG PENGAMBILAN TANAH (PINDAAN) (No. 3)

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

7.30 mlm.

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon membentangkan Rang Undang-undang Pindaan kepada Jadual I Akta Pengambilan Balik Tanah No. 34 tahun 1960.

Jadual I kepada Akta 34/1960 pernah dipinda seperti di dalam A336/1976, pindaan mula dikuatkuasa pada 27hb Februari, 1976 yang lalu. Pindaan Jadual I seperti dalam Akta A336/1976 adalah berkenaan cara menilai pampasan tanah-tanah milik yang hendak diambil balik oleh Kerajaan untuk projek-projek pembangunan. Cara penilaian pampasan tanah bermilik seperti dalam A336/1976 telah menimbulkan kesulitan dan rasa tidak puashati rakyat yang terlibat. Perkara ini telah dibawa kepada Majlis Tanah Negara pada 15hb Oktober, 1976. Hasilnya, Tuan Yang di-Pertua, Majlis Tanah

Negara telah melantik suatu Jawatankuasa yang mengandungi wakil Kerajaan Persekutuan dan wakil-wakil Kerajaan Negeri untuk mengkaji perkara ini. Jawatankuasa tersebut telah meneliti perkara ini dan memperakukan bahawa kesulitan yang ditanggung oleh rakyat itu adalah benar dan dengan demikian mustahaklah dibuat pindaan ke atas Jadual I itu.

Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Jadual I kepada Akta Pengambilan Balik Tanah No. 34/1960. Jadual I yang dicadangkan oleh Rang Undang-undang ialah cara-cara mengira pampasan yang mesti dibayar kepada tuan-tuan tanah bermilik yang terlibat dengan pengambilan balik tanah.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah menjadikan Jadual I kepada Akta yang disebut sama keadaannya sebelum ia dipinda oleh Akta A336/1976.

Seksyen 1 (2) dalam Rang Undang-undang ini menyatakan bahawa jika undang-undang ini diluluskan ia akan mula berkuatkuasa pada 27hb Februari, 1976 iaitu tarikh Akta A336/1976 mula berkuatkuasa. Cadangan ini dibuat supaya faedah-faedah menilai semula Jadual I yang asal akan dapat membantu meringankan kesulitan mereka yang terlibat akibat pelaksanaan Akta A336/1976.

Sebahagian besar daripada Rang Undang-undang ini adalah peraturan-peraturan yang mesti diikuti oleh Pemungut Hasil Tanah untuk mencapai tujuan yang tersebut di atas dan ini bermakna semua mereka yang terlibat dalam Akta A336/1976 akan mendapat faedah bayaran pampasan yang patut mereka terima jika A336/1976 telah tidak berkuatkuasa.

Kedua, jika enquiry sudah bermula pada atau selepas Februari, 1976 tetapi pemungut hasil tanah belum lagi membuat tawaran pampasan, Pemungut Hasil Tanah hendaklah mengasaskan tawaran pampasan kepada Jadual I yang asal seolah-olah Akta A336/1976 tidak berkuatkuasa.

Seksyen 3 Rang Undang-undang ini, jika Pemungut Hasil Tanah telah membuat tawaran pampasan kepada tuan-tuan tanah mengikut Akta A336/1976 maka pemungut hasil tanah hendaklah membuat penilaian yang baru dengan berasaskan perkiraan

kepada Jadual I yang asal iaitu seksyen 5 kepada Rang Undang-undang ini. Jika ada apa-apa bantahan kepada tawaran pampasan yang dibuat oleh Pemungut Hasil Tanah berpandukan Jadual Pertama yang asal itu maka perkara itu hendaklah dirujuk kepada mahkamah tinggi. Jika tidak ada apa-apa bantahan maka perkara itu dianggap selesai.

Saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, dengan lulusnya Rang Undang-undang ini nanti dapatlah mengurangkan kesulitan rakyat yang terlibat dan juga memberi kemudahan kepada Kerajaan dan negara dalam melaksanakan tujuan pengambilan tanah sejajar dengan pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya pohon membentangkan pindaan Rang Undang-undang ini.

**Puan Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

*7.36 mlm.*

**Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak sedap jikalau saya tidak mengambil sedikit bahagian di dalam perbincangan ke atas Rang Undang-undang ini. Berbanding kepada perbincangan semasa kita hendak meluluskan Akta Pengambilan Tanah (Pindaan) tahun 1976 yang sekarang ini telah menjadi Akta A336/1976, kali ini saya berasa gembira kerana apa yang telah saya kemukakan pada masa dahulu telahpun mendapat perhatian serius daripada Kerajaan. Ini menunjukkan kejujuran Kerajaan dan di sini saya suka memberi sekalung bunga kepada Kerajaan. Kerajaan sekarang sedar bahawa rakyat telah mengalami kesusahan, oleh yang demikian setelah berjalannya Undang-undang ini selama lebih kurang 8 atau 9 bulan dan Kerajaan telah sedar bahawa itu telah membawa kesusahan kepada rakyat jelata, maka Kerajaan membawa pindaan supaya kita balik kepada kedudukan asal ataupun revert to *status quo*.

Dalam Rang Undang-undang ini tidak ada banyak controversy kerana ia berbalik kepada kedudukan asal dan sekali lagi saya suka mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan kerana Kerajaan menyedari kehendak rakyat dan ini patutlah dipandang oleh orang-orang luar negeri atas sikap Kerajaan kita.

Kerajaan kita ialah Kerajaan yang bertanggungjawab. Sungguhpun pada mula mungkin Kerajaan tidak nampak tetapi apabila telah ditunjukkan kepada Kerajaan dan didapati apa yang ditunjukkan itu betul, Kerajaan sanggup memindanya. Ini saya rasa satu sikap yang susah kita hendak cari di dunia ini. Saya harap negara-negara luar mengerti sikap Kerajaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ada satu sahaja perkara yang saya hendak timbulkan di dalam Rang Undang-undang ini. Ini mungkin dari segi salah taip agaknya, barangkali Yang Berhormat Menteri dapat menerangkan. Saya tidak tahulah di mana naskah yang sahih samada naskah Inggeris atau naskah Bahasa Malaysia. Tetapi kalau Yang Berhormat Menteri tengok Fasal 8 (7):

“8 (7).....kepada permohonan dalam Borang H dan rujukan dalam Borang O yang telahpun ada dalam rekod”.

Tetapi kalau kita tengok dalam naskah bahasa Inggeris:

“8 (7).....to the application in Form N and the reference in Form O already on record.”

Yang mana satu yang sebenarnya. “Form N” kah atau “Borang H” kah sepatutnya sama-samalah. Kalau “Borang H” dalam bahasa Malaysia, dalam Bahasa Inggeris “Form H”. Tetapi di sini barangkali salah taip. Saya harap perkara ini dapat dirujuk kepada Jabatan tertentu supaya dapat dibetulkan sebelum dia menjadi Akta.

Sekianlah sahaja pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua.

7.41 mlm.

**Datuk Dr Wee Khoon Hock:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong Rang Undang-undang ini dengan sepenuh hati. Saya ada satu sahaja perkara yang saya ingin sentuh iaitu berkenaan dengan pengambilan tanah perkuburan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya setengah tanah perkuburan dipunyai oleh orang ramai dan pampasannya tidak mudah dibayar kepada sesiapa pun. Dan juga pengambilan tanah ini telah menimbulkan beberapa masaalah pada masa yang lepas. Oleh kerana perkara tanah perkuburan ini adalah berkaitan dengan sentimen menghormati nenek moyang, ugama, adat pesaka, tradisi rakyat

jelata dan sebagainya maka saya harap pihak Kerajaan cubalah mengelakkan pengambilan tanah perkuburan ini seberapa yang boleh.

7.43 mlm.

**Tuan Abdul Rahim bin Abdul Manan:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang ini dan mengucapkan syabas kepada Kementerian yang berkenaan kerana meminda semula Rang Undang-undang ini. Semasa Rang Undang-undang asal yang dijadikan Bab A336 ini dalam perbincangan untuk diluluskan dahulu kita telah bertengkar sedikit dengan Peguam Negara tentang istilah mana yang lebih dibayar yang tinggi ataupun yang rendah. Dalam Rang Undang-undang itu menyebutkan yang rendah mesti dibayar. Pada masa itu sebahagian Ahli-ahli Yang Berhormat kalau tidak silap saya termasuk Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin telahpun membangkitkan perkara itu sehingga membuka Perlembagaan. Katanya mungkin, undang-undang yang kita ada hari ini berlawanan dengan Perlembagaan. Pada masa itu Peguam Negara menegaskan tidak berlawanan.

Tetapi syukur Alhamdulillah kesilapan itu telah diakui oleh pihak yang membuat undang-undang dan hari ini dibalikkan kepada asal.

Saya mengucapkan tahniahlah di atas kejujuran dan pengakuan pihak Kerajaan di atas kesilapannya tidak menganiaya orang ramai di atas harga pengambilan tanah ini. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih.

7.45 mlm.

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bercakap tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum pada masa kita membentangkan Rang Undang-undang (Pindaan) Pengambilan Tanah ini pada bulan Februari tahun lalu saya sendiri telah mengemukakan Rang Undang-undang itu di dalam Dewan ini.

Sebab Kerajaan mengemukakan Rang Undang-undang pada masa itu ialah kerana Kerajaan dapati bahawa banyak perbelanjaan

diperlukan dalam usaha Kerajaan mengambil balik tanah untuk pembangunan umpamanya pihak Kerajaan belanjakan tidak kurang daripada \$200 juta setahun dalam pembayaran balik kepada tuan-tuan tanah.

Selain daripada itu, tujuan meminda Kanun Tanah Negara pada masa itu ialah untuk mengelakkan orang-orang yang mendapatkan keuntungan dengan tidak ada membuat apa-apa contribution kepada kenaikan harga tanah itu. Kebanyakan daripada kenaikan harga tanah adalah dari hasil usaha pihak Kerajaan sendiri dan juga kita telah dapati bahawa ada bukti menunjukkan ada di kalangan speculators yang mengambil keuntungan daripada knowledge yang pihak Kerajaan akan mengadakan pembangunan di sekitar growth centres. Orang seperti inilah yang kita hendak elakkan. Oleh itu, pihak Kerajaan telah bercadang mengemukakan pindaan kepada Rang Undang-undang itu.

Tuan Yang di-Pertua, kita berharap pada masa itu bahawa kesan jangka panjang Rang Undang-undang ini ialah akan mencegah pembelian tanah dengan secara speculative kerana kalau mereka membeli tanah itu maka mereka akan menghadapi satu risiko yang besar juga kerana mereka mungkin menghadapi satu pembayaran yang agak rendah.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, kita telah dapati bahawa seperti yang dikatakan di dalam Rang Undang-undang ini pelaksanaan Jadual Pertama itu telah mendatangkan kesusahan kepada orang-orang yang berhak mendapat pampasan dan pelaksanaan Rang Undang-undang itu telah berlawanan daripada tujuan asal pindaan itu. Oleh yang demikian pihak Kerajaan telah mengambil keputusan supaya Rang Undang-undang ini dipindah balik kepada status quo seperti yang asal.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin yang pada masa itu telah membuat teguran yang sangat membina dan juga kata-katanya hari ini yang memuji pihak Kerajaan kerana berani menghadapi kebenaran dan sanggup bertanggungjawab membetulkan kalau ada apa-apa kesalahan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita merupakan satu Kerajaan yang responsible yang responsive kepada teguran-teguran yang membina.

Mengenai perkara yang ditanya oleh Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin tadi naskah yang sah ialah bahasa Inggeris. Itu merupakan satu kesalahan taip, sepatutnya Borang N dan bukan Borang H. Kesalahan ini bolehlah dipinda sebagai Clerk's amendment.

Yang Berhormat Senator Datuk Dr Wee Khoo Hock telah menimbul soalan supaya dalam pengambilan balik tanah kita mestilah berhati-hati terutama sekali kalau dapat dielakkan pengambilan tanah perkuburan. Saya mengambil perhatian berat atas perkara seperti ini dan kita akan menyampaikan hasrat Yang Berhormat itu kepada pihak Kerajaan Negeri.

Begitu juga saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Abdul Rahim bin Abdul Manan yang telah memberi tahniah kepada pihak Kerajaan atas kejujuran dan keberaniannya meminda Akta Pengambilan Balik Tanah ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 10* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Jadual* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG KEMAJUAN PETROLIAM (PINDAAN)

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.54 ptg.

**Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Kemajuan Petroliam (Pindaan) 1976 dibacakan bagi kali yang kedua.

Pindaan-pindaan yang kini dicadangkan di dalam Rang Undang-undang ini adalah hasil dari kajian semula yang menyeluruh ke atas undang-undang yang ujud sekarang ini yang diperbuat mengikut arahan Y.A.B. Perdana Menteri, oleh Majlis Penasihat Petroliam Kebangsaan, bersama-sama dengan Petronas.

Pindaan-pindaan yang diusulkan itu bolehlah dirumuskan seperti berikut:

- (i) Seksyen 6 dari Akta induk hendaklah dipinda bagi memberi kuasa kepada Perdana Menteri mengecualikan daripada kehendak dilesen di bawah Akta itu, aktiviti-aktiviti urusan yang tertentu berhubung dengan petroliam dan keluaran-keluaran kimia-petrol sebagaimana dinyatakan di dalam Akta itu;
- (ii) Seksyen 6 (A) yang berkaitan dengan syor-syor pengurusan hendaklah dimansuhkan;
- (iii) Seksyen 9 hendaklah dipinda bagi menyelaraskannya dengan peruntukan-peruntukan di dalam Perkara 13 kepada Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa sebab mengapa didapati perlu bagi membuat cadangan pindaan kepada Seksyen 6 Akta induk. Seperti terdapat sekarang, Seksyen-kecil 6 (1) dan 6 (3) memperuntukkan bahawa urusan pengilangan, pemasaran dan pembahagian petroliam dan keluaran-keluaran kimia-petrol seharusnya diselenggarakan oleh Petronas, sebagai sebuah Perbadanan Minyak Nasional, tetapi orang-orang lain yang hendak menjalankan mana-mana daripada urusan-urusan tersebut hendaklah mendapat satu lesen daripada Perdana Menteri. Telah dibawa kepada perhatian Kerajaan bahawa peruntukan-peruntukan ini telah menimbulkan keraguan dan rasa

bimbang di kalangan sektor swasta, terutama sekali di kalangan mereka-mereka yang terlibat di dalamnya, atau mana-mana pihak yang ingin menceburi bidang urusan dan perniagaan ini.

Adalah jua perlu diambil perhatian iaitu dari sekarang ini, beberapa keluaran bahan-bahan petroliam tertentu telahpun di istiharkan sebagai barang-barang terkawal di bawah Akta Kawalan Bekalan, 1961 yang dikuatkuasakan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, dan dengan demikian, sesiapa yang menjalankan urusan perniagaan di dalam keluaran-keluaran petroliam tersebut adalah dikehendaki mendapatkan lesen daripada Kementerian itu. Oleh kerana barang siapa yang terlibat di dalam urusan pengilangan, pemasaran dan pembahagian petroliam dan keluaran-keluaran kimia-petrol adalah juga mendapat perlindungan peruntukan-peruntukan Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975, dia adalah tertakluk kepada kehendak-kehendak dilesen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sepertimana yang disyaratkan di bawah Akta itu.

Sebagai tambahan, mereka yang terlibat di dalam kegiatan-kegiatan urusan perniagaan ini mesti juga mendapatkan lesen-lesen dari Pihak-pihak Berkuasa Tempatan dan lain-lain agensi Kerajaan di bawah undang-undangnya masing-masing. Kemungkinan juga dengan terdapatnya beberapa Jabatan Kerajaan dan agensi-agensi yang masing-masing mempunyai kuasa pelesenan dan pengawalan, akan mengakibatkan kelewatan dan harus juga peraturan pelesenan dan syarat-syarat yang dikenakan tidak dapat diselaraskan dengan sepenuhnya. Ini akan menimbulkan keraguan dan menyebabkan kesulitan-kesulitan bagi mereka-mereka di dalam sektor swasta yang menjalankan kegiatan-kegiatan urusan perniagaan ini. Oleh yang demikian, adalah didapati perlu untuk memastikan peruntukan-peruntukan tertentu bagi peraturan-peraturan pelesenan dan syarat-syarat meluluskan, menerusi penyelaras yang berkesan di antara agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan. Sementara tindakan pentadbiran diambil ke arah ini, Kerajaan telah menimbang-bahkan bahawa pindaan kepada Seksyen 6 adalah perlu. Pindaan-pindaan yang di cadangkan itu memberi kuasa kepada Perdana Menteri mengecualikan daripada kehendak dilesen di bawah Akta itu

kegiatan-kegiatan urusan yang tertentu berkaitan dengan petroliam dan keluaran-keluaran kimia-petrol.

Tuan Yang di-Pertua, supaya Petronas boleh menjalankan kawalan yang secukupnya ke atas 'downstream operations' di dalam perusahaan petroliam, Seksyen 6 (A) yang mengandungi peruntukan bagi pengeluaran syer-syer pengurusan kepada Petronas adalah dirumuskan ke dalam Akta ini sebagai sebahagian daripada Akta Kemajuan Petroliam (Pindaan), 1975. Sebagaimana Ahli-ahli Dewan yang mulia ini sedia maklum, peruntukan yang disebutkan ini telah menimbulkan banyak salahsangka, bukan sahaja di dalam perindustrian petroliam, malahan juga di kalangan lain-lain pelabur-pelabur tempatan dan asing di dalam sektor swasta. Ianya telah melahirkan kebimbangan di kalangan mereka iaitu konsep syer-syer pengurusan (management shares) ini mungkin dilaksanakan di sektor-sektor dan perindustrian-perindustrian yang lain. Kerajaan sebenarnya telah berusaha sedaya upaya untuk mengikis kekhawatiran ini dan terdahulu daripada ini telah menyakinkan para pelabur bahawa ini tidak pernah menjadi tujuannya. Kerajaan jua telah memberi jaminan mutlak iaitu ia tidaklah berniat hendak menggunakan Seksyen 6 (A) berhubung dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan 'downstream activities' di dalam perindustrian petroliam. Sesuai dengan jaminan ini, Petronas belum lagi bertindak untuk mendapatkan kawalan ke atas sebarang pengendalian mengenai syer-syer pengurusan. Memandang kepada kenyataan bahawa Kerajaan pada masa ini mendapati tidak perlu menggunakan syer-syer pengurusan untuk melindungi kepentingan hak Petronas, sebagai Perbadanan Minyak Nasional di dalam 'downstream operations' dan sebagai bukti bahawa Kerajaan benar-benar berhajat untuk memperbaiki suasana pelaburan pada keseluruhannya, adalah dicadangkan supaya peruntukan ini dimansuhkan.

Akhirnya, tujuan meminda Seksyen 9 ialah untuk menyelaraskannya dengan Perkara 13 kepada Perlembagaan Persekutuan, dengan mengadakan pampasan yang mencukupi jika sekiranya berlaku hal yang dijangkakan di dalam peruntukan yang terdapat sekarang. Perlu juga dinyatakan di dalam hubungan ini iaitu pada masa

merangka Akta Kemajuan Petroliam, 1974, adalah dijangka bahawa rundingan-rundingan akan dapat diputuskan di dalam tempoh masa yang ditetapkan, iaitu enam bulan dari tarikh berkuatkuasa Akta tersebut. Perkara ini telah tidak dapat dilakukan dan oleh kerana perlanjutan tempoh masa tersebut juga telah tidak diberikan, maka pindaan ini, bagi membuat pembayaran pampasan yang mencukupi, adalah menjadi perlu sekiranya peruntukan yang disebutkan dilaksanakan.

Saya berharap dengan adanya pindaan-pindaan ini, para pelabur di negara ini, pelabur tempatan dan asing, akan berasa terjamin bahawa Kerajaan berhasrat hendak mengadakan suasana pelaburan yang akan memberi faedah kepada para pelabur dan juga kepada negara ini berdasarkan penyertaan bersama. Pernah jua timbul pablisiti yang menyeleweng sehingga ini berhubung dengan niat Kerajaan sebenarnya, berkaitan dengan pelaburan sektor swasta, terutamanya pelaburan asing. Saya percaya bahawa sebarang perasaan sangsi dahulu mengenai perkara ini akan dapat dibuang sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Puan Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

8.06 mlm.

**Datuk Mansor bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap sedikit sahaja kerana masalah minyak ini telah banyak benar diperkatakan dari semenjak beberapa lama di masa yang akhir ini, ada yang menerima khabar ini dengan perasaan riang gembira, ada yang merasa sedih dan ada juga yang meradang—macam-macam daripada timbulnya atau terjumpanya telaga-telaga minyak di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak lagi hendak memperkatakan berhubung dengan desakan orang Trengganu supaya menempatkan base of operation di Trengganu kerana telahpun saya sebutkan beberapa hari yang lalu, dan lagi saya juga menyedari setelah saya berpakat dengan Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Razak Hussin bahawa perkara ini kita akan serahkan kepada kebijaksanaan Yang

Amat Berhormat Perdana Menteri kita, kerana kita telah dapat mengetahui bahawa Perdana Menteri kita itu adalah seorang yang sangat adil, saksama dan bijaksana, beliau tentu sekali akan menempatkan benda-benda itu kepada tempat yang haknya, dengan kerana itu saya tidak payah sebutkan lagi perkara ini. Kita percaya Perdana Menteri akan menempatkan ataupun mengarahkan pusat ini di Trengganu. Jadi itulah sebabnya saya tidak hendak sebutkan apa-apa lagi dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya setelah saya kaji dan melihat keadaan profit sharing dan cara-cara pendapatan kepada Negeri dan kepada Kerajaan Federal ini, saya fikir kalaulah Trengganu tahu pada masa dahulu sebelum ditubuhkan Persekutuan ini, tahu yang minyak akan terjumpa di lautan Trengganu, mungkin dia tidak campur dalam Persekutuan kerana rugi. Kalau kita perhatikan betul-betul, kita hendak kata tidak adil pun tidak patut sebab kita dalam Persekutuan, kerana setelah dikaji dan saya tengok dengan 5% yang akan diterima oleh Trengganu, bererti kalau kita mengikut kira-kira sekolah rendah, kalau \$1,000 Trengganu akan dapat \$50, Kerajaan Federal direct dapat \$50, PETRONAS akan dapat \$490. Kita campur dua-dua itu, Federal dan PETRONAS dapat \$540 berbanding dengan \$50 Trengganu dapat, bukan main jauh larinya. Itulah sebabnya saya katakan tadi dalam pertimbangan masalah perusahaan-perusahaan sampingan berkaitan dengan minyak ini tentulah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan menempatkan di Trengganu, kerana ianya telah mendapat kerugian daripada direct royalty yang akan kita dapati dengan cara ini adalah sangat rendah.

Tuan Yang di-Pertua, perusahaan minyak ini kita sama-sama mengetahui banyak akan timbul lagi perusahaan-perusahaan sampingan yang ada kaitan dan hubungannya dengan minyak. Katakan dalam bahagian perbekalan (supply), dalam bahagian pengangkutan (transportation) dan berbagai-bagai lagi, maka saya berharap perusahaan-perusahaan sampingan ini akan dapat dibahagi-bahagikan supaya dapat mereka dinikmati oleh rakyat negara kita ini, terutama sekali rakyat bumiputra kerana selama ini perusahaan minyak kalau kita katakan yang kecil-kecil sekalipun, seumpama masalah stesyen-stesyen minyak, yakni pembekal kepada consumers, boleh dikatakan

jumlah yang besarnya adalah duduk di tangan orang-orang lain, orang-orang bumiputra ini hanya baru masa yang akhir-akhir ini sahaja yang baru cuba hendak menceburkan diri dalam lapangan ini. Maka oleh kerana sebagaimana yang selalu ditegaskan oleh Kerajaan dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru iaitu hendak membanyakkan pengusaha-pengusaha Melayu ataupun bumiputra dalam lapangan perniagaan dan perusahaan ini, Kerajaan tidak akan menganiayakan kaum-kaum lain. Tidaklah hendak merampas hak-hak orang lain yang sedia ada, tetapi dalam perkara-perkara perusahaan-perusahaan yang baru akan timbul ataupun yang baru dikeluarkan maka di situlah yang kita harap pembahagian ini akan dapat diseimbangkan. Kalau yang telah banyak itu dikurangkan dan yang kurang itu diperbanyakkan. Inilah yang kita harap.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang kita juga sedang mengetahui bahawa dalam masalah pembahagian minyak sekarang ini yang sudah ada di bandar-bandar dalam negara kita ini, kita selalu mendengar ataupun selalu mendapati penyelewengan-penyelewengan telah berlaku. Seumpama dengan adanya satu-satu tujuan kadang-kadang kita akan dapati pergi ke stesyen itu tidak ada minyak, di sini tidak ada minyak dan kadang-kadang hingga sampai terpaksa heboh dalam akhbar-akhbar kerana kekurangan bekalan dan sebagainya. Kita juga telah mengetahui bahawa kadang-kadang bila ada sahaja timbul masalah seumpama itu adalah dengan sebab-sebab harga hendak dinaikkan ataupun lain-lain lagi yang kita dapati seluruh pihak Kerajaan kita ini mengalah ataupun berlembut memberi ataupun mengikut kehendak-kehendak pihak pengeluar ataupun pihak pembekal. Saya harap pada masa-masa yang akan datang peraturan-peraturan hendaklah diketatkan supaya penyelewengan seumpama itu tidak berlaku dan supaya bekalan-bekalan ini sentiasa mencukupi kepada kegunaan pengguna-pengguna.

Satu perkara lagi saya berharap yang kita percaya tidak lama lagi setelah pengeluar-pengeluar minyak ini bermula maka akan timbul pula perusahaan-perusahaan yang merupakan perusahaan petro-chemical ataupun perusahaan-perusahaan gas misalannya yang juga banyak didapati dalam negara kita ini, maka kalau boleh saya berharap

perusahaan-perusahaan baru yang seumpama itu biarlah hendaknya disertai sama oleh rakyat negara kita ini iaitu dengan cara dibahagikan saham-saham kepada seluruh rakyat dan dengan jalan itu hasil ataupun nikmat isibumi negara kita ini akan dapat dikecapi oleh rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi saya hendak sebut berhubung dengan pembahagian minyak sekarang iaitu pembahagian minyak-minyak diesel kepada kaum-kaum nelayan. Kita dapati kaum nelayan ini iaitu bot-bot mereka terpaksa membeli minyak diesel dengan harga yang mahal kerana pihak pembekal mentafsirkan nelayan-nelayan yang menggunakan bot-bot ini ditafsirkan mereka ini sebagai duduk di bawah industri. Dengan kerana itu maka minyak yang dijual atau diesel yang dijual kepada mereka dikira dengan harga kepada industri iaitu lebih mahal daripada harga yang dibekalkan kepada pengguna-pengguna private. Keadaan ini saya berharaplah kiranya dapat diperbetulkan supaya mereka atau kaum-kaum nelayan ini tidak terpaksa membayar harga-harga minyak mereka lebih daripada pengguna-pengguna hari-harian.

8.15 mlm.

**Datuk Haji Abdul Razak bin Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, saya sukacita hendak mengambil bahagian dalam perbahasan Bil ini, kerana saya suka benar bercakap dalam masalah minyak. Saya sekali lagi berterima kasih kepada sahabat saya Datuk Mansor yang menjelaskan kedudukan sebenar dan menyelesaikan semua masalah dengan tidak payah mencari orang tengah. Atas pendirian beliau itu saya hormati dan saya menganggap sebagai seorang ahli politik yang matang. Hanya saya merayu kepada Kerajaan menimbangkan balik supaya ada kait-mengait dalam masalah memasukkan pelaburan atau kemudahan-kemudahan pelaburan kepada kemudahan-kemudahan asas yang ada di negara kita. Dan kalau sekiranya kita meletak satu-satu perkara yang menyebabkan kemahalan atau ketinggian maka ini melibatkan harga pengeluaran dan hasilnya tidak akan dapat ke seluruh rakyat sebab pelaburan ini mempunyai alat pengesat yang amat tajam dan dengan ketinggian harga ongkos kenaikan kenderaan umpamanya akan melibatkan kenaikan harga barang yang tinggi kepada negara kita. Jadi, kita sekarang ini mesti bekerja, berkhidmat bersama-sama hendak menurunkan kesan

harga barang daripada 14% bukan sahaja hingga 4% tetapi mungkin turun lagi dengan dapatnya bahan-bahan yang ada dalam negara kita yang boleh menjadikan hasil negara yang utama dan inginlah saya memberi ulasan kepada Kerajaan supaya mengkaji halus-halus bagi kesejahteraan seluruh rakyat negara kita ini. Saya tidak hendak mengulang tetapi saya tetap mengulang lagi bahawa apa yang berlaku pada petroliam, pertambahan tanker-tanker yang merugikan negara kita patut menjadi satu perkara yang dikaji oleh Kerajaan dan hendaknya tidak akan berlaku perkara ini pada masa yang akan datang. Saya tidak hendak membongkar, mengorek atau membuka rahsia tetapi saya menyatakan hak hakikat saya sebagai Ahli Dewan memberi ingatan kepada Kerajaan berhati-hati dalam perkara yang besar, bermillion-million ringgit menempah satu tanker kerana kegunaan minyak petrol oleh satu bahagian lain, tetapi bila dikaji keseluruhan kendinya tenaga minyak pengeluaran itu tidak mencukupi dan gas cecair lebih banyak. Inilah perkara yang saya minta supaya Kerajaan mengkaji dalam masalah ini dan saya yakin daripada pengalaman-pengalaman yang lepas akan memberi satu pengajaran yang baru kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan dengan kesah petroliam dan pengeluaran petrochemical umpamanya, saya bersetuju penuh dengan sahabat saya Datuk Mansor bahawa profit sharing negeri-negeri yang 5% itu, saya fikir bukan tidak adil tetapi kurang adil. Daripada pendapatan 100%, 20% kita beri kepada kawan pengeluar kita atau rakan pengeluar kita baki tinggal 80% dan 10% daripada itu walaupun dianya gross profit 5% daripadanya diuntukkan kepada Kerajaan Negeri dan 5% itu diambil oleh Kerajaan Pusat. Daripada baki 70% itu dan apabila angka 70% itu naik 100%, 30% pula diberi kepada kongsi pengeluaran daripada hasil keuntungan, bakinya kepada pihak pengusaha-sama atau peniaga-sama mendapat lebihan yang benar pada perhitungan saya mempunyai 54% keseluruhan daripada hasil petroliam tadi kepada Petronas yang bermakna kepada Kerajaan kita. 54% kepada Kerajaan Pusat dan 5% sahaja kepada Kerajaan Negeri. Walaupun dia beri subsidi yang kita telah luluskan dua Bil pada hari kelmarin iaitu Rang Undang-undang Pemberian Pertambahan Hasil dan Rang

Undang-undang Pemberian Mengikut Bilangan Orang, tetapi kita jangan lupa minyak ini satu hasil yang besar. Berilah peluang kepada negeri-negeri ini maju, membangun kerana negeri di Pantai Timur yang saya maksudkan Kelantan, Trengganu dan Pahang adalah negeri-negeri yang kurang maju dalam negeri kita pada masa ini oleh sebab kemudahan asas tidak mencukupi. Dengan demikian adalah patut ditimbangkan sedikit supaya angka 5% ini dinaikkan sekurang-kurangnya 7% atau 7½%. Ini Kerajaan boleh buat, Tuan Yang di-Pertua, dan pihak berkenaan boleh berbuat demikian kalau sekiranya ditimbangkan dengan seadil-adilnya.

Selain daripada itu, saya berasa senang hati apabila Menteri Kewangan kita membuat satu statement dalam akhbar selepas daripada persidangan OPEC di Qattar yang menyatakan harga minyak tidak akan naik dan kalau naik pun tidak melibatkan kenaikan harga minyak di negara kita. Saya sekali lagi mengulangi ingatan supaya perkara seumpama ini akan dapat ditegaskan oleh Kerajaan iaitu tidak ada kenaikan harga minyak petrol dalam negara kita ini sekalipun negara OPEC telah bersidang bersetuju menaikkan 15% bagi Saudi Arabia dan United Arab Emirates bersetuju naikkan 10% dan harga minyak dalam negara kita kalau boleh kita kekalkan sehingga beberapa tahun dengan tidak ada kenaikan.

Tuan Yang di-Pertua, pengaliran minyak kita daripada di Sabah dan Sarawak kita boleh berbangga dengan usaha ini dan pada hari ini kita mempunyai pengeluaran hampir-hampir 180,000 tong sehari dan sepanjang saya difahamkan kita hanya menggunakan 90,000 tong sehari, jadi kita ada mempunyai bekalan yang lebih. Malangnya, kita masih belum berupaya dan mungkin apabila usaha minyak di Pantai Timur itu kelak berjaya, saya yakin kita patut menimbangkan untuk ditubuhkan kilang penapis minyak bagi negara kita. Walaupun pada hari ini kita nampak jauh, kecil dan tak berkemungkinan bila memandangkan kita kekurangan alat, kekurangan pegawai, kekurangan pakar dan ahli ikhtisas, tetapi kalau kita berusaha dari sekarang kita boleh berbuat demikian. Contohnya, tidak ada satu manusia dalam negara kita pada masa kita di bawah pemerintah penjajah dahulu yang boleh menuntut kemerdekaan negara ini; hanya ahli politik sahaja, yang yakin, bahkan setengah daripada pegawai tinggi Kerajaan yang berpengetahuan

tinggipun tidak ada keyakinan kemerdekaan rakyat negara ini boleh dicapai dengan baik sebagaimana yang telah dirumuskan oleh Yang Teramat Mulia Tengku Abdul Rahman dalam masa mengambilalih pemerintahan negara kita. Begitu juga barangkali ada sahabat kita dalam Dewan ini mengatakan hendak mengusahakan perkongsian perusahaan kapal bukanlah senang, berkehendakan kepakaran, modal dan sebagainya, tetapi perkara kemungkinan ini tidak mustahil. Pada saya tidak ada yang mustahil yang tidak boleh dilaksanakan asal kita mempunyai azam dan berserah kepada Allah dan memohon taufik dan hidayat.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita sebut petro-chemical saya ternampak kita akan membuka kilang-kilang nylon dan kilang-kilang yang lain yang dibuat daripada minyak hendaknya janganlah Kerajaan sehingga minyak itu sudah lama ada baru pula ada dicadangkan bagaimana kita menguasai kimia-petrol ini. Kita mulakan dari sekarang, kita usahakan dengan menghantar anak-anak negara kita ke luar negeri samada China, Melayu atau India. Kalau dia benar-benar rakyat Malaysia kita hantar pergi belajar ke luar negeri mengambil kesempatan mewarisi kita yang akan datang. Janganlah bila sampai masanya kelak kita kekurangan tenaga kepakaran, ikhtisas dan sebagainya, tetapi kalau boleh kita mulakan ikhtiar ini dari sekarang. Walaupun pada lahirnya Bil ini hanya ada dua keping sahaja, tetapi kesan daripada pindaan ini, Tuan Yang di-Pertua, akan menjadi kesan yang sangat mendalam kepada perkembangan ekonomi negara kita ini. Saya harap Yang Berhormat Menteri akan dapat memandangkan kepada masaalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kita kadang-kadang berasa cemas juga oleh sebab pada mula-mula dahulu Kerajaan kita, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri memberi tempoh masa supaya perjanjian dengan syarikat minyak itu ditandatangani oleh syarikat-syarikat minyak yang hendak mencarigali minyak dan mengusahakan pengeluaran minyak di negara kita, sebab kita tahu kita mengakui tidak ada kemampuan, tetapi pada masa yang akhir ini apabila perjanjian minyak ditandatangani, maka nyata benarlah bahawa pemimpin negara kita mempunyai kaliber. Saya mengucapkan tahniah kepada pihak yang bertanggungjawab atas kebijaksanaan mereka itu dan tidak kurang tahniah

kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri-menteri yang lain yang telah berusaha sehingga perjanjian petroliaam yang kita tandatangani dengan pengusaha telah sempurna dimetrikkan. Ini sangat patut kita memberikan tahniah kepada mereka itu kerana selain daripada membolehkan negara kita mengeluarkan atau pengusaha mengeluarkan dan mencarigali minyak, ia menunjukkan kepada dunia bahawa negara kita stable ekonominya yang kita mempunyai satu dasar yang kukuh pada dunia luar bahawa negara kita tidaklah satu negara yang mudah hendak menjadikan hak milik negara sesuatu perindustrian itu. Ini meninggikan imej negara kita kepada dunia luar dan memberi kepercayaan kepada pemodal menanam modal ke dalam negara kita ini. Ini saya bercakap kerana berkaitan sedikit sebanyak dengan maksud Rang Undang-undang ini. Tuan Yang di-Pertua, cuma saya hendak mengingatkan Kerajaan sedikit sahaja daripada fikiran saya yang cetek ini kepada pihak Kerajaan dan orang yang mengelolakan perkara ini. Dalam dunia ini masalah curi-mencuri memang tak habis-habis, ada saja, yang kecil cara kecil, yang besar cara besar, yang pandai cara pandai, yang bijak cara bijak. Saya amat takut, Tuan Yang di-Pertua. Hasil minyak kita ini akan diselewengkan atau diambil oleh satu badan atau negara lain jadi hakmiliknya melalui satu sindiket pencurian yang sangat licin. Umpamanya, negeri kita bersaing saya boleh korek bumi saya dan saya membuat saluran ke bumi tuan menuju kepada pusat minyak ini. Jadi dengan tenaga kekuatan kepandaian sains dan teknologi, saya boleh sedut minyak daripada negeri tuan itu keluar ke negeri saya dan hasilnya saya punya. Saya fikir ini sudah ada berlaku agaknya, kita cuma malas hendak bercakap. Saya tidak bongkar, saya cuma mengingatkan. Biarlah orang lain membongkarkan. Banyak negeri yang berlaku. Jadi apakah pengawalan kita. 100 batu dan 200 batu daripada sempadan tidak jauh dan ada yang paling dekat yang tak sampai berbatu-batu pun ada. Dia korek daripada negeri itu dia buat saluran ke negeri kita dia tarik minyak kita masuk ke negerinya. Saya minta Kerajaan bukan timbang, ambil ingatan. Kalau daun kayu itu bergerak tentu ada angin bertiup. Kalau tak ada sebab boleh jadi orang tak cakap dan kalau tak ada bukti mungkin saya tak mahu cakap. Tetapi kerana ini menunjukkan satu kelemahan kita sendiri. Tentulah tidak lojik kalau orang Kerajaan sendiri membuka

rahsia Kerajaan dan kelemahan Kerajaan, tetapi soalan ini soal kekayaan. Kalau kekayaan ini banyak orang yang sanggup sehingga nyawanya sendiri melayang dia sanggup. Inilah harapan saya walaupun saya bercakap berliku-liku saya yakin Yang Berhormat Menteri yang berkenaan faham apa maksud saya dan motif ucapan saya ini.

Tuan Yang di-Pertua, Brunei masih bukan dalam Malaysia dan dia masih dalam British Colony. Waima apa pun hakikat yang diperkatakan oleh Brunei dia masih dalam British Colony. Kita sudah mengalami masaalah yang dia lalui itu. Saya menganjurkan kepada Kerajaan menyambung tali persahabatan di antara Malaysia dengan negeri Brunei. Biarlah kita membuat formulanya iaitu membuat persahabatan hormat-menghormati kepada negeri Brunei. Brunei masih bangsa kita. sama satu sejarah tanahair kita, sama serumpun dan sekebudayaan dengan kita. Tetapi dia masih dalam taaluk British. Biarlah ia mengatakan ia merdeka sekali pun. Kita boleh akui dia merdeka. Pokok yang saya bentangkan, Tuan Yang di-Pertua, marilah Kerajaan Persekutuan dengan pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuat satu formula baru dengan negeri Brunei menyambung persahabatan, mengekalkan kasih sayang dan menghulurkan tangan persahabatan supaya dapat sama-sama kita bina dan sama-sama kita baiki. Yang patah kita ganti, yang hilang kita cari; Carik-carik bulu ayam lama-lama bercantom juga. Dengan sandaran perumpamaan itulah, saya menyarankan seruan saya ke Dewan yang mulia ini kepada Kerajaan yang sekarang ini melalui Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang baru yang tegas yang jujur dan yang ikhlas dan juga menteri-menteri yang lain supaya negara ini akan dapat diperbaiki. Saya sentiasa berdoa kepada Allah mudah-mudahan hasrat dan cita-cita ini akan dimakbulkan. Wabillah-hi-taufik wassalamualaikum.

8.37 mlm.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberi sokongan atas Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini. Walaupun pada saat saya bercakap ini sekarang 8.40 minit mungkin Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menjawab pukul 9.00 lebih, ini dapat menunjukkan kepada negara dan

Kerajaan bahawa Kerajaan memberi peruntukan kepada kita masa yang sangat singkat untuk membahaskan Rang Undang-undang ini. Mungkin juga kita pada hari besok akan habis pada pukul 10.00. Jadi dengan keadaan ini, saya harap dengan bijaksana Tuan Yang di-Pertua dan Menteri-menteri yang berkenaan ini dapat mengemukakan kepada Kerajaan pada masa lain-lain kali berilah kami Dewan Negara ini masa yang lebih.

Sekarang saya hendak bercakap hal minyak ini. Saya bersabar mendengar ucapan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengemukakan hujah-hujah yang begitu lembut dan dapat diterima supaya Bil ini dapat kita luluskan. Pertama sekali dengan adanya kuatkuasa Rang Undang-undang ini dapat menghilangkan syak wasangka pelabur asing yang hendak menanam modal atau bersyarikat dengan Petronas.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, dalam Rang Undang-undang ini telah mengatakan Petronas juga akan membuat perusahaan perkilangan. Pemasaran, pengeluaran dan pembahagian. Ini yang saya hendak sentuh dan yang terpenting yang saya hendak katakan bahawa kuasa akan diberi kepada Perdana Menteri kita berhubung dengan meluluskan pelesenan. Saya tidak ragu-ragu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kuasa ini diberi, tetapi tentang kesibukan beliau, bolehkah ditimbang balik bahawa Lembaga Pelesenan ini ditubuhkan satu Lembaga yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri yang dianggotai oleh Menteri-menteri yang berkenaan seperti Menteri Kewangan dan juga Menteri Perusahaan dan Perindustrian. Saya fikir dengan keadaan semacam ini akan mengurangkan lagi tugas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam masaalah menimbang dan memikirkan satu lesen yang akan dikeluarkan kelak. Tuan Yang di-Pertua, dalam masaalah ini gemar saya memberi pandangan iaitu Kerajaan hendaklah menjalankan perusahaan yang ulung ini dengan begitu cermat sebab perusahaan ini boleh membawa kekayaan kepada negara kita dan saya harap Kerajaan jangan terburu-buru dalam menjalankan tindakan menjalankan perkongsian dengan syarikat-syarikat yang mahu berniaga dengan kita. Saya katakan begitu sebab syarikat-syarikat itu, saya tidak mencurigai, tetapi pandangan ini patut difikirkan oleh Kerajaan, ada mempunyai kepakaran yang lebih mahir

dalam jurusan perniagaan ini, kita kluatir bahawa mereka melakukan kecurangan dalam syarikat yang kita tubuhkan itu dan kita ambil satu contoh macam negeri tetangga kita di Indonesia. Kita tidak mahu nasib Petroliam kita sama seperti PERTAMINA di Indonesia. Ini satu perkara yang sangat merugikan kita kalau terjadi yang telah saya sebutkan itu berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, kita hendaklah berhati-hati dari semasa ke semasa dan kepada pegawai-pegawai yang ada kaitan dengan Petroliam ini hendaklah kita berikan gaji yang lumayan dan juga elaun kepada mereka yang menjalankan tugas di masa-masa selain daripada yang ditugaskan. Sebab saya mengesyorkan begini, kita kluatir bahawa dengan tidak diberikan gaji yang begitu cukup kepada mereka penyelewengan akan berlaku. Bila penyelewengan berlaku maka satu kerugian kepada perusahaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi kita baru-baru ini telah mengadakan perjanjian dalam bidang ekonomi, perdagangan, saintifik, teknologi khususnya dengan negeri-negeri sahabat di Tenggara Asia, di Mesir, dan negeri-negeri Arab. Saya harap negeri-negeri ini negeri yang telah matang dalam perusahaan minyak, kita minta dengan jasa baik Kerajaan itu supaya memberikan latihan profesyenal kepada rakyat kita dalam jangka masa yang pendek dan jangka masa yang panjang. Pada satu ketika kelak kita akan mempunyai tenaga yang mahir yang boleh menjalankan perusahaan ini dan negeri ini saya fikir tidak begitu ketat atau dia tentu bermurah hati pada memberikan pertolongan dalam latihan ini terutama sekali negeri-negeri yang ada hubungan selain daripada perniagaan, ada hubungan kebudayaan dengan kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa kita membincangkan masaalah minyak ini kita syukur pengeluaran minyak OPEC telah menaikkan harga minyak dalam tahun ini. Tadi Yang Berhormat saudara saya Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Razak telah bercakap tetapi kita mesti ingatkan Kerajaan sekarang telah diugut oleh 5 syarikat minyak dalam tanahair kita ini, akan dicubanya memujuk dan memberikan alasan-alasan kepada Kerajaan supaya harga minyak ini dinaikkan. Saya harap Kerajaan mesti tegas dalam masaalah ini. Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mengumumkan bahawa harga minyak di Malaysia ini tidak sayugia

dinaikkan. Tetapi kalau ugutan ini datang daripada syarikat-syarikat ini, Kerajaan akan bertimbang rasa kepada mereka kerana alasan-alasannya cukup, harga minyak ini akan naik. Bila harga minyak dalam negeri kita naik, Tuan Yang di-Pertua, saya khuatir bahawa segala pengilangan yang ada kaitan dengan minyak dalam negeri ini kos-kos perbelanjaannya mahal, tentu sekali barang-barang pengeluaran kita akan mahal dan bila barang mahal yang merana ialah rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah perkilangan ini menurut penyelidikan minyak Malaysia adalah dari jenis yang bermutu tinggi tetapi malangnya kilang penapis minyak di negeri kita ini menggunakan alat-alat jentera penapis minyak yang bermutu rendah. Adalah membuang masa dan belanja menyesuaikan alat ini dan terpaksa pula kita mengeksport minyak daripada Kuwait dan Arab Saudi. Saya ingin dapat penjelasan daripada Menteri yang berkenaan, daripada Kerajaan, apakah lebih mementingkan tukaran wang luar negeri dan mahu menjimatkan masa dan belanja syarikat penapis minyaknya daripada menjaga kepentingan rakyat seluruh negeri ini. Tidakkah boleh kita adakan kilang penapis minyak yang bermutu tinggi dalam negeri kita ini dengan lebih banyak dan dengan keadaan ini minyak dalam negeri kita bukan sahaja boleh dapat diekspotkan keluar negeri tetapi boleh digunakan dalam negeri ini oleh rakyat negeri ini dan kita mengambil satu contoh mana-mana negeri yang ada mengeluarkan minyak, pengedaran minyak dalam negeri itu berharga murah. Saya contohkan Brunei sahaja. Brunei harga minyaknya murah. Kalau kita di Malaysia telah mengeluarkan minyak kenapa minyak kita boleh jadi mahal? Keadaan ini patut juga diperhatikan oleh Kerajaan supaya faedahnya dapat dirasai oleh rakyat seluruhnya.

Dalam hal minyak ini, gemar saya memberikan perhatian kepada Menteri yang berkenaan, kita juga kena kawal, kita ada Akta Kawalan Barang-barang, tetapi di setengah-setengah tempat, di kampung-kampung, di ulu-ulu sangat susah dapat minyak tanah. Perkara ini ada kaitannya dengan minyak. Kita memerhatikan minyak yang kita hendak gunakan ini, yang digunakan oleh PETRONAS ini ialah minyak yang hendak digunakan oleh rakyat. Minyak tanah itu kita hendak jaga juga, jangan sampai

rakyat di luar-luar bandar putus bekalan, tidak dapat minyak tanah. Ini satu perkara yang patut diperhatikan oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya hendak bertanya Menteri yang berkenaan, kenapa kawasan kami, lautan kami, lautan Johor, lautan Melaka, tidak dikaji dan disemak, tidak adakah telaga-telaga minyak? Orang Trengganu sibuklah dengan hal minyak, kami di Johor dan Melaka senyap sahaja. Cuba minta syarikat-syarikat itu membuat satu penyelidikan dalam perairan kawasan Negeri Johor dan Melaka, kalau ada minyak kita berbangga macam orang Trengganu, macam orang Sabah juga. Itu sahajalah, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya memberikan sokongan atas Rang Undang-undang ini.

*8.48 mlm.*

**Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya berasa serba-salah bila saya membaca buat pertama kali Rang Undang-undang yang dikemukakan di sini. Serba-salah kerana saya tidak tahu samada saya hendak beri sekalung bunga ataupun hendak lemparkan batu kepada Kerajaan. Apabila saya timbang dengan teliti, saya rasa patut kita beri sekalung bunga kepada Kerajaan.

Ini kali kedua pada petang ini saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan kerana kejujuran mengerti apakah yang patut dibuat untuk kebaikan negara. Semasa kita membahar pindaan kepada Akta Kemajuan Petroliaam, 1974 dahulu saya telah menyuarakan kesangsian saya berkenaan dengan apa yang dikatakan syer pengurusan. Saya masih ingat saya bertanya kepada Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri pada masa itu, apakah asasnyanya. Tetapi rasa saya Yang Berhormat Timbalan Menteri pada masa itu tidak dapat memberi jawapan yang memuaskan. Di dalam perkara ini kita berlawan dengan gergasi-gergasi yang besar yang mengerti selok-belok lebih daripada kita. Saya masih ingat kita mempunyai dan masih lagi mempunyai Undang-undang yang digelar Akta Melombong Petroliaam, 1966. Di bawah Akta itu syarikat-syarikat minyak yang telah mendapat tempat untuk mencarigali di Pantai Timur Malaysia Barat dan juga ada syarikat-syarikat minyak yang meminta di Pantai Barat Malaysia Barat termasuk jugalah kawasan sahabat saya Datuk Haji

Ahmad Arshad. Tetapi nampaknya syarikat-syarikat ini tahu selok-beloknya. Sungguh pun di dalam peruntukan Akta Petroliaam Melombong tahun 1966 ini, kita mengenakan supaya memberitahu kepada Kerajaan bila mereka hendak mencari gali, tetapi dengan alat-alat yang begitu moden syarikat-syarikat ini menggunakan satelite dengan tidak payah melalui, tidak payah memberitahu Kerajaan, mereka sudah tahu sekurang-kurangnya garisan kasar, apakah yang ada di lautan kita. Inilah sebabnya bila kawasan sahabat saya, Datuk Haji Ahmad Arshad bila ditawarkan, nampaknya tidak laku, tidak ada orang hendak terima, kerana mereka sudah tahu di situ tidak mempunyai bahan-bahan yang boleh diperolehi. Ini sekali lagi saya mengatakan bahawa bila kita berhadapan dengan syarikat-syarikat minyak yang besar, terpaksa kita berjaga-jaga. Mereka mempunyai pengaruh yang besar. Tetapi bila saya memandangkan kepada pindaan yang dibawa pada kali ini, saya rasa langkah yang diambil oleh Kerajaan itu bijak. Tidak kesemuanya, barangkali sebahagian daripadanya adalah bijak. Kerana kalau kita hendak menjalankan pencarian gali minyak, mungkin kita tidak mampu, kerana belanjanya terlampau besar. Bagi mereka ini, biarlah mereka jalankan dahulu dan kita akan perhatikan, kita akan awaskan pekerjaan-pekerjaan mereka, dan kita boleh mengambil langkah disatu masa yang akan datang. Undang-undang boleh dipinda pada bila-bila masa. Tetapi kalau kita telah menjalankan, seperti yang kita hendak jalankan semasa kita membawa Pindaan kepada Akta induk, rasa saya masanya belum sampai lagi. Dengan sebab itu sekali lagi saya mengatakan, bila saya timbang telek, saya rasa perbuatan Kerajaan pada kali ini sangatlah bijak.

Saya telitikan kepada beberapa Fasal di bawah Rang Undang-undang ini dan nampaknya Seksyen 6 (a) terus dimansuhkan. Dan satu Seksyen-kecil baharu diadakan iaitu di bawah Fasal 4 (b) (2) yang baharu, inilah satu perkara yang rasa saya, saya kurang berpuas hati, sungguhpun keterangan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri semasa mengemukakan Rang Undang-undang ini tadi di mana seksyen-kecil baharu ini diadakan ialah kerana mungkin kita bertentangan dengan Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan.

Saya pandang disebaliknya pula, Tuan Yang di-Pertua, kalau mengikut Seksyen baharu yang hendak diadakan ini Seksyen 9 (1), Seksyen 9 (2), ini mungkin merugikan kita. Apa sebab saya katakan mungkin merugikan kita? Sebabnya, bagi syarikat-syarikat yang tidak mahu meneruskan perjalanan mencari gali minyak, sudah tentu mereka boleh mengambil kesempatan di bawah Seksyen 9 (2) yang baharu ini. Bagi Company-company yang tahu kawasan-kawasan mereka itu mempunyai bakal kawasan minyak yang baik, sudah tentu mereka akan terima. Mereka akan terus menjalankan negotiation di antara mereka dengan PETRONAS tetapi bagi syarikat-syarikat yang mempunyai kawasan-kawasan yang mungkin marginal, yang tidak mungkin mempunyai minyak, sudah tentu mereka akan mengambil kesempatan di bawah Seksyen 9 (2) ini. Dan di bawah Seksyen 9 (2) ini terus mereka boleh mengatakan bahawa mereka berhak mendapat pampasan yang mencukupi. Jadi apakah pampasan yang mencukupi itu? Mungkin mereka boleh mengatakan mereka telah membelanjai dan membiayai sebahagian besar wang \$30 juta, \$40 juta kerana mencari gali setakat ini, tetapi oleh kerana sekarang kawasan mereka sudah diambil balik mengikut Seksyen 9 (2) baharu ini, maka terpaksa Kerajaan memberi ganti rugi kepada mereka. Inilah perkara yang mungkin timbul.

Saya lebih senang Seksyen 9 (2) baharu ini tidak ada langsung, kerana kalau syarikat-syarikat itu berasa yang kawasan mereka telah diambil oleh Kerajaan, biar mereka membuat tuntutan sampai kepada Privy Council sekali pun, kita boleh melawannya. Baharu kita tahu setakat manakah tuntutan mereka, tetapi pada hemat saya, bila saya baca Seksyen 9 (2) yang baharu ini mungkin memberi peluang terus kepada mereka. Ini menunjukkan kita terlalu adil, terlalu murah hati kepada mereka ini, jadi nampaknya Kerajaan telah pergi daripada satu extreme kepada satu extreme yang lain. Dahulu kita hendak mengambil kuasa kuat, sekarang ini kita beri pula dengan murah hati kepada mereka. Inilah sebabnya, saya rasa pada awal-awal tadi, saya serba salah tidak tahu hendak beri sekalung bunga atau hendak lempar batu. Tetapi bila saya pandangan kepada keseluruhannya, saya rasa patutlah saya bersama-sama sahabat saya memberi sekalung bunga kepada Kerajaan.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

9.00 mlm.

**Tuan V. V. Aboo:** Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sukacitanya menyokong Rang Undang-undang Kemajuan Petroliaam (Pindaan).

Sejak tahun 1974 semua pihak yang terlibat dengan Akta ini telah merasa kesal di atas akibat peruntukan-peruntukan dalam Akta Kemajuan Petroliaam. Kerajaan telah memikirkan bahawa adalah mustahak untuk mempertahankan kebaikan negara kita dalam perlombongan sumber-sumber petroliaam negara kita ini. Syarikat-syarikat yang terlibat dalam perlombongan ini adalah di antara yang paling terkuat dalam dunia kita. Perundingan-perundingan dengan mereka memang satu perkara rumit dan Kerajaan telah memasukkan senjata-senjata yang kuat dalam Akta tersebut untuk menjaga kedudukan dan kebaikan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 6A dalam Akta tersebut mengenai pengurusan telah menjadi satu perkara yang banyak disalah fahamkan, khasnya oleh pelabur-pelabur modal dalam negara kita. Dewan ini dalam tahun 1966 telah meluluskan Akta Syarikat-syarikat (Companies Act) dalam mana satu perkara yang menarik adalah peruntukan untuk mengharamkan kegunaan saham-saham pengurusan, seperti telah terdapat dalam syarikat "The Straits Times" yang lama dan dalam sebuah atau dua buah syarikat yang lain. Kita telah fikir pada masa itu, bahawa cara management share ini satu cara yang sangat merunsingkan dan memberi kekuatan kepada satu pihak dalam syarikat itu yang tidak boleh dikatakan patut. Jadi cara management share sudah menjadi satu perkara yang tidak diingini dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, cara management share ini yang terkandung dalam Akta Kemajuan Petroliaam harus dilihat dari segi ini. Tambahan pula sudah dikatakan bahawa cara management share ini adalah satu cara untuk "back-door nationalisation" khasnya dalam keadaan mana penggunaan management share itu tidak diikuti dengan apa-apa pembayaran pampasan kepada syarikat-syarikat minyak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, perkara ini sudah dimansuhkan dan tidak boleh dibangkitkan lagi. Jangan dipanjangkan perkara itu.

**Tuan V. V. Aboo:** Saya beri contoh syarikat lain. Keraguan seperti ini tidak boleh dikatakan satu perkara yang akan menggalakkan pelabuhan modal dalam negara kita. Perlembagaan telah menjamin bahawa harta seseorang tidak boleh diambil dengan menggunakan kuasa Kerajaan melainkan dengan pembayaran pampasan yang patut.

Rang Undang-undang ini mencadangkan untuk meminda Akta tersebut dengan memansuhkan Seksyen 6A dalam Akta tersebut juga meminda Seksyen 9 untuk membuat peruntukan bagi pembayaran pampasan kepada syarikat-syarikat minyak. Pindaan-pindaan yang dibuat adalah dialu-alukan oleh negara kita. Kesediaan Kerajaan kita meminda Akta tersebut menunjukkan kejujuran Kerajaan kita serta kesediaan Kerajaan kita mendengar dan mengambil tindakan atas aspek-aspek undang-undang dan lain-lain yang tidak dapat diterima baik oleh sesiapaupun. Tetapi Kerajaan kita mempunyai pendirian yang kuat di atas perkara-perkara yang sesungguhnya akan menjaga dan memajukan kepentingan negara. Saya harap kita akan dapat meneruskan selama-lamanya sikap seperti ini oleh Kerajaan kita.

9.06 mlm.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran, pandangan dan ulasan-ulasan tentang Rang Undang-undang yang membina ini. Saya juga tidak hendak memberi jawapan satu-persatu mengenai beberapa soalan yang berbangkit melainkan mengatakan bahawa perkara yang telah dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini bukan sahaja pada petang ini bahkan dalam dua-tiga hari yang lepas tentang apa yang dikatakan supply base yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Mansor Mohamad dan juga Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdul Razak.

Seperti mana yang saya telah terangkan dalam Dewan ini, setakat ini PETRONAS sudah berikan kepada Pernas Mining

kebenaran bagi mengadakan satu tempat bekalan (supply base) dan di manakah supply base hendak diletakkan terpulanglah kepada Pernas Mining. Tetapi saya juga akan menyampaikan pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat ini kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri oleh kerana PETRONAS dan Pernas juga adalah di bawah tanggungjawab Y.A.B. Perdana Menteri. Patut juga saya jelaskan disini bahawa supply base ini bukan satu perusahaan tetapi supply base cuma satu tempat dikhaskan untuk menyimpan alat-alat yang akan digunakan oleh syarikat-syarikat cari gali minyak, bukan satu perusahaan yang akan mengambil tenaga kerja yang banyak.

Berkenaan dengan perusahaan, Ahli-ahli Yang Berhormat di sini pun ada bercakap supaya perusahaan minyak di dalam Petroliam industri di dalam negara kita boleh memberi faedah kepada rakyat khususnya downstream activities iaitu mengadakan minyak dan mengadakan kilang-kilang Petrokimia dan sebagainya. Oleh kerana Kerajaan dan PETRONAS telah mengambil berat tentang perusahaan ini bahawa satu pakar perunding telah di lantik supaya memberi laporan dan syor-syor kepada PETRONAS dan Kerajaan berkaitan dengan perusahaan petrokimia yang boleh dianggapkan sebagai viable dalam negara ini. Syor-syor ini apabila diterima akan dikaji dengan teliti supaya negara ini boleh mendapat faedah dari pengeluaran petrol dari beberapa kawasan dan usaha bagi saham-saham kepada rakyat khususnya bumiputra akan diambil berat oleh PETRONAS dan juga oleh Kerajaan.

Ada juga satu cadangan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad bin Arshad iaitu apabila lesen diberi kepada kilang-kilang dan perusahaan Petroliam supaya lesen ini diberi oleh satu Lembaga. Saya suka memberitahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat itu bahawa di bawah peruntukan di dalam Akta Petroliam sudah pun ada Majlis Penasihat Negara kepada Perdana Menteri tentang semua perkara berkaitan dengan petroliam industri dan perkara ini saya akan rujukkan kepada Majlis ini samada kuasa yang diberi kepada Perdana Menteri dalam Akta ini patut di turunkan kepada satu Lembaga yang lain. Perkara ini saya akan kemukakan.

Senator Datuk Mansor Mohamad dan juga Senator Datuk Haji Abdul Razak meng-  
harapkan supaya hasil minyak dibahagikan

kepada negeri-negeri yang berkenaan dengan lebih adil oleh kerana memandangkan \$500 juta kepada negeri-negeri itu tidak mencukupi. Saya tidak hendak membahaskan di dalam Dewan ini soal pembahagian dari segi undang-undang dan Perlembagaan tetapi 5% royalti ini telahpun ditetapkan di dalam satu perjanjian di antara negeri-negeri yang berkenaan dengan PETRONAS berdasarkan atas satu hakikat iaitu minyak yang didapati dari kawasan sekarang ini berdekatan dengan negeri-negeri berkenaan, misalnya, Pahang, Trengganu, Sabah dan Sarawak ialah dalam dasar laut (continental shelf) dan bukan dalam perairan (territorial waters) negeri-negeri yang berkenaan. Dengan itu pihak Kerajaan Pusat ada hak di atas sumber-sumber hasil itu. Tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum saya tidak hendak membahaskan dari segi teknikal dan 5% ini sebagai royalti yang diberi kepada negeri-negeri ialah berdasarkan atas perjanjian yang telah ditandatangani di antara PETRONAS dan negeri-negeri yang berkenaan.

Saya juga hendak menegaskan bahawa jikalau hendak pandang dari segi keadilan hasil-hasil dari minyak ini hendaklah juga dibahagi kepada negeri-negeri yang tidak ada hasil minyak pada masa ini seperti Senator Datuk Haji Ahmad Arshad mengatakan Johor dan Melaka, ada harapanlah kalau dapat sumber hasil dari minyak, hasil itu boleh juga diberikan kepada negeri-negeri yang lain yang tidak ada minyak.

Senator Datuk Mansor Mohamad ada juga membangkitkan berkenaan harga minyak disel untuk nelayan. Saya hendak mengkaji perkara ini. Sebagaimana saya tahu harga disel satu harga sahaja, bukan ada perbezaan harga untuk nelayan dan untuk orang lain. Jikalau perkara ini betul, saya akan kaji.

Senator Datuk Haji Abdul Razak Hussin juga telah membangkitkan tentang masalah-masalah tanker-tanker gas asli yang mungkin pada pandangan beliau akan merugikan Kerajaan jikalau tanker-tanker itu tidak digunakan.

Barangkali Ahli Yang Berhormat itu maksudkan bahawa sepertimana Dewan ini sedia maklum Kerajaan sedang membuat tempahan kepada satu limbungan di negeri Peranchis supaya mendapatkan beberapa buah tanker untuk membawa gas asli dari

Sarawak ke negeri Jepun dan masalah yang telah timbul sekarang ini ialah projek untuk mengadakan gas asli di Sarawak ataupun dalam bahasa Inggerisnya "liquid pipe natural gas" (LGN) telah dilambatkan dan Kerajaan sedar tentang masalah yang akan dihadapi oleh negeri kita jikalau tanker itu siap gas asli belum dikeluarkan dan ini akan menimbulkan satu masalah yang serius. Oleh kerana Kerajaan sedar tentang masalah ini, sekarang ini juga Kerajaan ada berhubung dengan pihak-pihak yang berkenaan tentang masalah ini dan harapan kita ialah supaya masalah tanker ini boleh diatasi dengan mengadakan perundingan dengan pihak-pihak yang berkenaan. Samada kita berjaya atau tidak atau bolehkah mempercepatkan projek gas asli di Sarawak ialah di dalam perhatian PETRONAS juga dan perundingan sedang giat dijalankan di antara PETRONAS dan syarikat-syarikat yang berkenaan supaya projek gas asli itu boleh dicepatkan.

Adalah menjadi harapan kita apabila ada tanker, gas asli pun boleh dikeluarkan. Gas asli adalah berlainan dengan minyak. Saya harap tidak ada salah faham tentang projek ini. Gas asli ialah satu sumber yang berlainan dengan minyak dan sudah terdapat bahawa di dalam laut berdekatan dengan negeri Sarawak ada gas asli yang boleh digunakan bagi tujuan commercial, ada juga . . . . .

**Datuk Haji Abdul Razak bin Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan. Tanker yang ditempah dahulu yang berharga bermillion-million ringgit sebuah ialah dikhaskan pada permulaannya kepada kegunaan minyak. Apabila diadakan siasatan lanjut didapati bahawa negara kita bukan sahaja mengeluarkan minyak tetapi mengeluarkan gas asli juga. Penempahan itu telah lebih dari keperluan yang patut dan terpaksa pula kita menempah lagi untuk tanker gas asli. Harga bagi sebuah tanker minyak yang kita tempah itu ialah bermillion-million ringgit. Yang saya jelaskan ialah mengapa Kerajaan menempah beberapa buah tanker minyak yang besar dengan harga bermillion ringgit sebuah sedangkan keperluan kita tidak mencukupi. Setelah kita mengkaji, selepas siasatan kedua, didapati negeri kita mengeluarkan gas asli dan kerana itu tanker-tanker akan ditempah lagi. Itu yang saya mengingatkan Kerajaan buat masa yang akan datang.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah di atas penjelasan itu. Apa yang saya maksudkan tadi ialah tempahan khas yang diberi kepada negeri Peranchis untuk membina tanker khas gas asli dan bukan untuk minyak. Sekarang yang menjadi masalahnya ialah oleh kerana ada sedikit kelambatan tentang projek gas walhal tanker-tanker sedang dibina di limbungan Peranchis.

Saya juga akan menyentuh perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ini tentang samada kilang-kilang penapis minyak ini boleh ditingkatkan mutunya supaya keluaran minyak di sini boleh ditapis di sini juga.

Saya suka hendak menegaskan bahawa kilang-kilang yang didirikan di negeri ini tidak menggunakan minyak yang didapati di Malaysia. Ini ialah oleh kerana bagi memenuhi kehendak-kehendak kegunaan petroliam di Malaysia hanya memerlukan apa yang dikatakan heavy crude iaitu bahan-bahan untuk digunakan oleh industri-industri dan sebagainya. Dan heavy crude ini adalah diimpot dari negeri-negeri Asia Barat, Kuwait dan Arab Saudi seperti yang saya sebutkan tadi. Keluaran minyak dalam negeri kita ialah light crude dan light crude ini bila diekspot akan mendapat keuntungan yang lebih, tetapi perkara ini kita akan kaji oleh kerana saya sedar bahawa rakyat tidak puas hati, jika sekiranya kita menunjukkan bahawa negara kita ini akan mengeluarkan minyak yang banyak dan mendapat keuntungan yang banyak, lebih dari impot dan jika keuntungan itu tidak dipulangkan kepada rakyat, ini boleh menimbulkan satu perasaan tidak puas hati khasnya tentang harga petroliam dan harga minyak tanah dan sebagainya dan bukan sahaja harga petroliam dan minyak tanah bahkan harga industrial oil yang digunakan oleh pihak-pihak perindustrian di sini dan juga pihak LLN yang mesti menggunakan minyak itu untuk mendapatkan letrik bagi perindustrian. Sepertimana yang saya sebutkan dalam Dewan ini kelmarin, perkara ini sedang dikaji oleh Kerajaan pada keseluruhannya bukan sahaja berkaitan dengan harga petroliam dan harga minyak tanah bahkan berkaitan dengan harga industrial oil untuk industri.

Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Razak bin Haji Hussin telah membangkitkan keraguan beliau samada dengan teknologi yang moden, alat-alat yang moden, teknik

yang moden, boleh jadi minyak yang didapati di dalam kawasan kita diseludup ke kawasan yang lain—dicuri. Walaupun tidak ada bukti setakat ini adanya berlaku perkara ini, tetapi saya berterima kasih juga kepada Ahli Yang Berhormat itu tentang masalah ini oleh kerana PETRONAS dan Kerajaan akan berwaspada. Saya pun bersetuju bahawa sekarang ini ada alat-alat yang digunakan oleh apa yang disebutkan sebagai gergasi oleh Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin. Gergasi itu ada menggunakan alat-alat yang paling moden dan teknik yang paling moden dan kita seharusnya berwaspada supaya tidak berlaku perkara yang tidak diingini.

Ada juga Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan supaya PETRONAS dan negeri kita mengadakan pegawai-pegawai ikhtisas—professional dalam semua teknologi petroliam, dengan tujuan ada satu syarat di dalam perjanjian perkongsian antara PETRONAS dan syarikat-syarikat minyak supaya peruntukan diberi kepada PETRONAS untuk penyelidikan (research) dan sebagainya. PETRONAS ada merancang untuk melateh beberapa orang warganegara yang sesuai untuk mendapatkan kepakaran dalam teknologi dan teknik yang moden di sini.

Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin telah mengakui bahawa walaupun beliau hendak memberi sekalung bunga kepada Kerajaan atas kejujuran dan keberanian Kerajaan untuk meminda beberapa peruntukan dalam Akta ini dan beliau hendak membaling batu juga, dua-duanya itu saya terima oleh kerana memang Kerajaan sedar tentang kemungkinan bahawa pindaan kepada Seksyen 9 (1) di mana Kerajaan akan memberi pampasan yang mencukupi kepada syarikat-syarikat minyak, jika sekiranya berlaku pengambilan balik kawasan-kawasan mereka sebagai concessions, mereka akan diberi pampasan.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, dahulu syarikat-syarikat minyak telah diberi concessions dan apabila Akta Kemajuan Petroliam dikuatkuasakan, concessions itu diambil balik dan diberi kepada PETRONAS dengan tidak adanya pampasan. Oleh kerana dalam peruntukan Akta induk itu PETRONAS dan syarikat-syarikat minyak diberi tempoh 6 bulan mengadakan satu perjanjian baharu dan syarikat minyak itu menjadi bukan tuan yang mempunyai concessions tetapi menjadi contractors. Walaupun ada kemungkinan bahawa syarikat-syarikat carigali yang masih ada concessions—ada satu syarikat sahaja sekarang ini yang mengambil kesempatan untuk memberi balik concessions itu kepada Kerajaan dengan syarat mendapatkan pampasan. Inilah satu kemungkinan sahaja dan dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya menyebutkan dalam bahasa Inggeris, “balance of viability”. Kerajaan telah mengambil keputusan supaya mengadakan pindaan ini dan jika sekiranya syarikat carigali itu hendak mengambil kesempatan untuk mendapatkan peruntukan pampasan, Kerajaan kenalah mengkajinya dengan teliti samada syarikat itu patut dilayani atau tidak. Memang kita sedar juga jika tidak dibuat pindaan itu, juga dibayangkan bahawa syarikat-syarikat yang tertentu akan mengemukakan perkara ini kepada mahkamah. Tetapi oleh kerana Kerajaan hendak memastikan bahawa tidak ada hasrat untuk mengadakan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator V. V. Aboo mengenai back door nationalisation. Kerajaan sedang mengambil keputusan membawa cadangan untuk membuat pindaan seperti yang telah saya kemukakan kepada Dewan yang mulia ini tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat setakat inilah sahaja sedikit-sebanyak ulasan yang saya dapat berikan tentang beberapa teguran yang telah dibangkitkan dan atas cadangan-cadangan yang membina, saya mengucapkan terima kasih dan saya harap dengan adanya pindaan ini yang akan diluluskan oleh Dewan ini, pihak swasta dalam negeri dan

juga luar negeri, boleh ada keyakinan bahawa Kerajaan memang hendak mengadakan pelaburan dalam negeri ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 4* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang esok, 14hb Januari, 1977.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 9.30 malam.*